

"SANGATLAH mustahak setiap keluarga memiliki tanggungjawab moral bagi sama-sama merancang untuk melahirkan generasi yang berakhlak serta berakidah sempurna." - Titah sempena Tahun Baru Masihi 2002.



"TELAH timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut kerana sebab apa yang telah dilakukan oleh manusia. Terbukanya demikian kerana Allah hendak memazakkan mereka disebabkan dari bala-bala perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali insaf dan ber-taubat." - Surah Ar-Ra'ad ayat 41.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersalaman bersama Menteri Luar Russia, Tuan Yang Terutama Igor Ivanov sejurus selepas ASEAN - Russia menandatangani Deklarasi Bersama. - Gambar oleh Hamadi HM.

ASEAN - Russia tandatangani Deklarasi Bersama

PHNOM PENH, 19 Jun. - ASEAN menandatangani 'Joint Declaration On Partnership For Peace and Security, and Prosperity and Development In The Asia-Pacific Region' dengan Russia.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berangkat menghadiri Majlis Menandatangani Deklarasi tersebut yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di sini.

Deklarasi Bersama itu akan meningkatkan dan mengukuh-

Laporan Haji Timbang Bakar dari Phnom Penh

kan kerjasama politik dan keselamatan di dalam hubungan dialog antara ASEAN - Russia. Ianya juga menggalakkan pertukaran maklumat di antara agensi-agensi, mempertingkatkan interaksi dan pertukaran rakyat dan hubungan di antara institut-institut penyelidikan ASEAN dan Russia.

Selepas majlis tersebut, Menteri-menteri Luar ASEAN

menghadiri Sidang Akhbar Bersama Persidangan Rakan-rakan Dialog (PMC).

Di sebelah malam, YTM Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan YAM Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz berangkat menghadiri Majlis Gala Dinner bagi merayakan Menteri-menteri PMC yang diadakan di Pusat Mondial yang diberikan oleh Tuan Yang Terutama Hor Namhong, Menteri Kanan, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja.

Berazam kukuhkan perpaduan ASEAN

PHNOM PENH, 17 Jun - Menteri-menteri Luar ASEAN sebulat suara membaharui tekad mereka dengan azam untuk mengukuhkan lagi perpaduan dengan semangat tradisional ASEAN.

"Kami dapatkan keutamaan untuk meningkatkan kebangkitan dan kerjasama ASEAN dalam semangat 'kemakmuran berjiran' dan bantu diri. Kami berazam untuk menggandakan usaha kami dalam integrasi ekonomi dan merapatkan jurang pembangunan."

Azam perpaduan semangat sekali gus merupakan janji para Menteri Luar ASEAN itu dimeterai dalam Kenyataan Bersama di akhir Mesyuarat AMM Ke-36 di sini.

Kenyataan mengandungi 51 perkara itu seterusnya menegaskan komitmen mereka untuk meningkatkan kerjasama dengan negara-negara di luar rantau, khususnya rakan-rakan

dialog dan institusi-institusi antarabangsa. Mereka juga menyatakan komitmen dalam usaha menyertai lain-lain masyarakat antarabangsa mengenai usaha keamanan, kestabilan dan keadilan dunia.

Mengenai integrasi ekonomi serantau, kenyataan tersebut menyifatkan penting bagi persaingan ASEAN dan perlu langkah lebih mendalam mengenai integrasi ekonomi ke arah sebuah masyarakat ekonomi ASEAN.

Kenyataan Bersama itu juga memberi perhatian kepada Perjanjian Pelancongan ASEAN (ATA) yang telah ditandatangani oleh pemimpin-pemimpin ASEAN di Phnom Penh pada 4 November 2003. Kenyataan itu menegaskan keutamaan pelancongan terhadap pembangunan negara-negara anggota dan menekankan pelaksanaan ATA adalah tanggungjawab bersama pelbagai agensi nasional dan badan-

badan ASEAN.

Inisiatif ke arah Integrasi ASEAN dan Lembah Mekong (Mekong Basin) satu lagi rangka kerja dan projek ASEAN yang dihas-

ratkan untuk merapatkan jurang pembangunan ASEAN dan meningkatkan persaingan seluruh ASEAN.

Dalam hubungan ini,

kenyataan itu meminta kerjasama yang lebih rapat di kalangan badan-badan ASEAN untuk menggerakkan aktiviti-aktiviti dalam rangka Inisiatif Integrasi ASEAN (IAI) dan

Deklarasi Hanoi berhubung usaha merapatkan jurang pembangunan ke arah integrasi ASEAN yang lebih padu.

Lihat muka 16

Tangani secara bersepadu hal-ehwal belia

Oleh
Bolhassan HAB

agaan kesihatan selaras dengan Dasar Belia Negara.

Berucap di Persidangan Belia Kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat seterusnya menggesa pertubuhan bu-

swasta untuk sama-sama dengan pelbagai agensi kerajaan memainkan peranan yang bersepadu supaya kefahaman dan keberkesanan persidangan tersebut dalam membantu memperkasa kewujudan generasi belia cemerlang.

"Kita semua adalah bertanggungjawab kepada hal-ehwal belia. Kita semua mempunyai kepentingan kepada belia. Oleh yang demikian, persepsi atau tanggapan bahawa belia

serta masalah-masalah belia itu adalah terpinggir dan harus ditangani secara sendiri-sendiri oleh sesuatu pihak sahaja harus dibetulkan," tegas Yang Berhormat.

Tanggapan sedemikian itu tambah Yang Berhormat lagi tidak akan menyelesaikan masalah belia yang sifatnya pelbagai sisi dan semua 'stake-holders' dalam pembangunan belia

Lihat muka 16

ANTARA YANG MENARIK

Haluan :

Buat perbandingan kemampuan atlet - Muka 2

Surat Pembaca: Pencalonan tidak dilambatkan

- Muka 3

Enam kunci tugas ASEAN

- Muka 5

Melirik Masa Silam

Menceceh, bibiran, melatah, mencarut, celupar - Muka 6

Dapatkan kebenaran dari Pegawai Daerah

- Muka 8

Penggunaan telefon bimbit semasa memandu kenderaan satu kesalahan

- Muka 9

\$20.7 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek komputer

- Muka 10

Orang ramai dialu-alukan menyewakan kenderaan

- Muka 12

Dosa-dosa manusia punca terjadi bencana alam

- Muka 3 ANEKA

Persekitaran yang sihat untuk kanak-kanak

- Muka 11 ANEKA

TAHUKAH AWDA

LAPISAN Ozon Di atmosfera semakin tipis disebabkan oleh gas-gas pemusnah ozon. Gas penyejuk hawa dingin CFC-12 atau R-12 yang digunakan di dalam alat hawa dingin kenderaan salah satu bahan pemusnah ozon. Lapisan ozon diperlukan untuk melindungi kita daripada sinaran ultraviolet matahari. Oleh itu kurangkan pelepasan CFC akibat kebocoran, kitar semula dan jangan lepaskan CFC semasa melakukan servis dan gunakan sistem hawa dingin yang memara ozon dan gas penyejuk alternatif seperti HFC-134a. - Sumber : Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi.



25 JUN 2003 BERSAMAAN 1424 ربيع الآخر 25

BELIA CEMERLANG IMPIAN NEGARA

DALAM arus globalisasi dan ledakan teknologi maklumat dan komunikasi atau sinonimnya ICT, sememangnya Negara Brunei Darussalam memerlukan dan menghendaki belia-belia yang cemerlang. Kepentingan itu sentiasa dituntut oleh bangsa dan negara kerana mereka adalah aset paling berharga dalam memacu dan meneruskan kesinambungan pembangunan dan membawa negara ke arah hala tuju yang lebih cemerlang. Kita memerlukan belia-belia yang cemerlang dalam semua segi - cemerlang dalam pendidikan, ekonomi, agama, sukan dan sempurnanya.

Hasrat murni itu juga telah seringkali dititahkan oleh pemimpin kita, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Baginda mahukan para belia Brunei dipimpin ke arah hala tuju yang jelas supaya mereka sedar dan faham akan peranan dan sumbangan mereka dalam membangun negara atau 'nation building'. Urutan dari itulah maka terbitnya Dasar Belia Negara yang menjadi pemangkin dan sukat-sukat dalam melaksanakan program-program pembangunan belia.

Melahirkan belia Brunei cemerlang bukanlah satu tugas yang mudah. Semua pihak yang berkaitan dengan pembangunan belia mustahak mengambil inisiatif dan tampil ke hadapan mengukuhkan rancangan-rancangan yang proaktif, berkesan dan relevan selari dengan perkembangan belia. Untaian kerjasama semua pihak - agensi-agensi kerajaan, swasta dan NGO perlu dikerah agar benar-benar komited membangun dan memajukan para belia menjadi 'pemuda harapan bangsa pemuda tiang negara' dan setaraf dengan para belia di dunia ini. Inilah yang menjadi paksi dan impian Dasar Belia Negara diwujudkan.

Untuk menghalu ke arah itu, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putra Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apang yang juga Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa berucap merasmikan Persidangan Belia Kebangsaan baru-baru ini, menegaskan hal-ehwal kebeliaan perlu ditangani secara bersepadu oleh semua agensi yang antaranya meliputi dasar pendidikan dan latihan vokasional, tarbiyah, agama dan penjagaan kesihatan. Kespadaan ini perlu ditonjolkan agar kefahaman dan keberkesannya dapat membantu memperkasa ke arah mewujudkan generasi belia cemerlang.

Dalam pada itu, para belia sendiri juga perlu bersedia dengan anjakan paradigma dan transformasi yang selari dengan falsafah Melayu Islam Beraja bagi menghadapi badai globalisasi. Perubahan sikap dan 'mind set' hendaklah diutamakan, di samping mempunyai wawasan, berani, tahan lasak dan inovatif serta memiliki kemahiran-kemahiran yang relevan. Bersedia mengharungi pembaharuan kemajuan yang dicituskan oleh ledakan kecanggihan ICT. Kreatif dan berdaya maju dalam mencipta sesuatu yang 'luar biasa' dan menakutkan. Mereka perlu meluruskan persepsi setengah pihak bahawa belia sering mencetuskan pelbagai masalah sosial dan pengangguran. Inilah cabaran besar di hadapan yang sentiasa menanti dalamменти liku-liku kehidupan.

Realiti, pencapaian dan kewibawaan belia kita dalam beberapa hal semakin terserlah dan terbukti. Kita cukup bangga dengan pencapaian pendidikan dan kemahiran mereka. Kita berbangga dengan sikap dan rasa tanggungjawab mereka kepada diri mereka sendiri, ibu bapa, keluarga, majikan, masyarakat dan negara. Mereka mampu berikhtikar dan memajukan pembangunan sosioekonomi. Yang mengagumkan, mereka telah membuktikan keupayaan dengan berjaya mencipta software dalam Pertandingan Informa yang boleh diangkat ke tahap komersil. Tegasnya belia kita bukan lagi mundur dan menimbulkan masalah tetapi berupaya memartabatkan dan menaikkan imej negara. Rentetan kejayaan yang dicapai oleh belia kita sudah cukup menjadi landasan bagi kita mewujudkan belia Brunei cemerlang. Cuma apa yang diperlukan ialah suntikan berterusan untuk lebih mempertajam keupayaan dan kreativiti mereka.

Kita semua bertanggungjawab kepada hal-ehwal belia. Kita semua mempunyai kepentingan kepada belia. Jadi untuk menjaga belia yang cemerlang, semua 'stake holders' dalam pembangunan belia seperti yang tercatat dalam Dasar Belia Negara harus menumpukan usaha dan tenaga secara bersepadu bagi melaksanakan rancangan dan kegiatan yang lebih produktif, di samping sentiasa menampilkan citra belia supaya setiap potensi mereka dapat diperkembangkan dan menjadi aset berguna dan bukan pula suatu liabiliti. Insya-Allah dengan perancangan yang strategik lagi lutan kita akan mampu merealisasikan dan melahirkan belia Brunei yang cemerlang yang menjadi impian negara kita.

HALUAN...

Buat perbandingan kemampuan atlet

Bismillahir Rahmanir Rahim
Assalamualaikum
Warahmatullahi
Wabarakatuh

ALHAMDULIL-LAH, segala puji-pujian bagi Allah Subhanahu Wataala, kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya jua dapatlah kita berhimpun untuk bermesyuarat bagi kali kedua bagi membincangkan persediaan dan persiapan negara ke Sukan SEA Kali Ke XXII di Viet Nam di antara Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan juga persatuan-persatuan sukan kebangsaan yang dijangka akan terlibat.

Mesyuarat ini juga adalah sebagai susulan bagi mesyuarat pertama yang diadakan pada 9 Januari 2003, di mana dalam mesyuarat tersebut, saya telah menekankan beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian oleh persatuan-persatuan sukan kebangsaan, iaitu supaya berterang terhadap kemampuan para atlet dan sukan masing-masing, sama ada mampu atau sebaliknya untuk menyertai Sukan

SEA pada bulan Disember ini nanti. Saya juga menekankan supaya pemilihan atlet/pasukan hendaklah dibuat seawal-awalnya, bagi membolehkan latihan dan persiapan secara berterusan akan dapat dilaksanakan. Saya juga mengharap supaya persatuan-persatuan sukan kebangsaan telah membuat perbandingan akan kemampuan atlet dan pasukan masing-masing dengan atlet/pasukan dari negara-negara peserta yang lain, bagi memastikan atlet dan pasukan yang dipilih benar-benar mampu memberikan daya saing yang tinggi dan seterusnya mampu mencapai kejayaan yang cemerlang.

Oleh hal yang demikian, saya berharap mesyuarat pada pagi ini, akan dapat lagi memberikan gambaran yang jelas kepada kita semua, terhadap persediaan-persediaan kontinjen setakat ini, sama ada dalam pemilihan atlet, penyediaan program latihan dan lain-lain persediaan yang diperlukan dalam memastikan persediaan kontinjen negara ke Sukan SEA benar-benar mencapai apa jua yang kita hasratkan.

Saya juga berharap,

persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan jurulatih akan dapat memberikan maklum balas sejauh mana persediaan dan persiapan yang telah dilaksanakan, di samping itu, saya juga ingin mengetahui apa jua masalah-masalah yang dihadapi oleh persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan jurulatih-jurulatih dalam melaksanakan perancangan yang telah disusun.

Sepertimana yang saya telah difahamkan, bahawa Jawatankuasa Khas Penilaian dan Pemilihan Sukan, Atlet dan Pasukan Negara di peringkat serantau dan antarabangsa seperti Sukan SEA, telah pun dibentuk. Oleh itu, saya berharap, supaya jawatankuasa ini akan dapat memainkan peranannya dengan berkesan dalam memastikan atlet dan sukan yang disokong benar-benar memenuhi kriteria-kriteria dan kehendak-kehendak yang ditetapkan.

Walaupun penyertaan kontinjen negara pada Sukan SEA kali ini mungkin kecil bilangannya, akan tetapi apa yang lebih penting ialah kemampuan dan kejayaan untuk menunjukkan prestasi cemerlang bagi mengharumkan nama



SABDA Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah selaku Presiden Majlis Olimpik Kebangsaan Brunei Darussalam di Majlis Perjumpaan bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Persatuan Sukan Kebangsaan dan Jurulatih-jurulatih Sukan ke Sukan SEA Ke XXII 2003 Viet Nam pada 12 Jun 2003 di Bilik Persidangan, Stadium Negara Hassanal Bolkiah.

Negara Brunei Darussalam.

Akhirnya, saya berharap mesyuarat seperti ini akan dapat diadakan lagi dari semasa ke semasa bagi membolehkan kita sama-sama mengetahui perkembangan dan kemajuan pasukan negara dan se-

terusnya menyelesaikan apa jua masalah-masalah yang dihadapi dalam kita membuat persiapan kontinjen negara.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bank Baiduri catat pencapaian menggalakkan

Oleh
Awangku Jeffery PD

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Jun. - Bank Baiduri, kumpulan kewangan di Negara Brunei Darussalam di mana Bank BNP Paribas, salah sebuah bank terkemuka di Eropah sebagai pemegang sahamnya telah mengumumkan pencapaian yang menggalakkan baru-baru ini selepas Mesyuarat Lembaga Pengarahnya di Bandar Seri Begawan.

Menurut Pengurus Besar Bank Baiduri, Pierre Imhof yang diperbantukan dari Bank BNP Paribas, dalam masa lima bulan pertama tahun ini, keuntungan bank telah meningkat sebanyak 25 peratus, manakala keuntungan operasi telah bertambah kepada B\$15.8 juta iaitu dua kali ganda daripada keuntungan pada masa yang sama tahun lepas dan menjangkakan Bank Baiduri akan mencapai keuntungan tahunan yang lebih tinggi bagi tahun ini.

Seterusnya Claude de Kemoularia, seorang Pengarah Kanannya telah mengulas prestasi bank berkenaan di mana jelas beliau keputusan yang cemerlang menunjukkan kualiti pengurusan bank dan sokongan dari masyarakat tempatan dan pemegang sahamnya.

Beliau juga memberitahu Bank Baiduri akan sentiasa membuat pengumuman perkembangan dan kemajuan bank sebagai cara berterusan untuk meyakinkan masyarakat tempatan.

berubah semenjak penubuhannya.

Bank Baiduri telah berkembang dengan pesatnya sejak mula ditubuhkan dan beroperasi, juga merupakan sebuah bank terbaik di negara ini dengan menumpukan kepada strategi modal perbankan runcit, Baiduri Bank telah berjaya mengembangkan dan melancarkan beberapa produk moden dan perkhidmatan.

Melalui sembilan buah cawangan dan disokong dengan 11 mesin ATM, bank ini telah dapat memberikan khidmat 24 jam kepada pelanggan-pelanggannya dengan memajukan operasi cawangan,

perbankan elektronik, perkhidmatan perbankan bimbit dan kempen promosi yang menarik termasuk operasi kad kredit yang dikendalikan secara dalaman yang telah dapat memberikan perkhidmatan produk kad yang meluas diselaraskan dengan ketepatan keperluan pelanggan-pelanggannya.

Konsep perkhidmatan dalaman yang diperkenalkan amat digemari oleh pelanggan-pelanggannya kerana masa perbankan yang dilanjutkan sehingga jam 10:00 malam itu memudahkan pelanggan-pelanggan untuk datang ke bank mengikut masa kesesuaian mereka.

Bank Baiduri termasuklah bank pertama yang mengenalkan perkhidmatan internet dan perbankan bimbit, kad produk seperti Kad Prabayar Master Electronic (Master Electronic Prepaid Card). Salah satu kejayaan yang membanggakan pada tahun 2002 ialah Bankers' Award 2002.

Baiduri Finance juga beroperasi dengan keuntungan yang berterusan di mana pasaran saham dalam industri kewangan kereta telah meningkat dan ini meluaskan lagi dasar pelanggannya dalam memberikan perkhidmatan kewangan seperti produk simpanan kepada pelanggan.

Semenjak beroperasi sembilan tahun lalu, Bank Baiduri telah berkembang maju sebagai salah sebuah institusi kewangan dengan kepakaran antarabangsa dan antara pemegang sahamnya semenjak beroperasi adalah Baiduri Holdings Berhad, BNP Paribas, Royal Brunei Airlines Sendirian Berhad dan Royal Brunei Technical Services Sendirian Berhad, sementara pemegang sahamnya tetap tidak

berubah semenjak penubuhannya.



TIMBALAN Eksekutif dan Pengarah QAF Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Qawi berangkat di Majlis Sidang Akhbar Bank Baiduri. Juga hadir di majlis itu ialah Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Haji Hazair, Claude de Kemoularia, Awang Timothy Ong dan Francis Caze. - Gambar oleh Harun HR.

Buku Garispandu Pengawalan Pencemaran Bagi Industri boleh diguna pakai

BERAKAS, 16 Jun. - Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan telah menyediakan buku Garispandu Pengawalan Pencemaran Bagi Industri atau 'Pollution Control Guideline For Industries' yang boleh diguna pakai oleh syarikat perindustrian sebagai rujukan ketika menjalankan apa jua aktiviti harian.

Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin bin Haji Marsal berkata buku tersebut mengandungi pelbagai maklumat yang berhubung kait dengan langkah dan tindakan pencegahan, pemantauan dan pengawalan pencemaran yang perlu dilaksanakan dan diikuti oleh pengusaha-pengusaha di negara ini.

"Saya menyeru dan menggesa kepada pengusaha-pengusaha sebagai masyarakat korporat yang bertanggungjawab memanfaatkan sepenuhnya dan menggunakan dengan sebaiknya garis pandu itu dalam apa jua aktiviti harian perusahaan," tegasnya.

Katanya, ini adalah sebagai langkah proaktif dan usaha yang berterusan dalam pengurusan dan pemeliharaan alam persekitaran negara.

"Garis pandu itu menyediakan bahan rujukan yang boleh diguna pakai sebagai asas untuk membentuk dasar dan pelaksanaan sistem pengurusan alam sekitar yang bersih, indah dan bebas dari pencemaran," tambahnya.

Beliau membuat seruan itu di Majlis Pelancaran Garispandu Pengawalan Pencemaran Bagi Industri Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2003 di Kementerian Pembangunan yang dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi di sini.

"Saya menyeru kepada pengusaha di negara ini untuk memanfaatkan sepenuhnya garis pandu tersebut dan mula menggerakkan langkah dan mengambil inisiatif untuk mempraktikkan budaya perusahaan mesra alam atau environmentally sound industrial practice," katanya.

Dalam hal ini katanya, Kementerian Pembangunan bersedia untuk bekerjasama dengan mana jua pihak pun termasuk pengusaha dan syarikat tempatan bagi menyediakan barisan untuk menjadikan negara ini sebagai sebuah negara yang bersih, indah dan bebas dari pencemaran.

Dengan adanya garis pandu itu pencemaran industri yang terjadi baru-baru ini tidak akan berulang lagi memandangkan kes sedemikian boleh mengundang bahaya malah boleh membawa maut.

Selain itu tambahnya, mengikut anggaran Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), dalam masa 25 tahun separuh atau 50 peratus dari jumlah penduduk dunia akan mengalami kesulitan untuk mendapatkan bekalan air.

Katanya, salah satu cabaran yang dihadapi oleh warga dunia hari ini ialah mencari penyelesaian persoalan bekalan air yang bersih dan mencukupi untuk memenuhi keperluan asas warga dunia.

Tambahnya, walaupun 75 peratus permukaan bumi dipenuhi air tetapi hanya tiga peratus dari jumlah tersebut terdiri dari air tawar yang boleh dimanfaatkan bagi memenuhi keperluan dan kebajikan penduduk dunia.

"Adalah difahami bahawa satu pertiga dari

Oleh
Abdullah Asgar

jumlah penduduk dunia mengalami dan menghadapi kesulitan untuk mendapatkan bekalan air bagi keperluan harian mereka, katanya.

Tetapi jelasnya, di negara ini hampir keseluruhan penduduknya termasuk yang tinggal di pedalaman telah dapat dibekalkan dengan air bersih.

"Bagi memastikan bekalan air yang bersih dan mencukupi, pihak kerajaan telah memperuntukkan perbelanjaan yang besar yang melebihi \$500 juta di bawah Rancangan Kemajuan Negara Ke-8 bagi pengurusan bekalan dan sumber air," tambahnya.

Oleh itu tegasnya, memandangkan permintaan air yang meningkat dari tahun ke tahun, adalah mustahak supaya sumber-sumber air di negara ini dipelihara dari ancaman pencemaran seperti cairan buangan kimia, sisa minyak, pepejal dan apa jua sisa yang boleh menjejaskan sumber air di permukaan dan di bawah permukaan bumi negara ini.

Tahun ini Hari Alam Sekitar Sedunia membawa tema 'Air - Dua Billion Orang Amat Memerlukannya' (Water - Two Billion People Are Dying For It).

Acara potang itu juga diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang-pemenang Peraduan Menulis Slogan Melalui Pesanan Ringkas (SMS) dan Kuiz Di Radio.

Di samping itu, Bengkel Mengenai Sampah Sarap Di Kampung Ayer juga diadakan pada 17 Jun lepas, sementara pada 18 Jun diadakan taklimat pengawalan mengenai pencemaran industri, manakala 20 hingga 23 Jun diadakan Perkhidmatan Belia di Taman Peranginan Sungai Basong bagi penuntut-penuntut sekolah menengah di negara ini.

Peraduan Mewarna dan Melukis pula diadakan pada 22 Jun di Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddin.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin menyampaikan hadiah kepada seorang pemenang Peraduan Menulis Slogan Sempena Hari Alam Sekitar 2003. - Gambar oleh Masri Osman.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Pembangunan, Awang Haji Mohd. Jumin menyaksikan pameran sempena Pelancaran Garispandu Pengawalan Pencemaran Bagi Industri Sempena Hari Alam Sekitar Sedunia 2003. - Gambar oleh Masri Osman.

SURAT PEMBACA

PELITA BRUNEI mengalu-alukan surat awda dalam ruangan Surat Pembaca ini sama ada berupa masalah, kemusykilan, pendapat atau pandangan mengenai sesuatu isu atau perkara. Surat awda hendaklah ditujukan kepada alamat berikut:

Ruangan Surat Pembaca,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama
Berakas BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

Awda boleh juga mengirikkannya melalui faks 02 381 004 atau e-mel: Pelita@brunei.bn. Untuk keterangan lanjut sila hubungi Ketua Bahagian Akhbar melalui telefon 02 383 804 atau 02 383 941.

Dalam surat tersebut hendaklah dinyatakan nama penuh, nombor kad pengenalan, nombor telefon dan alamat penuh. Walau bagaimanapun nama samaran boleh digunakan.

PENCALONAN TIDAK DILAMBATKAN

TERIMA kasih kepada Anak Dagang, Pekan Tutong atas perhatian kepada kekosongan jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung di Daerah Tutong seperti yang tersiar dalam Akhbar Rasmi PELITA BRUNEI keluaran 4 Jun 2003.

Jabatan Daerah Tutong sebenarnya tidak sengaja melambat-lambatkan pencalonan kekosongan jawatan Penghulu Mukim dan Ketua Kampung. Adapun kekosongan jawatan Penghulu dan Ketua Kampung yang belum dapat diisi itu adalah kerana calon-calon yang memohon tidak memenuhi syarat-syarat yang telah digariskan menurut Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung Negara Brunei Darussalam 1998 sehingga jawatan-jawatan berkenaan terpaksa diiklankan beberapa kali. Dalam pada itu, terdapat juga calon-calon yang telah memenuhi syarat yang belum lagi diadakan Majlis Pengundian dan Pemilihan kerana masalah Daftar Nama Pengundi. Insya-Allah Majlis Pengundian dan Pemilihan bagi calon-calon yang memenuhi syarat akan diadakan secepat yang boleh.

Di samping itu, untuk pengetahuan bersama, menurut Skim Perkhidmatan berkenaan, seorang Penghulu Mukim atau Ketua Kampung yang mencapai umur 65 tahun memanglah dipersarakan. Walau bagaimanapun, lantikan Penghulu atau Ketua Kampung itu boleh dilanjutkan jika sekiranya mereka masih berupaya dan berwisata serta mendapat sokongan dari kalangan penduduk-penduduk mukim dan kampungnya. Dalam konteks Daerah Tutong, memang terdapat sebahagian daripada Penghulu Mukim dan Ketua Kampung yang telah mencapai umur persaraan 65 tahun yang dilanjutkan perkhidmatan mereka disebabkan belum ada calon yang sesuai untuk mengisikan jawatan berkenaan walaupun telah diiklankan. Ini termasuklah juga jawatan Ketua Kampung yang masih kosong bagi beberapa kampung di daerah ini. Oleh itu Jabatan Daerah Tutong sangat berbesar hati kiranya anak-anak kampung yang berkecayaan dan berwisata akan tampil ke hadapan untuk menawarkan diri selaku calon Ketua Kampung.

Bagi sebarang pertanyaan dan kemusykilan, Jabatan Daerah Tutong mengalu-alukan Anak Dagang, Pekan Tutong dan juga orang ramai untuk menghubungi Jabatan Daerah Tutong pada waktu pejabat.

AWANG HEPNIE BIN OKPSD ABANG
HAJI ABU HANIFAH,
Pegawai Daerah Tutong.

Senyum-Bukaan

CUTI, CUTI JUA WANG...
SABANTAR SAKOLAH BALUM BUKA..
BAIK TAH BAGUNTING RAMBUT
SIANG-SIANGI JUA DAHI ATU SADIKT..

MACAM MANATAH KAN SAKOLAH NI..
MUN SUDAH RAMBUT MACAM TABIR..
MATA PUN INDA KALIATAN..MACAM MANA
KAN MANULIS..

NI.....NAH.., MACAM KAPALA KU AH...
BAJUGUL....

BAH...BAJUGUL NYA....



EH....HILANG ROCKERS TU....

Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-36 dan AMM/PMC di Kemboja

Bincang kerjasama banteras keganasan

PHNOM PENH, 19 Jun. - ASEAN dan rakan-rakan dialog telah membincangkan kerjasama dalam langkah-langkah untuk membanteras keganasan, isu-isu ekonomi dan perdagangan, hal-ehwal pembangunan dan isu-isu rentas sempadan.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar telah menghadiri persidangan tersebut bersama-sama para Menteri Luar ASEAN yang lain dan rakan-rakan dialog.

Mesyuarat di antara Menteri-menteri Luar ASEAN dan 10 Rakan Dialog dari Australia, Kanada, China, Kesatuan Eropah, India, Jepun, Republik Korea, Russia, New Zealand dan Amerika Syarikat itu telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Hor Namhong, Menteri Kanan, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja.

Menteri-menteri berkenaan juga bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu serantau dan antarabangsa.

Negara Brunei Darussalam telah mengemukakan perincian mengenai isu HIV/AIDS.

Yang Teramat Mulia bersabda di perbincangan itu dengan menekankan wabak HIV/AIDS telah menjadi semakin teruk terutamanya di negara-negara membangun di mana orang-orang yang mendapat rawatan dan perubahan asasi.

Untuk itu Yang Teramat Mulia menyeru agar Rakan-

rakan Dialog terus menyokong Program Kerja ASEAN termasuk kerjasama di dalam aktiviti-aktiviti rawatan dan pencegahan dan mendapatkan ubat yang berharga murah bagi pesakit pesakit AIDS.

Di sebelah petang, Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna dan Yang Berhormat Alexander Downer, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan Antarabangsa Australia mempengerusikan bersama mesyuarat tahunan Dialog ASEAN-Australia. Negara Brunei Darussalam merupakan negara penyelaras bagi Dialog ASEAN-Australia pada masa ini.

Yang Teramat Mulia dalam sabdanya menyatakan mengenai perkembangan penting di dalam hubungan ASEAN dan Australia semenjak setahun lalu. Negara Brunei Darussalam akan menyerahkan perannya selaku negara penyelaras kepada Viet Nam.

Juga di sebelah petang Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri Mesyuarat Tahunan Persidangan Peringkat Menteri + 1 dengan Kanada.

Semasa mesyuarat tersebut, Yang Teramat Mulia telah bersabda antara lain menyentuh mengenai bidang-bidang kerjasama yang boleh dilaksanakan di masa akan datang di antara ASEAN dan Kanada.

Negara Brunei Darussalam akan mengambil alih penyelarasan Dialog ASEAN-Kanada bagi menggantikan Kemboja.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz berangkat ke Majlis 'Gala Dinner' sempena Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-36 dan AMM/PMC di Phnom Penh, Kemboja.

US\$1.45 juta untuk program ASEAN - UNDP

PHNOM PENH, 18 Jun. - Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan Program Pembangunan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP) hari ini menandatangani Dokumen Program untuk melaksanakan US\$1.45 juta ASEAN - UNDP Kemudahan Perkongsian.

Kemudahan ini akan menyediakan analisis dan nasihat perkhidmatan-perkhidmatan sokongan kepada ASEAN untuk mengemukakan isu-isu semasa dan isu-isu yang timbul yang akan memperdalam integrasi serantau dalam ASEAN dan dengan lain-lain negara.

Sokongan nasihat teknikal UNDP akan memfokuskan bagaimana cara untuk mempercepatkan pelaksanaan perdagangan serantau dan liberal dan membantu merapatkan jurang pembangunan di kalangan negara-negara ahli ASEAN dan bahagian-bahagian lain dunia.

Pentadbir UNDP, Mark Malloch Brown berkata, UNDP gembira untuk membaharui perkongsian dengan

ASEAN untuk menangani perbezaan ekonomi di antara anggota lama dan baru kumpulan serantau tersebut.

Beliau menyifatkan, "Visi kerjasama dan perkongsian di antara kedua kumpulan rakan kongsi adalah menakjubkan."

UNDP juga katanya, meningkatkan kerjasama Selatan Selatan dan menyokong perkongsian pengalaman pembangunan dengan ASEAN.

Perjanjian tersebut ditandatangani oleh Setiausaha Agung ASEAN, Tuan Yang Terutama Ong Keng Yong bagi mewakili negara-negara ahli pertubuhan berkenaan.

Beliau berkata, mereka banyak belajar dari aktiviti-aktiviti UNDP yang mana telah meyakinkan Sekretariat ASEAN bekerja dengan pertubuhan antarabangsa terutamanya di bawah rangka kerja Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Kemudahan Perkongsian ASEAN-UNDP tiga tahun ini akan memfokuskan mengenai pembangunan manusia, globalisasi dan penguasa

ekonomi. Matlamatnya juga untuk meningkatkan rejim perdagangan global yang terbuka dan seimbang yang akan memberikan faedah bersama bagi perdagangan bebas dan pengurangan kemiskinan.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna mengadakan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Bill Graham, Menteri Hal Ehwal Luar Kanada.

Berangkat tinggalkan Phnom Penh

PHNOM PENH, 20 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Yang Amat Mulia Pengiran Lela Cheteria Sahibun Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz hari ini berangkat meninggalkan Phnom Penh setelah menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-36 dan Persidangan Dengan Rakan-rakan Dialog (AMM/PMC), Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN + 3 dan Forum Serantau ASEAN Ke-10 (ARF).

Mesyuarat tahunan ini dihadiri sama oleh semua Menteri-menteri Luar ASEAN, rakan-rakan dialog dan ARF yang berlangsung dari 15 hingga 19 Jun 2003 di sini.

Sebagaimana jangkaan oleh pelbagai pihak, mesyuarat tersebut penting dan mempunyai signifikan di mana ASEAN sedang bergejut dengan pelbagai cabaran.

Krisis ekonomi belum pun pulih sepenuhnya, isu keganasan dan SARS pula menempa yang turut memberi kesan terhadap ekonomi rantau ini.

Di samping itu, isu-isu dalaman beberapa negara anggota ASEAN juga diberi perhatian bersama untuk mencari huraian yang lebih baik.

Walaupun WHO telah mengisytiharkan ASEAN, khususnya negara yang terlibat dengan jangkitan SARS telah bebas, namun ASEAN dalam mesyuaratnya di Phnom Penh mengulangi perbincangan mengenai dan seterusnya mengatur strategi untuk mengelakkan musibah itu supaya tidak berulang melalui tindakan bersepadu.

Beberapa perjanjian kerjasama juga telah dimeterai dalam mesyuarat ini. Manakala kemuncaknya ialah Kenyataan Bersama oleh para Menteri Luar ASEAN di akhir mesyuarat berkenaan.

ARF tumpu isu politik, keselamatan

PHNOM PENH, 18 Jun. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri bersama-sama Menteri-menteri Forum Serantau ASEAN (ARF) yang lain bertukar-tukar pandangan mengenai isu-isu politik dan keselamatan di rantau Asia Pasifik.

Yang Teramat Mulia berangkat menghadiri Forum Ke-10 ARF hari ini yang diadakan di sebuah hotel terkemuka di sini.

Menteri-menteri ARF juga mempertimbangkan dan meluluskan program kerja

dan aktiviti-aktiviti ARF untuk 12 bulan akan datang.

Para menteri berkenaan juga telah sepakat meluluskan dua kenyataan ARF iaitu Kenyataan ARF Mengenai Kerjasama Tindakan Membanteras Penggunaan Bagi Keselamatan Sempadan dan Kenyataan ARF Mengenai Kerjasama Menentang Lanun dan Lain-Lain Ancaman Kepada Keselamatan Maritim.

Sementara Pengerusi forum, Tuan Yang Terutama Hor Namhong, Menteri Kanan, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja keti-

ka mengulas dalam sidang akhbar selepas forum tersebut antara lain telah menyifatkan pertemuan mereka sangat produktif.

Kata Tuan Yang Terutama, perbincangan meningkatkan lagi persefahaman terhadap pandangan demi pandangan mengenai isu-isu yang ditimbulkan. Antaranya ialah isu-isu kritikal mengenai keamanan, keselamatan dan kestabilan rantau Asia Pasifik dan dunia.

Tuan Yang Terutama menambah, forum ini juga telah membincangkan secara intensif situasi di

Semenanjung Korea. Hampir semua delegasi menekankan pentingnya Korea bebas dari senjata nuklear.

"Kami juga bertukar-tukar pandangan mengenai situasi di Myanmar, terutamanya mengenai perkembangan terkini sebagaimana yang dikemukakan oleh delegasi ARF bagi pembebasan Aung San Suu Kyi."

Pergolakan di Aceh, situasi di Asia Selatan, khususnya hubungan India dan Pakistan juga turut diberi perhatian, di samping mengemukakan pandangan dan kerjasama dalam membanteras keganasan antarabangsa, kata

Tuan Yang Terutama.

Di sebelah petangnya, Yang Teramat Mulia mengadakan perjumpaan bersama Tuan Yang Terutama Bill Graham, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Kanada di hotel tempat permesyuaratan.

Dalam perjumpaan tersebut, Yang Teramat Mulia dan Tuan Yang Terutama membincangkan hubungan dua hala di antara kedua negara dan juga perkara-perkara yang berhubung dengan dialog ASEAN-Kanada di mana Negara Brunei Darussalam adalah penyelaras berikutnya selepas Kemboja.

Laporan Haji Timbang Bakar
Gambar-gambar oleh
Hamadi HM dari Phnom Penh, Kemboja

Akhiri mesyuarat dengan Kenyataan Bersama

PHNOM PENH, 17 Jun. - Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-36 (AMM) berakhir dengan satu Kenyataan Bersama yang mengandungi 51 perkara, yang menyatakan azam dan komitmen ASEAN bukan sahaja untuk pembangunan dan kesejahteraan rantau ini bahkan juga dunia seluruhnya.

Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, bersama para Menteri Luar ASEAN yang lain sarat dengan agenda mesyuarat dan komitmen yang berkaitan dengannya telah sepakat mengeluarkan Kenyataan Bersama di majlis penutup mesyuarat dua hari itu.

Di majlis penutup itu ucapan telah disampaikan oleh Tuan Yang Terutama Hor Namhong, Menteri Kanan, Menteri Hal Ehwal Luar dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja selaku Pengerusi.

Ini diikuti oleh ucapan Tuan Yang Terutama Hassan Wirayuda, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri Republik Indonesia selaku Pengerusi Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-37 yang akan diadakan di Bali, Indonesia Oktober depan.

Sebelum majlis penutup, Yang Teramat Mulia bersama dengan rakan-rakan sejawat serta Setiausaha Agung ASEAN meneruskan 'retreat' mereka hingga lewat petang.

Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-36 dan AMM/PMC di Kemboja



Phnom Penh

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri, ketika berkenan berangkat di Majlis Perasmian Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-36 di Dewan Persidangan Chaktomuk, Phnom Penh. Juga kelihatan ialah Tuan Yang Terutama Samdech Hun Sen, Perdana Menteri Kemboja ketika berucap merasmikan mesyuarat itu.

PHNOM PENH, 17 Jun - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna bersabda menyatakan rasa puas hati keseluruhan kemajuan proses ASEAN + 3 terutama sekali dalam kerjasama ekonomi dan kewangan serta politik dan keselamatan.

Sehubungan dengan itu, Yang Teramat Mulia mengalu-alukan inisiatif China, Jepun dan Republik Korea dalam mesyuarat mengenai jenayah rentas sempadan, inisiatif bagi pembangunan di Asia Timur, cadangan untuk mengadakan Sidang Kemuncak Asia Timur dan Kawasan Perdagangan Bebas.

Ini dinyatakan oleh Yang Teramat Mulia dalam sabda di Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN + 3 dengan Republik Rakyat China, Jepun dan Republik Korea petang ini di sebuah hotel terkemuka di sini.

Yang Teramat Mulia seterusnya bersabda menghargai sokongan China, Jepun dan Republik Korea di dalam melaksanakan Pelan Kerja Inisiatif Integrasi ASEAN yang bertujuan untuk mengukuhkan jaring pembangunan di kalangan negara-negara ASEAN.

Pentingnya hubungan antara ASEAN dan Timur Laut Asia telah dikenal pasti. pemimpin-pemimpin China, Jepun dan Republik Korea telah diundang ke Sidang Kemuncak Tidak Rasmi ASEAN di Kuala Lumpur pada tahun 1977. Sidang Kemuncak ASEAN + 3 yang pertama diikuti dengan Sidang Kemuncak ASEAN + 1 dengan tiga pemimpin berkenaan secara berasingan.

Dalam Sidang Kemuncak Tidak Rasmi Ke-3 di Manila pada 1999, pemimpin-pemimpin ASEAN + 3 telah mengeluarkan Kenyataan Bersama Mengenai Kerjasama Asia Timur. Antara lain kenyataan tersebut menekankan komitmen untuk mengukuhkan kerjasama Asia Timur dalam bidang-bidang utama untuk berkongsi kepentingan dan perbatuan, terutamanya di dalam ekonomi, kewangan, sosial dan pembangunan sumber manusia, sains dan teknologi, kebudayaan dan penerangan dan kerjasama pembangunan.

Dalam mesyuarat pertama mereka di Bangkok pada tahun 2000, Menteri-

menteri Luar ASEAN + 3 telah menyelaraskan Modaliti Untuk Pelaksanaan Kenyataan Bersama untuk memastikan kerjasama dan perpaduan diberi laluan bergerak ke hadapan. Menteri-menteri Luar juga bersetuju untuk mengadakan perjumpaan setiap tahun untuk mengukuhkan kerjasama di dalam rangka kerja berkenaan.

Kerjasama ASEAN + 3 telah menjadi lebih prominen di dalam bidang-bidang kewangan dan ekonomi. Di bawah penyelarasan dalam Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan di Chiang Mai pada 2000, anggota ASEAN + 3 telah membuat kemajuan yang signifikan ketika mengakhiri mesyuarat dua hala mengenai pertukaran mata wang dan pengurangan pembelian semula.

Pada Oktober 2002 sepuluh peruntukan telah meraih AS\$ 26.5 bilion dan empat yang lain dalam perundingan.

Dalam usaha mengembangkan ekonomi dan kerjasama perdagangan, negara-negara ASEAN + 3 telah mengusahakan lapan projek yang berskala perusahaan kecil dan sederhana untuk memancarkan imej. Dalam mesyuarat pada September baru-baru ini di Bandar Seri Begawan para menteri ekonomi telah meluluskan empat lagi projek termasuk usaha meningkatkan industri hiburan.

Kerjasama juga dicapai untuk mengembangkan pelancongan dalam Mesyuarat Menteri-menteri Pelancongan ASEAN + 3 di Yogyakarta tahun lepas, diikuti dengan mesyuarat di Phnom Penh Januari lepas.

Itu merupakan sebahagian daripada rangkaian peristiwa mengenai

**Laporan Haji Timbang Bakar
Gambar-gambar oleh
Hamadi HM dari Phnom Penh, Kemboja**

Kemajuan ASEAN + 3 memuaskan



ASEAN + 3.

yang sama.

Di sebelah malamnya, Yang Teramat Mulia berangkat ke Majlis Jamuan Malam Tidak Rasmi bersama Menteri-menteri Forum Serantau ASEAN (ARF) di hotel

Semasa majlis tersebut menteri-menteri berkenaan mengambil kesempatan membincangkan persediaan bagi Forum Serantau ASEAN Ke-10.

YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna berangkat bersama Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Pengiran Dato Paduka Haji Osman dan pegawai-pegawai Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-36.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri berangkat menghadiri 'retreat' di Hotel Combodiana, Phnom Penh bersama para Menteri Luar ASEAN yang lain.

ENAM KUNCI TUGAS ASEAN

PHNOM PENH, 16 Jun - Tuan Yang Terutama Samdech Hun Sen, Perdana Menteri Kemboja telah menggariskan enam kunci tugas yang memerlukan kepimpinan politik Menteri-menteri Luar ASEAN.

Tuan Yang Terutama menggariskan perkara itu semasa

berucap merasmikan Mesyuarat Menteri-menteri Luar ASEAN Ke-36 di Dewan Persidangan Chaktomuk di sini pagi ini.

Enam perkara yang dimaksudkan oleh Tuan Yang Terutama itu ialah:

Pertama: Meneruskan integrasi ekonomi termasuk mengemukakan implikasi politik dan sosialnya. Meskipun integrasi ekonomi merupakan tugas utama Menteri-menteri Ekonomi ASEAN, namun pengalaman menunjukkan memupuk rakan antarabangsa sepenuhnya memerlukan bukan sahaja pertukaran ekonomi tetapi juga kepimpinan politik.

Justeru itu, kata Tuan Yang Terutama, Menteri-menteri Luar memainkan peranan politik dalam meningkatkan kerjasama dan integrasi, memfokus kepada jauhnya perbezaan politik serta implikasi sosio-ekonomi dan kesan integrasi ekonomi dan aspek sosial, terutamanya yang berkaitan dengan isu-isu sempadan seperti dadah, perdagangan wanita dan kanak-kanak serta kesalahan-kesalahan imigresen.

Kedua: Memelihara pembangunan yang saksama di antara negara-negara ahli yang lama dan baru. Konsisten dengan inisiatif ke arah integrasi ASEAN, berterusan, mengukuhkan koordinasi di dalam semua strategi dan matlamat program pembangunan ahli-ahli baru ASEAN.

Ketiga: Membuat ikatan sepenuhnya dengan negara-negara jiran Asia Timur

iaitu China, Jepun dan Republik Korea (ASEAN + 3). Pertimbangan perlu diberikan kepada beberapa cadangan dan sokongan yang dikemukakan oleh East Asia Study Group mengenai bagaimana boleh mengukuhkan kerjasama dengan Asia Timur.

Keempat: Mempromosikan pelancongan secara intensif. ASEAN merupakan tempat peningkatan ekonomi dari pelancongan jangka panjang yang penting. Pemimpin-pemimpin ASEAN telah menandatangani Perjanjian Pelancongan ASEAN di Phnom Penh baru-baru ini dan Menteri-menteri Luar dengan rangkalan mereka ke seluruh dunia boleh memberikan sumbangan yang bermakna dalam melaksanakan perjanjian yang sangat penting itu.

Kelima: Memelihara keamanan dan kestabilan di Laut China Selatan. Dalam hubungan ini, Tuan Yang Terutama juga menekankan peranan Menteri-menteri Luar untuk keperluan berjaga-jaga, keazaman dan hubungan rapat untuk memastikan pelaksanaan Declaration On The Conduct of Parties In The South China Sea berkenaan.

Keenam: Memperhebatkan kewaspadaan terhadap keganasan antarabangsa. Tuan Yang Terutama mengingatkan perhatian terhadap keselamatan dunia, terutamanya yang berkenaan Akta Keganasan sejak 11 September 2001 dan kejadian-kejadian terbaru, memerlukan kita menggunakan kebijaksanaan untuk mengukuhkan perpaduan kita dan meningkatkan keselamatan awam dan kestabilan politik dan ekonomi ke arah mempertahankan ASEAN sebagai destinasi pelaburan dan kawasan aman dan sejahtera.

Pengerusi AMM Ke-36, Tuan Yang Terutama Hor Namhong, Menteri Kanan, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Kerjasama Antarabangsa Kemboja dalam ucapan alu-aluannya di Majlis Pembukaan Rasmi AMM Ke-36 antara lain telah menjelaskan, usaha telah, sedang dan akan dilaksanakan untuk mempercepatkan dan mendatangkan integrasi ASEAN dan mengukuhkan kerjasama ASEAN dalam pelbagai bidang: memudah cara pelancongan, penjagaan alam sekitar, pembangunan kegunaan dan jenayah rentas sempadan dan bidang-bidang ekonomi yang lain serta kerjasama fungsional.

KITA bukan ahli bahasa dan kita tidak pakar dalam tafsiran. Ini penting ditekankan. Namun untuk sekadar mengetahui akan ertinya yang terpakai atau digunakan orang dalam berkata-kata pada setiap hari, itulah yang biasanya kita pegang. Dalam pada itu, satu hal yang patut juga difahami ialah bahawa setiap pengguna perkataan itu tidak semuanya betul dari segi letaknya penggunaan perkataan itu sendiri apa lagi kalau disodari yang tidak semua orang boleh berbahasa dengan baik seperti mana menurut yang diaturnya termasuk ketika sedang masih menuntut.

Tegasnya, apa yang diajarkan oleh guru-guru bahasa itu tidaklah dapat dijadikan sebagai jaminan yang setiap orang pelajarnya boleh menggunakan tata-bahasa yang diajarkan itu dijadikan pakaian dalam berbahasa dan penggunaannya harian. Bahasa yang digunakan itu, mungkin agak sempurna dalam persuratan namun masih kurang juga dengan kesalahan-kesalahannya. Mungkin ramai di antara kita yang mendapati kesalahan-kesalahan pada sudut-sudut yang tertentu. Kesalahan-kesalahan itu akan bertambah buruk lagi dalam pertuturan harian. Ini tidak terbatas kepada bahasa Melayu sahaja bahkan juga kepada bahasa Inggeris dan demikian juga bahasa-bahasa yang lain.

Memang ramai juga yang kita dengar mengeluarkan rungutan dan rasa kesal tentang pengabaian untuk berbahasa dengan cara yang betul itu kurang sangat diambil kira oleh pelajar-pelajar apa lagi di kalangan yang tidak lagi menjadi pelajar. Memang tidak semua orang begitu, namun sebilangan mengakuinya sebagai tidak penting tetapi cukuplah sekadar difahami dan tidak menjadi penghalang dalam berkomunikasi antara satu dengan yang lain.

Pengabaian itu akan mudah berlaku dalam suasana yang sukar untuk dikawal seperti dalam pertengkaran, meluahkan rasa sakit hati, marah, merajuk dan yang seumpamanya. Inilah sebabnya, barangkali, yang se-

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

MENCECEH, BIBIRAN, MELATAH, MENCARUT, CELUPA R

lalu berlaku di ketika orang yang gemar 'menceceh, bibiran, melatah dan mencarut' dalam meluahkan kata-katanya.

Namun apa yang penting dalam bahagian ini ialah hajatnya tercapai dan dia merasa puas setelah selesai melakukannya. Orang begini tidak memperkirakan soal betul tidaknya dari segi tata-bahasa, tetapi luahan hatinya itulah yang penting baginya. Apa lagilah kalau ada orang yang mengikutinya atau suka pula mendengarnya. Dalam pada itu, dari isi kata-kata yang disampaikan melalui 'menceceh, bibiran, melatah, mencarut' dan yang seumpamanya itu ada kalanya menarik perhatian orang selain daripada ramai juga yang menyukainya walaupun ramai juga menganggapnya lebih condong mengarah kepada yang negatif dari segi positif seperti boleh saja membahayakan orang lain atau pihak-pihak yang tertentu.

Satu hal yang menarik ialah penggunaannya dalam satu-satu kehidupan keluarga apabila sudut yang demikian itu sering mengambil tempat. Ia seolah-olah menjadi

satu tabiat sehingga dengan sendirinya terlahir secara spontan apabila berlaku pertengkaran kerana perselisihan pandangan dan pendapat, ketika 'bertujuan untuk mengajar anak-cucu' seperti yang selalu didakwa atau antara suami isteri yang curiga-mencurigai dan lain-lain faktor yang boleh saja menjadi sebab timbulnya semua itu.

Menurut Kamus, erti 'menceceh' ialah berleter, secara umumnya. Ini sama dengan erti 'bibiran' yang bertujuan untuk senantiasa mengingatkan (secara umumnya). 'Melatah' pula, ada beberapa erti yang diberikan menurut persepsi orang-orang kita iaitu 'gigiran' pada erti menyebut ulang-ulang. 'Mencarut', terkeluarnya kata-kata yang tidak elok atau cabul yang didesak oleh perasaan yang terlalu ditekan oleh rasa marah. Sementara 'celupar' pula ada yang mengumpamakannya seperti 'tumpung bubuk', mudah lepas cakap.

Apa pun yang dierti atau ditafsirkan maknanya terhadap kata-kata yang demikian itu, baik orang dahulu mahupun orang sekarang lebih ramai yang menganggap bahawa perkataan-perkataan yang demikian itu adalah sesuatu yang tidak baik kerana kemungkinan yang ianya boleh menjadi punca yang mengakibatkan terjadinya bermacam-macam keburukan adalah lebih tinggi dari kebajikan-nya. Ini mungkin antara banyak sebab mengapa orang-orang dahulu menegah anak-anak mereka dari mendengar apa lagi menyaksikan apabila ber-


laku satu-satu pergaduhan, pertengkaran hatta di ketika orang-orang tua 'sedang berunding'. Anak-anak dikawal ketat dari menonton perlakuan-perlakuan orang dewasa yang dianggap tidak elok bagi kanak-kanak berada di lingkungan mereka.

Di samping ini, ada beberapa perkara yang lain yang tidak membolehkan anak-anak berada sama. Ia lebih merupakan satu kekhawatiran mengapa kanak-kanak tidak harus berada dalam perkumpulan orang-orang dewasa atau orang-orang tua itu. Antaranya ialah yang berkaitan dengan 'rahsia' sebagai orang dewasa atau tua yang belum sesuai untuk didengar atau diketahui oleh kanak-kanak.

Inilah antara beberapa perkara yang sangat-sangat 'didisiplinkan' kepada kanak-kanak di masa silam. Ia juga merupakan kawalan agar kanak-kanak dahulu itu mematuhi cakap orang tua, tidak melakukan perkara-perkara yang dilarang dan banya melaksanakan apa-apa yang disuruh sahaja. Mungkin ada unsur-unsur 'halangan' di dalam disiplin yang demikian itu. Akan tetapi unsur-unsur positif juga berada sama seperti mentaati cakap orang tua, membuat kerja-kerja untuk berbakti kepada guru, titih dan lutan terhadap segala kemudahan yang diberikan dan seterusnya ialah tingginya darjah ketekunan dalam membuat satu-satu perkara terutamanya belajar.

Memang tidak ramai yang terpelajar, katalah di sekitar tahun-tahun 1950-an. Sebabnya tempat belajar tidak banyak, halangan-halangan untuk belajar juga banyak benar sebabnya. Halangan yang besar ialah persepsi terhadap sekolah dengan ketakutan terhadap dakwaan yang kononnya 'takut kafir'. Kerana itu lebih ramai yang pandai mengaji Quran, berdiskir, bersyair dan mahir dalam berbagai kerja seni, seni tangan dan seni suara dan juga seni muzik orang-orang lama. Semua itu dapat diambil sebagai gambaran yang orang-orang dahulu itu juga banyak memiliki pelbagai kepintaran menurut zaman mereka. Sama juga dengan orang sekarang yang memiliki berbagai-bagai kepintaran, kepakaran dan hidup dalam serba kecanggihan. Semuanya adalah menurut zaman masing-masing.

Akan tetapi, kadang-kadang kita juga terasa bimbang bila mengingatkan kecanggihan sekarang dalam menceceh, bibiran, melatah, mencarut dan celupar yang selalu terhidang dalam media massa seperti akhbar, majalah dan siaran-siaran televisyen yang juga dapat diterima baca dan tonton oleh kita termasuk anak-anak dan remaja kita yang sangat-sangat kita sayangi. Dulu tidak ada. Paling tidak, hanyalah setakat kewajaran kita dalam kebolehan sama pada mencipta komik Melayu yang bertajuk SI-TUYU - Pendek, tepat dan jelas tetapi kurang dalam kefahaman. Itu pun, umurnya tidak panjang.



Penyerapan program e-kerajaan tingkatkan keberkesanan perkhidmatan awam

BERAKAS, 12 Jun. - Timbalan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail berkata penyerapan program e-kerajaan di dalam rancangan kemajuan negara menunjukkan komitmen serius kerajaan ke arah keberkesanan pentadbiran dan pelaksanaan perkhidmatan awam yang lebih cekap selaras dengan visi perkhidmatan awam di abad ke-21.

Sehubungan dengan itu jelasnya, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia berusaha untuk meningkatkan kemudahan agar ianya lebih mudah dan berkesan terutama dalam berinteraksi dengan masyarakat dan pengguna-pengusaha melalui informasi teknologi maklumat (ICT).

Awang Haji Sulaiman menyatakan perkara ter-

Oleh
Abu Bakar HAR

sebut di Pembukaan Mesyuarat bagi persediaan Persidangan Hal Ehwal Perkhidmatan Awam ASEAN (ACCSM) Ke-12 di Hotel Orchid Garden di sini.

Sehubungan dengan itu, katanya, informasi teknologi maklumat dapat memainkan peranannya dalam menyatukan dan memangkin pertumbuhan sosioekonomi negara, di samping meningkatkan pengaliran maklumat dan proses mengenainya, selain mempercepatkan mutu dasar pembangunan dan masyarakatnya.

Manakala konsep e-kerajaan yang kian berkembang, jelas beliau, memerlukan sektor kerajaan untuk menjadi lebih res-



TIMBALAN Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Awang Haji Sulaiman bergambar ramai bersama delegasi dan perwakilan yang menghadiri Mesyuarat ACCSM Ke-12. - Gambar oleh Abdullah HAD.

ponsif terhadap keperluan masyarakat dan memperbaiki mutu perkhidmatan.

Sementara elemen-ele-

men seperti fleksibel, kreatif dan inovasi pula diharap akan mampu meningkatkan keberkesanan perkhid-

matan awam terutama dalam melaksanakan tanggungjawab, katanya.

Mesyuarat yang me-

liputi sesi taklimat dan perbincangan mengenai beberapa isu serta mengesahkan agenda yang akan dibawa

bagi persediaan kemuncak Mesyuarat ACCSM Ke-12 yang akan berlangsung empat bulan dari sekarang.

Hubungan Brunei Darussalam - Filipina semakin meningkat

BERAKAS, 14 Jun. - Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina terus menikmati hubungan persahabatan yang rapat dan kukuh lagi dengan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang yang menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Perkara itu dijelaskan oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong di Majlis Resepsi Ulang Tahun Ke-105 Hari Pengisytiharan Kemerdekaan Republik Filipina di Pusat Persidangan Antarabangsa hari ini.

Menurut Yang Berhormat, hubungan di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina terus kukuh lagi dengan terjalinnya hubungan melalui pertukaran lawatan terutama di peringkat pemimpin kedua-dua buah negara, pegawai-pegawai kanan serta sektor swasta.

"Keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei

Darussalam ke Filipina pada bulan Januari lalu menandakan peristiwa penting dalam sejarah bagi hubungan kedua-dua buah negara yang sudah tentu merapatkan lagi hubungan yang sedia ada," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat menambahkan, penandatanganan perjanjian mengenai Perdagangan Perkapalan (Merchant Shipping) sempena keberangkatan lawatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga menyediakan peluang-peluang kedua-dua buah negara untuk bekerja lebih rapat bagi faedah dan keuntungan dalam bidang itu.

Menurutnya, amalan hubungan mesra kedua-dua buah negara juga telah berkembang sejak beberapa tahun lalu melalui perkongsian faedah yang ada di rantau ini.

Dalam bidang pertahanan pula, Menteri Kesihatan menjelaskan Negara Brunei Darussalam melahirkan rasa gembira atas hubungan kerjasama yang semakin meningkat dalam beberapa tahun lalu.

Pada bulan April tahun ini, latihan laut bersama

Oleh Samle HJ

yang dikendalikan oleh Angkatan Tentera Laut Diraja Brunei dan Angkatan Laut Filipina menggambarkan peningkatan hubungan perkhidmatan ketenteraan negara masing-masing sekali gus merapatkan lagi hubungan kerjasama.

Yang Berhormat juga melahirkan perhasratan gembira atas usaha kedua-dua buah negara dalam menghadapi senario rantau ASEAN yang semakin menghadapi cabaran menerusi kerjasama, bukan saja di peringkat dua hala tetapi dalam konteks ASEAN.

Awal dari itu, Yang Berhormat mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengucapkan tahmia kepada kerajaan dan rakyat Republik Filipina sempena sambutan hari kemerdekaan negara itu.

Sementara itu, Puan Yang Terutama Virginia H.

Benavidez juga melahirkan rasa gembira melalui hubungan persahabatan yang dan hubungan rapat serta rakan kongsi yang aktif di antara Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina yang berjiran.

Selain sama-sama memainkan peranan dalam ASEAN, PYT juga menjelaskan kedua-dua buah negara juga akan aktif dalam menggiatkan kawasan Pertumbuhan BIMP-EAGA ASEAN dengan mengongkakan faedah dan komitmen secara terbuka bagi perdagangan dan peluang pelaburan, kemajuan sumber manusia dan kerjasama perniagaan dan pendidikan.

Matlamat dan hasrat Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina akan terus membawa kedua-dua buah negara sebagai rakan kongsi yang lebih luas dalam sektor-sektor penting seperti ICT, keusahawanan, bioteknologi dan kebudayaan.

Kira-kira 15,000 rakyat Filipina bekerja di negara ini dalam pelbagai bidang termasuk bidang profesional, perniagaan dan perkhidmatan.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bersama Puan Yang Terutama Virginia H. Benavidez, Duta Besar Republik Filipina ke Negara Brunei Darussalam memotong kek sempena perayaan Ulang Tahun Ke-105 Hari Pengisytiharan Kemerdekaan Republik Filipina. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Pas Pengenalan bagi pengggapai kerajaan

BERAKAS, 17 Jun. - Para pengggapai kerajaan akan lebih mudah dikenali dan dibezakan daripada pengggapai sukarela mulai hari ini dengan Pas Pengenalan yang akan mula mereka pakai.

Perkara ini dinyatakan oleh Pemangku Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Latip bin Haji Ghariff di Majlis Penyampaian Pas Pengenalan bagi para pengggapai seluruh negara.

Majlis berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas di sini.

Beliau menyeru agar semua pengggapai kerajaan akan sentiasa memakai Pas Pengenalan setiap kali keluar bertugas menguruskan jenazah bila-bila masa dan bukan hanya pada waktu pejabat sahaja.

"Ini adalah bagi memastikan para pengggapai kerajaan dikenali dan bagi memastikan sebarang ma-

salah atau rungutan orang ramai yang mungkin timbul akan dapat disiasat dan seterusnya diperbaiki," tegasnya.

Menurutnya lagi, pengetahuan cara-cara pengggapai yang sempurna bagi pengggapai-pengggapai kerajaan akan dinilai dari masa ke semasa untuk meningkatkan lagi kualiti dan prestasi perkhidmatan mereka.

Katanya, di samping Pas Pengenalan yang dipakai oleh para pengggapai, Kementerian Hal Ehwal Ugama juga telah menyediakan papan-papan tanda untuk dipasang di rumah pengggapai kerajaan bagi memudahkan orang ramai mengenal pasti rumah pengggapai kerajaan yang ada di kampung mereka.

Pada masa ini terdapat seramai 30 orang pengggapai kerajaan di kalangan wanita di seluruh negara. Daerah Brunei dan Muara mempunyai jumlah teramai iaitu 14 orang yang

berpejabat di Bangunan Madrasah, Jalan Elizabeth II, Bandar Seri Begawan. Bagi orang ramai yang memerlukan khidmat mereka bolehlah menghubungi melalui talian terus 2220393 (pada waktu pejabat). Di Daerah Tutong pula terdapat seramai enam orang pengggapai kerajaan yang ditempatkan di Pejabat Hal Ehwal Ugama, Daerah Tutong yang boleh dihubungi melalui telefon 4221486, 4221487 atau 4221488 sambungan 38.

Sementara itu di Daerah Belait pula terdapat seramai empat orang pengggapai kerajaan yang ditempatkan di Pejabat Hal Ehwal Ugama Daerah Belait. Mereka boleh dihubungi menerusi telefon 3334347 atau 3334348. Daerah Temburong pula mempunyai seramai empat pengggapai kerajaan yang boleh dihubungi (pada waktu pejabat) menerusi telefon 5221259 sambungan 19.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar semasa mempergunakan Mesyuarat Task Force Menangani SARS Ke-14 yang berlangsung pada 16 Jun lepas di Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Harun HR.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR) JABATAN AUDIT, JABATAN PERDANA MENTERI

BIL.	PERKHIDMATAN	TPOR
1.	Perkhidmatan Pencion dan Baksis Pegawai Perkhidmatan Awam dan Pasukan Polis Diraja Brunei	siap diperiksa 2 bulan sebelum pegawai itu bersara.
2.	Perkhidmatan Pencion, Baksis dan Kriteria Penempatan bagi anggota ABDB	siap diperiksa 2 bulan sebelum pegawai itu bersara.
3.	Perkhidmatan Baksis Awam Tidak Berpencion	siap diperiksa 2 bulan sebelum pegawai itu menamatkan perkhidmatan.
4.	Perkhidmatan Baksis Kontrak	siap diperiksa 1 bulan selepas menerima perkiraan dan fail dari jabatannya.
5.	Perkhidmatan Baksis Site-Staff	siap diperiksa 1 bulan selepas menerima perkiraan dan fail dari jabatannya.



PEMANGKU Pengarah Pentadbiran, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Abdul Latip bergambar ramai bersama para pengggapai kerajaan seluruh negara sejurus penyampaian Pas Pengenalan yang berlangsung di Kementerian Hal Ehwal Ugama, Jalan Menteri Besar, Berakas.



MENTERI Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman menyampaikan Sijil Industri Perintis (Perintah Galakan Pelaburan 2001) kepada Timbalan Pengarah Urusan Tuah Maju Multifood Sendirian Berhad, Awang Haji Amin bin Haji Aji. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

13 syarikat terima sijil Industri Perintis

Oleh Samle HJ

GADONG, 16 Jun. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memberi penghargaan dan pengiktirafan pencapaian syarikat-syarikat yang menyertai program-program kemajuan pelbagai industri kendalian Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama (KPSSU).

Sebanyak 13 buah syarikat tempatan menerima Sijil Industri Perintis (Perintah Galakan Pelaburan 2001) dan lima buah syarikat lagi menerima Sijil Pengiktirafan Piawai yang dikeluarkan oleh SIRIM, sebuah institusi akreditasi dan piawai Ma-

laysia yang mengeluarkan pengiktirafan antarabangsa.

Projek Persijilan Industri Perintah Galakan Pelaburan 2001 merupakan satu fungsi yang ditadbir oleh Bahagian Promosi dan Perkembangan Keusahawanan, KPSSU bagi menggantikan Akta Galakan Pelaburan 1975 (CAP 97) di bawah Lembaga Kemajuan Ekonomi sebelum ini.

Sebanyak 13 jenis galakan pelaburan di bawahnya yang berbentuk pelepasan cukai yang dihasilkan bagi menggalak pertumbuhan dan kemajuan perindustrian dan pertumbuhan ekonomi pengusaha yang berkaitan.

Antara galakan pelaburan yang diperolehi dari pemberian sijil tersebut termasuk pelepasan cukai pendapatan, pelepasan cukai import bagi loji, alat-alat jentera atau perkakas yang digunakan di Negara Brunei Darussalam.

Selain dari itu, pelepasan cukai bagi bahan-bahan mentah yang tidak terdapat atau dikeluarkan tempatan dan kerugian yang ditanggung dalam tempat pelepasan cukai juga merupakan antara galakan yang diperolehi.

Syarikat-syarikat yang menerima Persijilan Industri Perintah Galakan Pelaburan 2001 ialah ATH-Tyfoontex Sendirian Berhad, PSA Muara Container Terminal Sendirian Berhad, Golden Chick Abattoirs, CIC Environment Sendirian Berhad, Tang Hong Industri (B) Sendirian Berhad, Mahkota Crystal Sendirian Berhad, GR Technic

Sendirian Berhad, Tuah Maju Multifood Sendirian Berhad, Sungai Bera Remediation JV Sendirian Berhad, P.D.A.C. Ocean Sky Sendirian Berhad, PDS Abattoir Sendirian Berhad dan PDS Prima Agri-Products Sendirian Berhad.

Projek Persijilan Produk pula merupakan inisiatif Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam menyokong dan membantu syarikat-syarikat tempatan yang berhasrat bagi mengembangkan perniagaan ke pasaran luar sekali gus bagi meningkatkan mutu produk dan sistem pengurusan dalam pengeluaran produk.

Sebanyak lima buah syarikat pengeluar makanan tempatan terpilih menyertai Projek Persijilan Produk telah menjalani pengauditan dari SIRIM QAS Sendirian Berhad, Malaysia iaitu salah sebuah anak syarikat SIRIM Berhad, Malaysia yang menyaksikan kejayaan syarikat berkenaan mendapat Lesen Persijilan Barang ke atas produk-produk yang diaudit selepas mematuhi keperluan Piawai Malaysia.

Ideal Food Industries Sendirian Berhad, PDS Prima Agri-Products (B) Sendirian dan Sabli Food Industri (B) Sendirian Berhad yang merupakan syarikat pengeluar produk makanan dari pemprosesan pedaging dan dua lagi pengeluar produk makanan dari pemprosesan udang (sumber perikanan), Semaun Seafood Sendirian Berhad dan Syarikat TMM Processing telah menerima anugerah Per-

sijilan Produk.

Sementara itu, sebuah syarikat tempatan, Muhammad Mustaqim Enterprise juga menerima anugerah 'Good Award' iaitu projek di bawah kendalian Japan Industrial Design Promotion Organization (JAIDO), sebuah organisasi mengeluarkan pengiktirafan produk yang mempunyai rekaman dan berkualiti tinggi bagi pasaran Jepun.

Anugerah itu merupakan satu-satunya sistem penilaian dan penganugerahan rekaman yang lengkap di Jepun bagi menggalakkan pembinaaan dalam kualiti kehidupan dan perkembangan perindustrian melalui rekaman yang baik.

KPSSU selaku agensi penyelenggara di Negara Brunei Darussalam telah mengenal pasti 11 buah syarikat tetapi tiga buah sahaja yang menyertai dalam kategori 'Alat Dapur dan Alat Penyajian Meja Makan' dan kategori 'Perabot, Alat Perkakas dan Perhiasan Dalaman'.

Selepas membuat penilaian secara 'concentrated system' Japan Industrial Design Promotion Organization telah bersetuju untuk mengeluarkan satu sijil pengiktirafan kepada Muhammad Mustaqim Enterprise.

Kesemua penganugerahan yang diberikan itu juga diharapkan akan menjadi pendorong kepada sektor swasta di negara ini untuk terus meningkatkan lagi usaha dengan lebih gigih ke arah meneroka peluang-peluang ekonomi yang lebih mencabar dalam arus perdagangan bebas masa kini.

Dapatkan kebenaran dari Pegawai Daerah

BANDAR SERI BEGAWAI, 13 Jun. - Tidak seorang pun penduduk Kampung Ayer dibenarkan untuk membangun, mendirikan, mengubah, menambah atau menyambung mana-mana bangunan di Kampung Ayer tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran secara bertulis daripada Pegawai Daerah.

Selain itu pemilik atau penghuni mana-mana rumah atau bangunan juga tidak dibenarkan untuk membuat penyewaan atau membenarkan orang lain tinggal melainkan ahli keluarga sendiri.

Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof mengulangi ucapan Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Adnan, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri sewaktu Majlis Penyerahan Sijil Lantikan Penghulu Mukim Tamoi pada 24 April lalu sebagai peringatan kepada penduduk di Kampung Ayer semasa beliau menyampaikan Sijil Perlantikan Ketua Kampung Ujong Bukit dan Limbongan yang baru, Awang Haji Abdul Wahab.

Katanya, peraturan yang dikuatkuasakan itu adalah bagi menjaga keselamatan, kesejahteraan, kelesaan dan kepentingan bersama dan bukannya untuk menyekat atau menyusahkan penduduk-penduduk kampung.

Kejadian-kejadian kebakaran yang berlaku di Kampung Ayer yang melibatkan kemusnahan berpuh-puluh buah rumah setentunya cukup untuk dijadikan iktibar dan pengajaran dan sebagai langkah berhati-hati serta berwaspada bagi mengelakkan serta mencegah, jelas Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof yang menyarankan supaya penduduk-penduduk Kampung Ayer sentiasa mengambil perhatian yang serius mengenainya.

Sementara penghulu dan ketua-ketua kampung yang peka dengan perkara tersebut agar mengambil langkah perlu seperti menasihati dengan segera atau melaporkan kepada Pegawai Daerah jika didapati mana-mana anak-anak

Oleh
Abu Bakar HAR

buah kampung atau mukim yang melanggar peraturan berkenaan.

Menyentuh kebersihan alam sekitar, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof menekankan bahawa tanggungjawab menjaga, memeli-

hara dan mengekalkan kebersihan adalah tanggungjawab bersama dan bukannya diserahkan bulat-bulat kepada pihak kerajaan semata-mata.

Oleh itu beliau berseru kepada penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung supaya berusaha dengan gigih untuk menggembel tenaga bersama Majlis Perundingan Mukim dan Kampung dan Jawatankuasa Takmir Masjid, di samping melibatkan anak-

anak buah kampung untuk sama-sama berganding bahu mengukuhkan kempen kebersihan secara berterusan.

Dengan penglibatan sedemikian sententunya akan dapat membantu dalam mencetuskan perasaan tanggungjawab, rasa pemedulian sekali gus keprihatinan penduduk-penduduk kampung serta mukim pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar, katanya.



DATO Paduka Awang Haji Mohd. Yusof, Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri ketika menyampaikan Sijil Lantikan Ketua Kampung bagi Kampung Ujong Bukit dan Kampung Limbongan kepada Awang Haji Abdul Wahab. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Ketua Kampung perantara kerajaan dan penduduk

Oleh
Abu Bakar HAR

BANDAR SERI BEGAWAI, 13 Jun. - Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof berkata, Ketua Kampung merupakan perantara dua hala umpama mata, telinga dan lidah kerajaan dan penduduk-penduduk kampung dalam memeduli, menjaga, mengawasi kepentingan, keselamatan dan kemajuan kampungnya.

Selain itu Ketua Kampung tidak boleh camah mata dalam melayani dan menangani anak-anak buahnya bahkan bertin-

dak secara dan bijaksana dalam menyelesaikan apa jua permasalahan, di samping mempunyai rasa tanggungjawab dan penuh komitmen dengan tidak membiarkan apa jua permasalahan berlarutan sehingga didedahkan oleh pihak-pihak lain termasuk media.

Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof membuat penekanan tersebut di Majlis Penyerahan Sijil Perlantikan Ketua Kampung Ujong Bukit dan Limbongan yang baru Awang Haji Abdul Wahab,

Tegasnya, perkara seperti ini perlu diambil perhatian dan ingatan oleh semua Penghulu dan Ketua Kampung dalam memastikan dan menjamin kewibawaan dan ketokohan sebagai pemimpin di peringkat akar umbi agar disanjung tinggi dan disegani oleh anak-anak buah kampung dan mukim.

Beliau percaya, dengan wujudnya suasana sedemikian,

apa jua projek dan kegiatan yang diangkayahkan akan sentiasa mendapat sokongan dan dukungan dari anak-anak buah kampung atau mukim dan jika sebaliknya, Dato Paduka percaya kredibiliti Ketua Kampung dan Penghulu Mukim sebagai pemimpin di peringkat akar umbi akan sedikit sebanyak terjejas dan apa jua projek serta kegiatan yang diangkayahkan tidak akan mendapat tempat dan sokongan.

Oleh itu beliau menyen-

peranan, tugas dan tanggungjawab yang termaktub di dalam buku Skim Perkhidmatan Penghulu dan Ketua Kampung akan dapat dibuat dengan berkesan, di samping membuat perancangan rapi serta mengatur strategi-strategi pelaksanaan dalam membuat penilaian terhadap pencapaian dan keberkesanan sebarang projek atau aktiviti yang diangkayahkan.

Ketua Kampung yang baru bagi Kampung Ujong Bukit dan Limbongan, Awang Haji Abdul Wahab sebelumnya

merupakan seorang kakitangan awam bertugas di Kementerian Kesihatan sebagai Pembantu Kerani dan berusia 44 tahun.

Dalam ucapan balas di Majlis Penyerahan dan seterusnya Pelancaran Papan Tanda Ketua Kampung, Awang Haji Abdul Wahab berharap akan sentiasa mendapat sokongan dan kerjasama dari anak-anak buah yang dipimpin di samping mengesyorkan agar mengadakan permuakarah atau perbincangan sebelum melakukan sebarang tindakan sekiranya berlaku apa jua masalah.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusof ketika menyampaikan Perasmian Papan Tanda Rumah Ketua Kampung Ujong Bukit dan Kampung Limbongan sambil diperhatikan oleh Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun dan Ketua Kampung Awang Haji Abdul Wahab. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

BINA bantu industri, koperasi lebih kompetitif

BERIBL 16 Jun. - Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama melalui Badan Kemajuan Industri Brunei (BINA) sentiasa berusaha membantu industri dan koperasi untuk lebih kompetitif sehingga dapat berkembang maju bersama rakan-rakan mereka di negara lain.

Selubungan dengan itu,

dasar-dasar kerajaan melalui BINA adalah bertujuan untuk memastikan industri dan koperasi mencapai tahap kualiti dan produktiviti yang tinggi sebagai asas perniagaan yang mantap dan berdaya tahan dalam suasana perniagaan yang sangat kompetitif dan mencabar ketika ini.

Perkara itu dijelaskan oleh Setiausaha Tetap

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Haji Idris bin Haji Belaman di Majlis Pelancaran Laman Web BINA dan Pelancaran Pameran Produk Keluaran Tempatan 'Local Showcase' di jabatan berkenaan.

Katanya, industri dan koperasi tempatan telah membuktikan bahawa mere-

Oleh
Samle HJ

ka telah mampu bersaing malah dapat mencapai kualiti yang lebih tinggi dengan harga yang lebih murah dari saingan luar negara.

Beliau yakin, penerapan teknologi maklumat dan

komunikasi (ICT) yang diperkenalkan itu mampu membantu industri dan koperasi tempatan untuk meningkatkan lagi kualiti dan produktiviti terutama ke arah menembusi pasaran serantau dan global.

Awal dari itu, beliau juga mengakui arus pasaran global terbuka tanpa batasan dan peningkatan dominasi media

internet dalam perdagangan antarabangsa, perusahaan-perusahaan tempatan tiada pilihan selain terpaksa mencubai media ICT untuk dapat berdaya saing dengan pengusaha-pengusaha luar negara.

Menurutnya, perkembangan itu mempunyai implikasi kepada perniagaan dan perusahaan di dalam negara apa lagi pihak kerajaan telah menyedari bahawa satu-satu jalan yang semestinya dilalui oleh peniaga-peniaga dan pengusaha-pengusaha di negara ini ialah untuk meningkatkan daya saing dari segi kualiti dan produktiviti.

Dengan penerapan itu, katanya, syarikat-syarikat tempatan akan dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti melalui penguasaan maklumat, pengeluaran dan pemasaran (MIS) yang tepat dan cepat secara 'on-line'.

Pengarah BINA, Awang Haji Md. Zain bin Haji Abdul Ghafar pula menjelaskan perusahaan dan koperasi tempatan tiada pilihan selain daripada meningkatkan daya saing bagi menandingi pengusaha-pengusaha dan koperasi luar negara ketika era pasaran global masa ini tiada batasan.

Projek Laman Web BINA merupakan strategi industri dan koperasi terut-

ma bagi promosi produk tempatan ke pasaran luar, peluang-peluang usaha sama bagi mencubai kegiatan baru dan memperbesar perusahaan ke arah pasaran eksport.

Di samping itu, ianya bertujuan untuk meningkatkan kecekapan dan memudahkan pengusaha-pengusaha industri dan koperasi untuk menerapkan konsep pengurusan berasaskan teknologi ICT sebagai 'management tool' yang efektif dalam meningkatkan daya saing dan produktiviti oleh masyarakat perniagaan antarabangsa.

Projek berkenaan diharap akan dapat memberi manfaat dari segi peluang mempromosikan syarikat-syarikat dalam laman web yang interaktif dan mempunyai keupayaan 'access' antarabangsa yang lebih meluas.

Projek Laman Web BINA dilaksanakan secara kerjasama antara BINA, Syarikat One Brunei.com, syarikat-syarikat industri, koperasi dan dewan perniagaan merupakan usaha yang baik dan boleh menguntungkan kedua-dua belah pihak.

Laman Web BINA memfokus kepada mempromosikan pengusaha dan produk industri dan koperasi untuk disebarluaskan ke seluruh dunia.



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Dato Paduka Haji Idris bin Haji Belaman menyaksikan secara dekat produk-produk keluaran tempatan di Pameran Produk Keluaran Tempatan (kiri). Sementara gambar kanan, Dato Paduka Haji Idris melancarkan Laman Web BINA. - Gambar oleh Abdullah HAD.



6 penulis tandatangani Memorandum Perjanjian

BERAKAS, 14 Jun. - Dewan Bahasa dan Pustaka dan 6 orang penulis tempatan hari ini menandatangani Memorandum Perjanjian bagi penerbitan beberapa buah buku baru dalam pelbagai bidang yang kini sedang dalam proses pracetak.

Mewakili Dewan Bahasa dan Pustaka ialah Pemangku Pengarah, Awang Haji Abu Bakar manakala penulis-penulis tersebut Awang Haji Mohd. Salleh bin Abdul Latif, Pengiran Haji Aji bin Pengiran Mohd. Tahir, Awang Azmi bin Abdullah, Awang Abdullah @ Ariffin Deng, Hajah Amcahah binti Haji Alias dan Dayang Norhayati binti Haji Dollah.

Oleh
Abu Bakar HAR

Buku 'Dari Melayu Ke Mashaf' tulisan Awang Haji Mohd. Salleh merupakan novel yang bertemakan insiden di negara ini dalam jangka waktu 25 tahun lalu mengandungi nilai-nilai murni kebrutanan dan persejajaran.

Manakala buku 'Pengajaran Membaca Dari Sudut Neuropsikolinguistik' merupakan sebuah buku ilmiah mengenai pengajaran membaca dalam aspek neurologis, psikologi dan ilmu bahasa yang ditulis oleh Awang Azmi.

Dalam pada itu sebanyak

tiga buah buku yang berbentuk bumbu bacaan rumi dan buku cerita telah dihasilkan oleh tiga orang penulis iaitu 'Orang Tua Yang Baik Hati' oleh Awang Abdullah dan Hajah Amcahah pula dengan buku 'Si Kelabu dan Si Panjang' sementara buku 'Penyu dan Ikan Duyung' ditulis oleh Dayang Norhayati.

Sementara itu sebuah lagi buku berbentuk syair telah dihasilkan oleh Pengiran Haji Aji dengan tajuk 'Syair Kurnala Sukur'.

Selain buku-buku tersebut Dewan Bahasa dan Pustaka juga telah mengumumkan bahawa sedikit masa lagi akan menerbitkan

lima buah tajuk buku yang mana pada ketika ini sedang dalam proses terakhir pracetak.

Buku-buku tersebut ialah 'Perpustakaan dan Kepustakawanan : Suatu Tinjauan', 'Struktur Bahasa Belait', 'Hukum Kanun', 'Ulat Si Rama-Rama' dan 'Sampan Tiau Yang Berjasa'.



DARI Melayu Ke Mashaf merupakan tajuk buku baru yang ditandatangani oleh Awang Haji Mohd. Salleh, sambil diperlihatkan oleh Pemangku Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Abu Bakar (kiri) di Majlis Menandatangani Memorandum Perjanjian (atas). - Gambar oleh Harun HR.

PENGUNAAN TELEFON BIMBIT SEMASA MEMANDU KENDERAAN SATU KESALAHAN

Oleh
Abu Bakar HAR

Sayyidina Hassan di Kampong Kilanas di sini bersama beberapa pegawai penguat kuasa dari jabatan yang lain.

Sementara Inspektor Kanan Mohammad Ahmad dari Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalu Lintas, Pasukan Lalu Lintas dalam taklimatnya menerangkan bahawa kemalangan jalan raya sehingga bulan Mei mencatatkan sebanyak 1,106 kemalangan termasuk yang membabitkan 13 kematian dan cedera parah.

Walaupun bagaimanapun katanya, bulan Mei mencatatkan kemalangan yang paling tinggi dengan catatan

238 berbanding bulan Februari dengan catatan yang terendah sebanyak 209.

Antara catatan kemalangan itu termasuklah kemalangan kereta dengan kereta, kereta dengan motorikal, kereta dengan basikal, kereta dengan pejalan kaki dan kemalangan sendiri.

Juga menyampaikan taklimat pada pagi itu ialah pegawai dari Jabatan Pengangkutan Darat dan Jabatan Kerja Raya.

Antara tujuan taklimat diadakan ialah untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai keselamatan di jalan raya dan menghargai harta benda awam serta mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan.



KEMPAK KESELAMATAN JALAN RAYA ... Seorang pegawai Majlis Keselamatan Jalan Raya ketika memberi taklimat mengenai keselamatan jalan raya kepada penuntut-penuntut Sekolah Menengah Sayyidina Hassan dalam usaha meneruskan aktiviti memberi maklumat berguna khususnya bagi mengurangkan kadar kemalangan di jalan raya (kiri). - Gambar oleh Ramli Tengah.

\$20.7 juta diperuntukkan bagi pelaksanaan projek komputer

GADONG, 4 Jun. - Timbalan Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman berkata sejak 1999, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperuntukkan \$20.7 juta bagi pelaksanaan projek-projek komputer di sekolah-sekolah dan institusi pengajian tinggi di negara ini.

Kerajaan, jelas Yang Mulia, sedang berusaha agar setiap sekolah di negara ini dihubungkan ke lebih raya maklumat dengan komputer-komputer, perisian yang baik dan

guru-guru yang terlatih.

"Setakat ini, Kementerian Pendidikan telah mengenal pasti beberapa projek bagi merealisasikan e-pendidikan. Semua projek itu dibangunkan di bawah beberapa strategi seperti struktur info, perkhidmatan-perkhidmatan utama dan infrastruktur teknikal. Strategi-strategi ini dirumuskan sebagai peta jalan e-pendidikan Kementerian Pendidikan yang akan membawa program-program e-pendidikan ke dalam EDUNET, e-pembelajaran, Sistem Maklumat Pendidikan (EIS), Perpustakaan Digital (DL) dan Pembangunan Keupayaan dan Manusia (HCB) yang

mana Lesen Penggunaan Kemahiran Komputer Antarabangsa (ICDL) adalah satu daripada komponen-komponen itu," jelas Yang Mulia.

Yang Mulia menyatakan perkara itu semasa melancarkan Pusat Ujian Bagi ICDL SEAMEO-VOC-TECH di Pusat SEAMEO-VOC-TECH.

Menurut Yang Mulia, pelancaran itu merupakan suatu bukti bahawa SEAMEO-VOC-TECH memikirkan dengan serius pembangunan ICT di negara ini kerana sememangnya e-pendidikan mesti bergerak seiring dengan projek-projek e-kerajaan.

Oleh
Haji Ahmad HS

Program ICDL, jelas Yang Mulia merupakan tanda aras (benchmark) bagi orang-orang Brunei mengukur kemahiran mereka melalui sijil-sijil yang bukan sahaja diakui di negara ini bahkan di peringkat antarabangsa.

ICDL juga tambah Yang Mulia, akan membantu menyediakan kecakapan komputer antarabangsa sebagaimana yang diperlukan oleh para majikan dan individu selain membantu negara ini lebih dinamik dalam era pemo-

denan dan globalisasi.

Yang Mulia seterusnya menjelaskan bahawa dalam usaha menjadikan orang-orang Brunei khususnya para penuntut dan ahli-ahli akademik kreatif dan inovatif, Institut Teknologi Brunei (ITB) akan menganjurkan peraduan Anugerah CIPTA (Creative, Innovative Product and Technology Advancement Awards).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan anugerah itu dinamakan sebagai Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota.

Peraduan itu akan diadakan setiap dua tahun yang akan dimulakan dengan Anugerah CIPTA Pengiran Muda Mahkota 2004 sempena memperingati hari keputeraan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah.

Peraduan itu, tambah Yang Mulia, adalah bagi mendorong inovasi dan kreativiti dengan objektif antara lain bagi merangsang para belia dan orang ramai di negara ini mencipta produk-produk kreatif, proses atau teknologi yang sejajar dengan inspirasi negara selain meningkatkan penerokaan dan inovasi di negara ini.

MAJLIS PENGUNDIAN DAN PEMILIHAN CALON KETUA KAMPONG RIMBA MUKIM GADONG

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Jun. - Pejabat Daerah Brunei dan Muara memaklumkan kepada penduduk-penduduk Kampong Rimba bahawa Majlis Pengundian dan Pemilihan Bagi Calon Ketua Kampong Rimba, Mukim Gadong akan diadakan pada hari Jumaat, 5 Jamadilawal 1424 bersamaan 4 Julai 2003, bertempat di Dewan Sekolah Rendah Rimba 1, Mukim Gadong bermula jam 8.00 malam hingga 10.00 malam.

Oleh yang demikian, Pegawai Daerah Brunei dan Muara memohon kerjasama daripada semua penduduk Kampong Rimba yang terdiri daripada warga Negara Brunei Darussalam dan penduduk tetap yang berumur 18 tahun ke atas dan tinggal bermastautin di kampung berkenaan hadir di hari pemilihan dan pengundian dengan membawa kad pengenalan masing-masing.

Kehadiran penduduk-penduduk Kampong Rimba adalah sangat-sangat diharapkan dan diucapkan terima kasih.

Eksesais Rintis Bersama III

Oleh
Bolhassan HAB

TEMBURONG, 13 Jun. - Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei (ATDD), Kolonel Haji Abdul Rahmani bin Dato Paduka Haji

Basir telah mengadakan lawatan ke Eksesais Rintis Bersama III di antara Skuadron Jurutera Tempur, ATDD dengan Singapore Armoured Engineer, Angkatan Bersenjata Republik Singapura yang dijalankan di Kampong Meriam, di daerah ini.

Hadir bersama menyaksikan latihan tersebut yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan ketenteraan di antara kedua-dua buah negara itu ialah Chief Engineer Officer dari Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Kolonel Teo Siong dan rombongan serta pegawai-pegawai ATDD.

Pegawai Pemerintah Batalion Bantu, Leftenan Kolonel Pengiran Zulkifli bin Pengiran Haji Ismail telah menyampaikan taklimat mengenai latihan yang dijalankan kepada Pemerintah ATDD serta rombongan dan kemudiannya dibawa meninjau secara dekat ke kawasan latihan.

Pemerintah ATDD, Kolonel Haji Abdul Rahmani juga telah berkesudahan menyempurnakan penyerahan sijil 'Projek Titian Penghubung' sempena Eksesais Rintis Bersama III yang berlangsung di Kampong Selapon.



TIMBALAN Menteri Pendidikan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Suyoi bin Haji Osman menyaksikan Penandatanganan Pusat Penggunaan Kemahiran Komputer Antarabangsa (ICDL), Awang Haji Mohd. Daud mewakili Pusat SEAMEO-VOC-TECH dan Dr. Rodger Hake OBE mewakili ICDL Asia Pacific Ltd. - Gambar oleh Abdullah HAD.

Projek 'Community Psychiatry' tingkatkan pengetahuan mengenai gangguan mental

BERAKAS, 14 Jun. - Hari Kesihatan Mental Sedunia yang diadakan pada tahun lalu mendapat sambutan yang menggalakkan dari semua sekolah menengah di seluruh negara di mana Jabatan Kesihatan dan Jabatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan sekali lagi mengukuhkan Projek Kemasyarakatan 'Community Psychiatry'.

Projek Promosi Kesihatan Mental yang diukuhkan oleh pihak Kejururawatan Jabatan Psikiatri, Hospital Raja Isteri RIPAS berbandukan model Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) tahun lalu yang diadakan di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Lambak Kanan.

Ia bertujuan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat dan orang ramai amnya terutama penuntut sekolah menengah serta guru-guru khususnya mengenai penyakit mental.

Oleh
Bolhassan HAB

Selain itu, promosi yang berbentuk penerangan dan pameran adalah dihasratkan untuk memberikan pengetahuan mengenai gejala-gejala penyakit mental dan gangguan mental serta cara untuk mengatasinya di peringkat awal.

Promosi yang dihadiri oleh penuntut-penuntut tingkatan empat dan lima itu telah disampaikan oleh Ketua Jabatan Psikiatri, Profesor Dr. Ramli Hassan yang antara lain menjelaskan bahawa salah satu punca tekanan di kalangan penuntut ialah peperiksaan.

Profesor Dr. Ramli seterusnya menjelaskan, kejayaan seseorang penuntut itu tidak bergantung sepenuhnya terhadap apa pun keputusan yang diperolehnya, tetapi sikap serta

peribadi yang dapat merubah sehingga membawa dirinya berjaya.

Tekanan atau stress terbahagi kepada dua iaitu tekanan positif antaranya menyeronokkan, bermoti-

vasi, bermakna dan penting untuk tahap kecergasan, manakala tekanan negatif adalah yang berkait rapat dengan sesuatu kesan yang buruk dan stress yang berpanjangan yang boleh

menjejaskan kesihatan fizikal dan mental.

Menurut Bahagian Perhubungan Awam, Kementerian Kesihatan, pameran dan taklimat ke sekolah-sekolah akan diadakan se-

kali dalam sebulan sehingga tahun 2004 yang mana sasaran seterusnya adalah untuk murid-murid sekolah rendah dengan format pameran yang berlainan.



KETUA Jabatan Psikiatri, Profesor Dr. Ramli Hassan menjelaskan kejayaan seseorang penuntut tidak bergantung sepenuhnya kepada apa pun keputusan yang diperolehnya kepada penuntut-penuntut Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna ketika memberi penerangan mengenai kesihatan mental anjuran Jabatan Kesihatan dan Jabatan Psikiatri, Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Ramli HT.

TAFSIRAN TITAH PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanall Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 1 Januari 1984: "... Negara Brunei Darussalam adalah dan dengan izin serta limpah kuria Allah Subhanahu Wataala akan untuk selama-lamanya kekal menjadi sebuah Negara Melayu Islam Beraja yang merdeka, berdaulat dan demokratik bersendikan kepada ajaran-ajaran Agama Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dan dengan berasaskan keadilan dan amanah dan kebebasan dan dengan petunjuk serta keredaan Allah Subhanahu Wataala jua akan sentiasa berusaha pada memperolehi ketenteraman dan keselamatan, kebajikan serta kebahagiaan bagi rakyat Beta." ¹ Daripada petikan titah ini dapat ditafsirkan antara lain seperti berikut:

1. Negara Brunei Darussalam yang dihasratkan dengan izin Allah selama-lamanya kekal menjadi negara Melayu Islam Beraja itu hendaklah diusahakan kesempurnaan, dipelihara kemakmurannya, dijaga keselamatan dan ketenteramannya dan dikaji sesuatu sebab yang boleh menjadikan kemajuan atau kemundurannya supaya dapat diketahui dan difahami bagaimana hendak membangunkannya, serta dapat dijadikan sukut-sukat untuk menyelesaikan sesuatu masalah yang boleh mengganggu keselamatan kemerdekaan itu.

2. Lazimnya negara yang merdeka itu bukan terus-menerus kekal melainkan tertakluk kepada keadaan persaingan yang dihadapinya, maka dengan sebab itulah usaha untuk memelihara negara itu diperlukan bagi mengatasi masalah yang ditempuh supaya kemerdekaan itu selamat dan sesuatu perancangan yang akan dijalankan tidak terganggu; tetapi jika dibiarkan sahaja tanpa diusahakan pemeliharannya, besar kemungkinan bukan saja kemerdekaan itu akan menurun tetapi boleh jadi akan hilang langsung.

3. Perlu difahamkan juga bahawa tabiat manusia hidup di dunia ini sentiasa hendak mementingkan dirinya sendiri, keluarganya sendiri, bangsanya sendiri dan negaranya sendiri manakala orang lain dan negara lain seberapa boleh akan dikalahkan supaya diri sendiri lebih berkuasa maka oleh yang demikian inilah bagi Negara Brunei dan rakyatnya perlu sedar dan insaf, tidak boleh berdaya diri atau hanya menikmati kekayaan yang telah didapati daripada penghasilan minyak dan gas sahaja melainkan berusaha terus untuk memelihara kemerdekaan itu.

4. Usaha yang dimaksudkan bukan hanya mengukuhkan kedudukan kestabilan kewangan yang diharapkan menjadi pembiayaan bangsa dan negara serta melengkapkan rakyat Brunei dengan

Oleh
**Yang Dimulikan Pehin Jawatan
Dalam Seri Maharaja Dato Seri Utama
Dr. Haji Awang Mohd. Jamil Al-Sufri
bin Begawan Pehin Udana Khatib
Dato Seri Paduka Haji Awang Umar,
Pengetua Pusat Sejarah**

ilmu pengetahuan termasuk teknologi yang canggih tetapi juga perlu berusaha untuk mengelakkan tindak-tanduk bangsa dan negara lain terhadap Negara Brunei Darussalam supaya terlindung daripada bahaya yang akan mengogot dan usaha yang akan dijalankan itu termasuk berbaik-baik dengan negara-negara jiran dan negara lain supaya Negara Brunei Darussalam selamat.

5. Demokrasi yang bersendikan ajaran Islam menurut Ahli Sunnah Wal-Jamaah dalam titah itu bermaksud bahawa sesuatu dasar demokrasi yang hendak diikuti dalam menjalankan sesuatu perkara perlu diujuk kepada hukum Islam terlebih dahulu supaya maksud itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Sebagai misalnya jika menurut dasar demokrasi, sesuatu dasar yang hendak dijalankan perlu dibawa ke dalam permesyuaratan untuk dibahaskan sama ada bersesuaian perkara yang hendak dijalankan itu dengan maksud demokrasi yang berasaskan konsep 'By the people, for the people, to the people' atau sebaliknya.

6. Sesuatu perkara yang telah diputuskan dalam permesyuaratan itu memang bersesuaian dengan hukum Islam kerana bermesyuarat itu adalah suatu perkara yang dikehendaki oleh ajaran Islam seperti yang tersebut dalam Al-Quran Surah Ali-Imran, ayat 159 tafsiran: ²

KESELURUHAN titah itu bermaksud bahawa segala apa-apa jua yang hendak dijalankan perlulah menuju kepada maksud pencapaian dasar yang akan menjadikan Negara Brunei Darussalam ini negara Melayu Islam Beraja sejati dan keseluruhan rakyatnya hendaklah bersungguh-sungguh berusaha untuk menayakan maksud titah itu untuk mendapatkan nikmat penghasilan daripada kemerdekaan itu.

Undang-Undang Taraf Kebangsaan 1961 ³ terutama Menteri-menteri, Setiausaha Tetap, Ketua Jabatan, keseluruhan pegawai-pegawai kerajaan, pihak swasta dan orang ramai mengikut kedudukan dan pekerjaan masing-masing.

2. Untuk mencapai kesempurnaan maksud titah yang disebutkan pihak yang dipertanggungjawabkan perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan seluas-luasnya mengikut kemampuan masing-masing seberapa yang terdapat terutama yang bersangkutan dengan sesuatu kerja yang akan dipertanggungjawabkan kepadanya atau perusahaan yang akan dijalankannya dan ilmu pengetahuan itu perlu disertai dengan semangat kebangsaan mengikut calak Brunei yang berteraskan keislaman serta mempunyai kemahiran bekerja dengan gigih dan jujur sehingga tercapai hasrat yang dimaksudkan oleh titah yang disebutkan dan dapat menyelesaikan masalah-masalah yang ditempuh.

3. Dalam melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh sesuatu pekerjaan dan perusahaan itu rakyat Brunei diberi peluang untuk mendapatkan nikmat penghasilan daripada kemerdekaan itu. Melaksanakan TITAH PEMASYHURAN KEMERDEKAAN

4. Untuk menguatkan fahaman terhadap maksud ini boleh diujuk kepada sabda Al-Marhum Paduka Seri Begawan

Melayu Islam Beraja

Siri Pertama

Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien seperti berikut: "Bukanlah Beta hendak bertitah terhadap keadaan negara kita yang sudah ramai mempunyai orang Brunei yang pandai-pandai kerana kepandaian mereka itu telah dibuktikan oleh tulisan dalam Sijil atau Ijazah mereka tetapi kepandaian itu tidak memadai tanpa kebijaksanaan dan kejujuran lebih-lebih lagi kalau hasil daripada usaha yang telah dijalankan oleh seseorang itu belum nampak, kerana sesuatu penilaian terhadap kebolehan atau kecekapan yang dikehendaki bagi seseorang yang berkelulusan itu bukan sahaja dikira daripada bilangan ramai tubuhnya atau bilangan banyak kepingan-kepingan Sijil atau Ijazahnya, tetapi yang lebih penting berapa banyak sudah jua-jua yang telah dihasilkannya yang mendatangkan faedah kepada bangsa dan negara. Sebab itu kata orang tua-tua ilmu sedikit yang diamal-kan itu lebih berfaedah daripada ilmu yang banyak yang hanya diambau-ambaukan, apatah lagi kalau ilmu itu semata untuk kepentingan diri sendiri tanpa disertai dengan kejujuran yang semata-mata kerana Allah sudah tentu ilmu yang sedemikian tidak mendatangkan manfaat kepada bangsa dan negara. Allah tidak mungkir kepada janji-Nya melainkan hamba-Nya juga yang menukar nasibnya."

5. Berilmu pengetahuan yang disebutkan sahaja tidak mencukupi, melainkan penempatan orang yang akan ditugaskan menjalankan sesuatu pekerjaan itu disesuaikan ilmu pengetahuannya supaya ilmu pengetahuannya itu dapat dimanfaatkan dan penghasilan yang dihasratkan dapat dicapai lebih sempurna seperti yang telah disabdakan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, ma'humnya: "Jika

sesuatu pekerjaan ditugaskan kepada yang bukan ahlinya maka tunggulah kebinasaannya."

6. Oleh kerana lapan pekerjaan yang hendak dijalankan itu berbagai-bagai maka bidang pekerjaan yang hendak dilaksanakan itu perlu ditentukan banyaknya serta ditentukan juga jumlah rakyat Brunei yang hendak diartur untuk melaksanakannya dan apa keperluan pengetahuan yang dikehendaki oleh sesuatu pekerjaan atau perusahaan itu yang bersesuaian dengannya dapat disempurnakan.

7. Penyusunan pekerjaan untuk mencapai maksud ini memerlukan pemimpin yang bijak dan mahir dalam pengurusan untuk menentukan banyak orang yang diperlukan oleh tiap-tiap jenis bidang pekerjaan itu untuk disesuaikan dengan perancangan yang dimaksudkan dan ilmu pengetahuan yang dikehendaki oleh tiap-tiap orang yang ditugaskan menjalankan pekerjaan itu mengikut jenis perancangan yang akan dijalankan supaya usaha yang diadakan itu dapat dipenuhi oleh semua rakyat Brunei.

8. Untuk menjimatkan perbelanjaan dan meningkatkan mutu pentadbiran, seberapa boleh jumlah pegawai kerajaan dihadkan bilanganannya kepada had minima yang dikehendaki menurut keperluan secara terperinci, tetapi mengutamakan kebijaksanaan dan kebolehan melaksanakan sesuatu tugas dengan efisien supaya mutu pentadbiran dapat ditinggikan ke tahap yang sesuai dengan maksud melayakkan pegawai itu dengan taraf pengetahuan yang dikehendaki kepadanya. Dengan ini juga dapat meningkatkan taraf hidup pegawai yang berkenaan sesuai dengan kedudukan sebagai pegawai kerajaan.

9. Tidak dapat dinafikan bahawa penyerahan kepimpinan kepada rakyat Brunei yang belum berpengalaman dan baru sahaja hendak menghadapi persaingan di arena antarabangsa memang sukar

untuk dilaksanakan kerana rakyat Brunei belum terdedah kepada masalah tersebut tetapi kesukaran dan masalah yang menyebabkan kegagalan inilah yang menjadi tanggungjawab kepada Kementerian dan jabatan berkenaan.

10. Sesuatu kegagalan yang menimpa bukanlah disifatkan ketetapan muk-tamad atau diambil kesimpulan bahawa rakyat Brunei memang tidak boleh langsung membuat sesuatu usaha yang seperti itu, mereka hendaklah diberi pimpinan untuk menyelesaikan bagi masalah mereka, selagi pengusaha-pengusaha rakyat Brunei itu belum dapat menyaingi pengusaha lain, pimpinan terhadap mereka perlu diteruskan sehingga tercapai perkara yang dihasratkan.

11. Pemedulian terhadap rakyat Brunei dan perancangan kemajuan terhadap mereka yang selalu dititahkan adalah satu daripada tugas pemimpin yang perlu disempurnakan dan menjadi tanggungjawab untuk mencari jalan penyelesaiannya sehingga hasrat yang dimaksudkan tercapai kejayaannya. Sebagai misal yang tidak tahu diberitahu, yang kurang ilmu disuruh belajar, yang melanggar peraturan dibetulkan, yang malas disuruh rajin dan yang tidak bermotif diusahakan cara mendapat modal.

12. Untuk menyempurnakan maksud hendak menjadikan negara Melayu Islam Beraja yang dihasratkan, rakyat Brunei yang dihasratkan menjalankan sesuatu urusan kerja itu perlu digalakkan mempelajari ajaran Islam terutama yang bersangkutan dengan kerja yang dijalankannya itu supaya perjalanan pekerjaan yang dibuatnya itu sesuai dengan maksud ajaran Islam. Peribadi Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dapat dijadikan sebagai contoh seperti yang tersebut dalam Al-Quran Surah Al-Ahzab ayat 21 iaitu: "Sesungguhnya telah ada pada diri Rasulullah itu contoh teladan yang baik bagi kamu."

BERSAMBUNG

¹ Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei Darussalam, *Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-19*, Bandar Seri Begawan, 2003 h.11.

² Kata 'demokrasi' atau *democracy* berasal dari bahasa Greek iaitu *demos* yang bermaksud *people* atau 'rakyat' dan *kratos* yang bermaksud *rule* atau 'perintah' atau 'pemerintahan' (lihat: University of Chicago, *The New Encyclopedia Britannica*, Vol. 4, Chicago, 1974, h.5). Ini bermakna konsep 'demokrasi' itu mempunyai perkaitan dengan 'pemerintahan oleh rakyat, untuk rakyat dan kepada rakyat'.

³ *Arkitek Brunei Modern*: Bandar Seri Begawan, 1989 (tidak kuli).

Pastikan ubat-ubatan sentiasa mencukupi

BERAKAS, 12 Jun. - Para pembekal ubat-ubatan terdiri sektor swasta, Stor Perubatan Negara dan dispensari untuk menyimpan dua bulan ex-stok ubat-ubatan di stor masing-masing.

Langkah ini dikehendaki oleh Kementerian Kesihatan agar bekalan ubat-ubatan sentiasa mencukupi bagi mengatasi masalah kekurangan dan ketiadaan stok ubat-ubatan.

Perkara itu ditekankan oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Azahari bin Haji Ahmad di Majlis Perasmian Kursus Latihan Amalan Penyimpanan Baik bagi penyelenggara-penyelenggara stor perubatan kerajaan dan sektor swasta yang berlangsung di Kementerian Kesihatan.

Bagaimanapun tam-

Oleh
Haji Ahmad HS

bahnya, perkara ini akan diteliti dari masa ke masa, jika memerlukan perubahan dan bergantung kepada keadaan dan keperluan.

Dalam hubungan itu, ujar beliau, stor-stor perubatan mestilah komited untuk membuat perubahan yang positif bagi meningkatkan perkhidmatan mereka dalam pembekalan ubat-ubatan di negara ini termasuk memberikan kemudahan-kemudahan yang mencukupi yang diperlukan bagi memastikan penyimpanan ubat-ubatan yang baik dan teratur.

Pengarah Perkhidmatan Farmasi, Dayang Aminah binti Haji Md. Jafar, dalam kata alu-aluannya antara lain menyen-

tuh, pembekalan ubat-ubatan yang selamat, berkualiti dan berkesan kepada pesakit sangat dititikberatkan selaras dengan matlamat jabatan.

Ke arah itu, ujar beliau jabatan telah dan akan sentiasa berusaha untuk memastikan matlamat ini tercapai, antaranya dengan mengadakan kursus latihan kepada tenaga kerja yang berkaitan.

Seramai 42 orang peserta mengikuti kursus itu. 18 orang daripadanya adalah dari stor perubatan kerajaan, selebihnya dari sektor swasta yang merupakan pembekal-pembekal ubat kepada Kementerian Kesihatan.

Kursus yang berlangsung selama tiga hari bermula hari ini diketuai oleh seramai 11 orang pelatih yang terdiri Pegawai Ahli Kimia Ubat



STOR-STOR perubatan mestilah komited untuk membuat perubahan yang positif ke arah meningkatkan perkhidmatan selaku pembekal ubat-ubatan, saran Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Haji Azahari. - Gambar oleh Masri Osman.

dan Pegawai Saintifik. Kursus dijalankan melalui format sesi ceramah dan juga bengkel.

Kandungan kursus berkait rapat dengan tajuk kursus dan berdasarkan garis pandu amalan penyimpanan baik dari Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Tujuan utama kursus ialah untuk memberikan kesedaran dan meningkatkan pengetahuan penyelenggara-penyelenggara stor mengenai kepentingan amalan penyimpanan baik ubat-ubatan dan bagi memperbaiki pengurusan penyimpanan ubat-ubatan serta meningkatkan taraf stor-stor ubat di negara ini.



SEBAHAGIAN pegawai dan peserta yang hadir di Majlis Perasmian Kursus Latihan Amalan Penyimpanan Baik bagi penyelenggara-penyelenggara stor perubatan anjuran Jabatan Perkhidmatan Farmasi, Kementerian Kesihatan. - Gambar oleh Masri Osman.

Mesyuarat Suruhanjaya Bersama Brunei - UK

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Jun. - Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Pekerma Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Abdul Kani, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan (Kewangan dan Pembangunan), berlepas ke London, United Kingdom pada 14 Jun 2003 bagi mengetuai delegasi Negara Brunei Darussalam menghadiri Mesyuarat Ke-2 Suruhanjaya Bersama Pertahanan di antara Negara Brunei Darussalam dan United Kingdom, selaku tuan rumah mesyuarat tersebut.

Manakala mesyuarat kali pertama sebelum ini

telah diadakan di Bandar Seri Begawan pada 21 Januari 2003 yang lalu.

Mesyuarat tersebut diadakan mulai 17 Jun selama dua hari. Di antara perkara-perkara yang dibincangkan di sesi permesyuaratan itu ialah perbincangan-perbincangan lanjut ke atas hal-ehwal kursus dan latihan, peningkatan hubungan kerjasama di dalam bidang pertahanan khususnya di antara kedua-dua angkatan bersenjata dan juga perbincangan-perbincangan am terhadap isu-isu politik, keselamatan dan keamanan.

Rombongan Brunei terdiri daripada Pengarah-

pengarah Awam dan Tentera, pegawai-pegawai kanan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Penasihat Pertahanan Negara Brunei Darussalam di United Kingdom serta pegawai kanan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Siri mesyuarat ini adalah berikutan penandatanganan oleh kedua-dua buah negara dalam Memorandum Persefahaman Di Antara Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Kerajaan United Kingdom di Bandar Seri Begawan pada 31 Disember 2002.

ORANG RAMAI DIALU-ALUKAN MENYEWAKAN KENDERAAN

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Jun. - Bagi sama-sama menjayakan Mesyuarat Menteri-menteri Kewangan Negara-negara Komanwel (CFMM) Ke-3 yang akan diadakan di Bandar Seri Begawan pada 16-18 September 2003, orang ramai sekali lagi dialu-alukan untuk menyewakan kenderaan-kenderaan mereka kepada Jawatankuasa Kerja Kenderaan selama lebih kurang 5 hari tertakluk kepada keperluan.

Kira-kira 157 buah kereta dan juga bas berbagai jenis diperlukan. Kereta-kere- ta berkenaan adalah seperti berikut :-

BI L.	KEPERLUAN	JUMLAH KEPERLUAN	HARI	SEWA SEHARI
1.	Kereta Protokol (Saloon 2000 c.c.)	54	5	B\$200.00
2.	Kereta untuk Commonwealth Secretariat (Saloon 2000 c.c. ke bawah)	2	6	B\$150.00
3.	Pemacu 4 Roda (4 x 4)	34	8	B\$250.00
4.	Saloon 3000 c.c. (Close In Escort)	59	6	B\$250.00
5.	Van SOS (Ford Transt) 11 Seaters	4	6	B\$150.00
6.	Saloon Rondaan (2000 c.c. ke bawah)	4	6	B\$150.00
	JUMLAH	157 buah		

Untuk makluman, borang permohonan bagi penyewaan kenderaan tersebut bolehlah diambil dari Urusetia di Tingkat 1, Ibu Pejabat, Jabatan Pengangkutan Darat, Kementerian Perhubungan, Negara Brunei Darussalam. Sebarang pertanyaan dan keterangan lanjut mengenai perkara tersebut bolehlah berhubung terus melalui telefon 2-451979 sambungan 111/112/108 Talian Terus : 2-455050 No. Faks : 2454362.

Tujuh buah keluarga terima bantuan

Oleh
Siti Aishah HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 16 Jun. - Sebanyak tujuh buah keluarga yang terdiri daripada 40 orang terlibat dan kebakaran, menerima sumbangan kewangan sejumlah B\$9,600.00 keseluruhannya melalui Skim Bantuan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB).

Majlis penyampaian sumbangan tersebut disempurnakan oleh Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd.

Salleh bin Haji Hidup berlangsung di Ibu Pejabat Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Jalan Kumbang Pasang di sini.

Antara keluarga yang terlibat ialah Awang Azman bin Abd. Latif dari Kampong Jabang, Seria; Dayang Rauyah binti Mohd. Yassin dari Kampong Kuala Lurah; Awang Hamdan bin Embran, Awang Mohd. Amirul bin Abdullah dan Dayang Rokiah binti Abdullah, masing-masing dari Kampong Semabat, Daerah Temburong.

Manakala tiga buah keluarga dari Kampong Pengkalang Tangsi, Tutong iaitu Awang Jaib bin Alak, Awang Shahrin bin Senang dan Dayang Siti Fauziah binti Jaib juga menerima sumbangan yang sama.

Penubuhan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah antara lain bertujuan menghulurkan bantuan kebajikan dengan mengadakan skim bantuan kepada mangsa bencana alam seperti kebakaran dan sebagainya.

Turut hadir di majlis itu, Pengarah Urusan YSHHB, Pengarah Eksekutif, Penolong Pengarah Urusan, wakil Pegawai Daerah Brunei dan Muara, wakil Pegawai Daerah Temburong, wakil Pegawai Daerah Tutong, wakil Pegawai Daerah Belait, Pengarah Perkhidmatan Bomba dan pegawai-pegawai kanan kerajaan dan ketua-ketua kampung berkenaan.



AHLI Lembaga Pengarah YSHHB, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup menyampaikan sumbangan kepada seorang ketua keluarga mangsa kebakaran yang berlangsung di Ibu Pejabat YSHHB, Jalan Kumbang Pasang (atas dan kiri). - Gambar oleh Halim HS.

ARENA SUKAN

ATLET NEGARA JALANI LATIHAN

Oleh Haji Ahat HI

PARA atlet yang dicalonkan untuk mewakili kontinjen negara ke Temasya Sukan Negara-negara Asia Tenggara (SEA Games XXII) di Viet Nam akhir tahun ini telah menjalani latihan secara berterusan serta perlawanan 'warm up' di luar negeri sebagai penilaian ke atas kemampuan mereka.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol yang juga selaku Urusetia Kontinjen Negara ke Temasya Sukan dwitahunan itu ketika menyatakan perkara itu dalam penerangan ringkas di Majlis Perjumpaan bersama Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Persatuan-persatuan Sukan Kebangsaan serta Jurulatih-jurulatih menjen-



DUI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisura Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah, Presiden BONO berangkat mengadakan perjumpaan bersama persatuan-persatuan sukan kebangsaan dan jurulatih-jurulatih bagi persiapan negara ke Temasya Sukan SEA di Viet Nam. - Gambar oleh Ramli Tengah.

laskan, melalui latihan dan ujian-ujian itu jawatankuasa akan dapat menilai tahap pencapaian dan ke-

mampuan atlet-atlet yang disokong itu.

Skuad sepak takraw katanya akan menyertai Kejohanan Sepak Takraw King Cup Ke-18 di Thailand, pasukan lumba perahu akan menyertai Perlumbaan Perahu Naga Antarabangsa di Sabah, manakala pasukan tenis akan menyertai Piala Davis di Sri Lanka, manakala dua atlet catur pula kini berada di Hungry bagi menjalani latihan dan perlawanan selama tiga bulan.

Selain menyertai kejohanan-kejohanan di luar negeri sebagai 'warm up', peluang-peluang juga diberikan kepada atlet dan

pasukan bagi mengadakan latihan intensif di luar negeri untuk meningkatkan kemampuan dan kebolehan mereka di segi kecakapan, teknik dan taktik.

Untuk memastikan para atlet dan pasukan negara benar-benar mampu memberikan daya saing yang tinggi dan seterusnya mencapai kecemerlangan, Jabatan Belia dan Sukan melalui urusetia bercadang untuk mengadakan latihan-latihan intensif hujung minggu dan ini tertakluklah juga kepada peruntukan yang ada dan perundingan dengan pihak-pihak yang berkenaan untuk merealisasikan cadangan ini.

BERAKAS, 9 Jun. - Dua jaringan yang dihasilkan oleh Safuan bin Juhar dan Awangku Al Fahmi selang dua minit separuh masa kedua meletakkan Sekolah Menengah Perdana Wazir sebagai johan bola sepak bagi merebut piala sumbangan Duta Jepun ke negara ini.

Pada edisi Sukan SEA di Viet Nam ini sejumlah 14 acara yang terdiri dari biliar dan snuker, catur, karate-do, lumba perahu, menembak, olahraga, pencak silat, sepak takraw, tinju, badminton, bola sepak, kayak, basikal dan tenis telah disokong untuk menyertainya.

Bagaimanapun sokongan itu tertakluk kepada pencapaian prestasi terkini para atlet dan pasukan yang dibuat penilaiannya oleh Jawatankuasa Khas Penilaian dan Pemilihan Sukan, Atlet dan Pasukan Negara di peringkat serantau dan antarabangsa.



S.M. Perdana Wazir menangi Piala Duta Jepun

Oleh Abu Bakar HAR

dayakan dua pemain pertahanan musuh namun rembatannya terkena tiang gol. Sekalipun sentiasa dikorbankan oleh pemain pertahanan Enikati dalam meloloskan diri dari kawalan akhirnya meyakinkan dirinya sendiri apabila tendangan leretnya berjaya memecah kebuntuan bagi mencipta gol pertama pasukan mereka di tempat teratas ketika itu.

Dengan mengenal pasti kelemahan yang berlaku Sekolah Menengah Perdana Wazir dengan pantas telah melakukan dominasi beberapa pemain gantian sekali gus menukar rentak permainan di masa kedua yang menyokongkan pihak musuh membaca pergerakan terutama dalam membuat gerakan satu dua dan hantaran jauh.

Sekalipun mempunyai pemain yang baik namun kekurangan penjaga gol Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong apabila sering membuat ancaman dari pelbagai sudut terutama di separuh masa pertama. Penyerang berbadan kurus memakai jersi 5, Enikati anak Mambak dan pasangannya Azami Md. Ali merupakan pemain yang sering kali membayangi penjaga gol Sekolah Menengah Perdana Wazir apabila gerakan mereka sering mencemaskan kubu lawan.

Percubaan untuk menggarak pintu gol Sekolah Menengah Perdana Wazir hampir terlaksana apabila gerakan lincah Enikati yang menerima hantaran Azarol dari sebelah kiri berjaya memper-

dayakan dua pemain pertahanan musuh namun rembatannya terkena tiang gol.

Sekalipun sentiasa dikorbankan oleh pemain pertahanan Enikati dalam meloloskan diri dari kawalan akhirnya meyakinkan dirinya sendiri apabila tendangan leretnya berjaya memecah kebuntuan bagi mencipta gol pertama pasukan mereka di tempat teratas ketika itu.

Dengan mengenal pasti kelemahan yang berlaku Sekolah Menengah Perdana Wazir dengan pantas telah melakukan dominasi beberapa pemain gantian sekali gus menukar rentak permainan di masa kedua yang menyokongkan pihak musuh membaca pergerakan terutama dalam membuat gerakan satu dua dan hantaran jauh.

Sekalipun mempunyai pemain yang baik namun kekurangan penjaga gol Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, Tutong apabila sering membuat ancaman dari pelbagai sudut terutama di separuh masa pertama. Penyerang berbadan kurus memakai jersi 5, Enikati anak Mambak dan pasangannya Azami Md. Ali merupakan pemain yang sering kali membayangi penjaga gol Sekolah Menengah Perdana Wazir apabila gerakan mereka sering mencemaskan kubu lawan.

Percubaan untuk menggarak pintu gol Sekolah Menengah Perdana Wazir hampir terlaksana apabila gerakan lincah Enikati yang menerima hantaran Azarol dari sebelah kiri berjaya memper-

Peserta Brunei juara Pathfinderz Adventure

PATHFINDERZ Adventure Race 2 yang diadakan di Kampong Melagang Baru, Kota Kinabalu, Sabah menerima kejutan apabila pasukan Negara Brunei Darussalam yang diwakili oleh Chung Kwei Meng dan Ching Chiew Lie muncul menjuarai perlumbaan itu.

Mereka mengalahkan 12 pasukan yang lain dengan menerima wang tunai \$500.00 termasuk dua pasukan favourite dari Sabah dan Sarawak yang dijangka boleh muncul juara.

Keputusan yang mengejutkan itu di luar dugaan penganjur kerana salah membuat penilaian yang mengeneipkan kemampuan empat pasukan dari Negara Brunei Darussalam.

Chung dan Ching yang mewakili Pasukan Triple Star 09 mencatat jumlah masa 3 jam 47 minit 57 saat untuk muncul juara dalam perlumbaan yang dijalankan secara lapan peringkat yang dimulakan dengan berlari sejauh 10 kilometer, berbasikal 20 kilometer, berlari lagi 10 kilometer, berakit dengan

Oleh Abdullah Asgar

menggunakan boya selama satu jam dan berlari sebelum ke garis penamat.

Tiga pasukan ialah pasangan Steve Bosman dan Wong di tempat ke-9, pasangan Simon dan Jim tempat ke-10 dan pasangan Md. Sukaire dan Eric Lim di tempat ke-12.

Perlumbaan ini adalah kali kedua dianjurkan yang disertai oleh 13 buah pasukan yang menguji ketahanan fizikal dan mental kerana banyak menempuhi halangan seperti bukit curam dan air yang deras.

Kali pertama perlumbaan diadakan ialah pada bulan Februari lalu di Bandar Kudat di Sabah yang ketika itu pasukan Ching Chiew Lie dan Md. Sukaire Abdul Rahman hanya berjaya di tempat ke-6.

Pada bulan Ogos ini, siri perlumbaan ketiga akan diadakan yang juga akan melibatkan peserta dan pelumba dari negara ini.



SEBAHAGIAN daripada penuntut Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit yang menyertai jogaton di Persiaran Damuan. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Jogaton Sekolah Ugama Arab

Oleh Siti Aishah HS

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Jun. - Lebih 500 orang penuntut Sekolah Ugama Arab Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit menyertai acara jogaton yang bermula dari Persiaran Damuan menuju ke Sekolah Ugama Arab berkenaan di Jalan Batu Satu di sini.

Acara itu adalah salah satu aktiviti bagi meningkatkan kesedaran kepada semua lapisan masyarakat akan pentingnya menjaga kesihatan dan kebersihan tubuh badan di samping mengamalkan cara hidup yang sihat.

Acara tahunan tersebut antara lain bertujuan untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar berkenaan

supaya sentiasa mengisi masa lapang mereka terutama pada hari kelepasan sekolah dengan perkara-perkara yang berfaedah dan untuk mengeratkan silaturahim di antara pihak tenaga pengajar sekolah dengan para pelajar.

Antara yang terlibat di acara berkenaan ialah penuntut-penuntut perempuan menengah bawah dari tingkatan satu hingga tiga serta penuntut menengah atas tingkatan empat dan lima.

Manakala seramai tujuh penuntut lelaki Kelas Sains Tingkatan 4A dan lapan orang penuntut lelaki Kelas Sains Tingkatan 5A dari Ma'had Islam Brunei turut serta dalam acara tersebut.



JUARA ... Sekolah Menengah Perdana Wazir menjuarai kejohanan bola sepak merebut piala sumbangan Duta Jepun ke negara ini selepas menewaskan Sekolah Menengah Raja Isteri Pengiran Anak Saleha. - Gambar oleh Abu Bakar HAR.



DUA peserta Negara Brunei Darussalam yang memakai jersi nombor 9 menjuarai perlumbaan Pathfinderz Adventure di Sabah baru-baru ini.

ARENA SUKAN



PENGARAH Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah menerima tabik hormat dari kontinjen-kontinjen yang menyertai Kejohanan Olahraga Antara Institusi-institusi Jabatan Penjara Ke-3. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

KASPENA ANJUR BASIKAL GUNUNG

Oleh
Abdullah Asgar

BADAN Kebajikan, Sukan dan Ekonomi (KASPENA) Jabatan Penerbangan Awam (JPA) akan menganjurkan Perlumbaan Basikal Gunung Lebu Raya sedikit masa lagi sebagai usaha memajukan sukan basikal di negara ini.

Perkara itu dijelaskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Ekspedisi Berbasikal KASPENA, Awang Sutono bin Suaji kepada wakil PELITA BRUNEI ketika ditemu bual sebelum berlangsungnya ekspedisi berbasikal ke Muara yang diteruskan bagi mengisi Tabung Kemanusiaan Rakyat Iraq bermula dan berakhir di bangunan Unit Pemeliharaan JPA di Berakas pada 15 Jun lalu.

Awang Sutono berkata setelah kejayaan KASPENA menganjurkan dua kali ekspedisi berbasikal mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, KASPENA akan berusaha menganjurkan perlumbaan basikal gunung walaupun tidak menjanjikan hadiah yang lumayan.

"Usaha ini diambil kerana semakin ramainya peminat-peminat sukan berbasikal di negara ini terutamanya basikal gunung yang ketika ini tertantikan sebarang perlumbaan setelah berakhirnya Pesta Sukan Kebangsaan (PSK) yang lalu," jelasnya.

Katanya, walaupun bulan dan tarikh belum ditentukan tetapi menjamin yang perlumbaan itu pasti akan diadakan sebagai usaha KASPENA memajukan sukan basikal dan berkemungkinan akan disempenakan dengan sambutan hari-hari perayaan yang diraikan di negara ini.

"Sekarang sudah lebih 1,000 orang peminat-peminat basikal gunung di negara ini dan alangkah baiknya jika ada usaha memajukan dan mengembangkannya diambil," tambahnya.

Setiap kali acara ekspedisi berbasikal diadakan ia akan mendapat sambutan yang sangat menggalakkan, tambahan pula beberapa pihak swasta sanggup memberi tajaan sebagai galakan kepada mereka yang menyertainya.

Ekspedisi berbasikal kedua yang dianjurkan oleh KASPENA disertai oleh lebih 200 peserta yang mana



PENGERUSI Ekspedisi Berbasikal KASPENA, Awang Sutono bin Suaji.

peminat termuda baru berusia 12 tahun dan yang tertua melebihi usia bersara.

Perjalanan sejauh lebih 50 kilometer tidak sukar kerana hampir peserta menunggang basikal agak ringan yang banyak di pasaran ketika ini malah ada yang sanggup membeli 'group set' terbaru yang lebih ringan dari biasanya.

Malah ada yang sanggup mendatangkannya dari luar negeri semata-mata ingin meningkatkan kualiti dan harga yang agak murah.

Lebih 40 jenis cabutan tiket bertuah dimenangi oleh peserta yang antaranya barangan elektrik, peralatan basikal, tiket penerbangan dan alat ganti kenderaan salon yang disampaikan oleh Pengarah JPA, Awang Haji Kasim dan Pemangku Pengarah Kemajuan Perumahan, Awang Haji Mohd. Zin yang juga menyertai ekspedisi.



BERSEMANGAT ... Para peserta memulakan kayuhan berbasikal KASPENA sejauh 50 kilometer. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Kejohanan Olahraga Penjara

Oleh
Bolhassan HAB

BERAKAS, 6 Jun. - Sebanyak 22 acara termasuk acara 1,500 meter veteran lelaki serta jempitan 4 x 100 meter lelaki dan wanita dipertandingkan dalam Kejohanan Olahraga Antara Institusi-institusi Jabatan Penjara Ke-3 tahun ini.

Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dullah hadir selaku tetamu kehormat di perasmian kejohanan tiga hari diwakili oleh Rumah Al-Islah, Penjara Maraburong, Penjara Jerudong dan Ibu Pejabat selaku juara bertahan.

Kejohanan kelolaan Penjara Jerudong yang berlangsung di Stadium Negara Hassanah Bolkiah adalah untuk mencari muka-muka baru yang berpotensi, selain mereka yang memang berbakat untuk mewakili di Kejohanan Olahraga Antara Penjara-penjara ASEAN yang diadakan secara dwitahunan.

Menurut Penguasa Penjara, Awang Mohd. Sigie Al-Islam, manamana atlet yang terpilih di kejohanan tersebut akan diketengahkan dalam kejohanan-kejohanan lain sama ada di peringkat negara dan seterusnya di arena antarabangsa.

Di hari pertama kejohanan dilangsungkan menyaksikan sebanyak sembilan acara dipertandingkan, antaranya 5,000 meter, lempar cakera, lompat jauh dan buang peluru serta 3,000 meter lari berhalangan.

Sementara tujuh acara dipertandingkan di hari kedua kejohanan dilangsungkan termasuk lempar tukul besi, lontar lembing, lompat tinggi, lari 400 meter berpagar dan lari 1,500 meter lelaki veteran.

Lari 4 x 100 meter jempitan lelaki dan wanita, lompat kijang, lari 800 meter merupakan di antara acara yang dipertandingkan sebelum upacara penutupan rasmi Kejohanan Olahraga Antara Institusi-institusi Jabatan Penjara Ke-3 disempurnakan.



PARA peserta termasuk Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Hepnie yang menyertai walkaton Sekolah Nusa Jaya mengadakan acara bersenam sebelum memulakan perjalanan. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Walkaton Sekolah Nusa Jaya

Oleh Samle HJ

TUTONG, 8 Mei. - Lebih 100 peserta yang melibatkan keluarga dan murid-murid Sekolah Nusa Jaya menyertai walkaton yang bermula di Taman Rekreasi Sungai Basong hari ini.

Aktiviti sekolah itu bertujuan bagi menggalakkan murid-murid di sekolah berkenaan mengamalkan kegiatan yang sihat, di samping meningkatkan motivasi peserta melalui bersukan.

Penasihat yang juga Pengarah Urusan Sekolah

Pegawai Daerah Tutong, Awang Haji Hepnie bin OKPSD Abang Haji Abu Hanifah yang menjadi tetamu kehormat menyertai acara walkaton sejauh tiga kilometer.

Awal dari itu, murid Sekolah Nusa Laila Puteri membuat persembahan pan-caragam dan para peserta membuat regangan dengan bersenam sebelum memulakan acara.

Cawangan 'C' pertahankan kejuaraan

Oleh
Abdullah Asgar

POLIS Wanita Cawangan 'C' berjaya mempertahankan kejuaraan tahunan bola jaring antara cawangan Pasukan Polis Diraja Brunei 2003 apabila mengalahkan Pasukan Cawangan 'D' 16 - 15 dalam perlawanan akhir.

Pada pusingan pertama Cawangan 'C' meninggalkan Cawangan 'D' hanya perbezaan mata 13 - 11 tetapi setelah pusingan kedua bermula Cawangan 'D' pula menguasai perlawanan hingga kedudukan seri 13 sama, hinggalah mereka mendahului 15 - 14. Namun semangat juang yang tinggi diketuai oleh Dayang Hamisah Ali berjaya menyamakan kedudukan hinggalah mereka mendahului 16 - 15 sehingga wisel penamat dibunyikan.

Perlawanan akhir tersebut

berlangsung di Dewan Stadium Hassanah Bolkiah, Gadong yang dihadiri oleh Penguasa Kanan Hajah Sharifah Salmah binti Syed Hussein Alkaff selaku tetamu kehormat dan juga menyampaikan hadiah kepada juara, naib juara dan ketiga Pasukan Cawangan 'A'.

Kejohanan tersebut yang bermula awal bulan ini melibatkan semua Cawangan Polis Diraja Brunei Cawangan 'C' telah muncul juara sejak tahun 2001. Kejohanan Bola Jaring Wanita Polis Diraja Brunei bermula pada tahun 1989 yang dijuarai ketika itu oleh Cawangan 'D'.



PEMERINTAH ATDDB, Kolonel Haji Abdul Rahmani menyertai Walkaton KEMENTAH.

Walkaton anjuran KEMENTAH

Oleh
Siti Aishah HS

BERAKAS, 8 Jun. - Acara walkaton adalah salah satu aktiviti bagi memberi kesedaran kepada semua lapisan masyarakat akan pentingnya menjaga kesihatan dan kebersihan tubuh badan.

Schubungan itu, Kelas Mengaji Anak-anak Kementerian Pertahanan (KEMENTAH), Surau Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Berakas Garrison, mengadakan acara walkaton bertempat di Berakas Garrison di sini.

Acara kali kedua tersebut, dimulai dari Mini Stadium, Berakas Garrison dan diakhiri di Dewan Gerak Badan melalui pusing keliling dalam Berakas Garrison.

Pada tahun ini, dua buah syarikat iaitu Jasra Harissons Sendirian Berhad menyumbangkan minuman Milo dan kain sepanduk disumbangkan oleh Zulkader & Company, manakala Koperasi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Dengan Tanggungan Berhad (KOWIRA) memberikan sum-

bangian berbentuk makanan.

Acara walkaton itu diadakan bertujuan agar pelajar-pelajar Kelas Mengaji Surau ABDB, Berakas Garrison sentiasa dalam keadaan sihat dan cergas, di samping menjaga kebersihan tubuh badan, tempat belajar dan surau pada keseluruhannya.

Antara lain, ianya juga bertujuan untuk mengeratkan silaturahim pihak tenaga pengajar surau bersama pihak ibu bapa/pengajar pelajar-pelajar Kelas Mengaji serta memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar berkenaan supaya sentiasa mengisi masa lapang mereka terutama pada hari kelepasan sekolah dengan perkara-perkara yang berfaedah.

Hadir sama di acara tersebut, Pemerintah Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei, Kolonel Haji Abdul Rahmani bin Dato Paduka Haji Basir.



MENCUBA ... Pemain Cawangan 'C' (jerai cerah) melakukan percubaan dalam perlawanan akhir bola jaring antara cawangan Pasukan Polis. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

ARENA SUKAN

Persatuan Skate Brunei perlu sediakan garis pandu

SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal menyasarkan supaya Persatuan Skate Brunei menyediakan garis pandu serta peraturan yang akan dijadikan asas, ke arah meningkatkan bakat dan kemahiran sukan tersebut.

Oleh Hj. Ahat HI

Dengan adanya perancangan yang rapi dan teratur oleh persatuan, katanya, sukan skating akan menjadi sukan yang digemari ramai khususnya oleh para remaja.

belia dan akan dapat menghindarkan diri mereka daripada menceburi kegiatan-kegiatan yang merosakkan masa depan dan diri mereka sendiri.

"Sukan skating adalah sukan yang dikategorikan di bawah sukan yang membahayakan. Dari itu saya berharap agar Persatuan Skate Brunei akan sentiasa bersikap proaktif, dengan memberikan latihan-latihan profesional dan menyediakan garis pandu serta peraturan, yang dapat dijadikan asas dalam meningkatkan lagi bakat dan kemahiran peserta," katanya ketika merasmikan Kejohanan Skating Sukan Ekstrem Kebangsaan 2003 di Gelanggang Skating Stadium Negara Hassanah Bolkiah.

Beliau selanjutnya berikhtisab bersama Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam dan Zeta Ilios EMS disertai oleh lebih 60 orang peserta tempatan yang menyertai acara 'skate boarding' dan 'inline'.

Sukan Negara.

Walaupun bagaimanapun katanya, persatuan sukan, organisasi NGO dan swasta juga memainkan peranan dalam mengembangkan sukan di negara ini dengan membuat perancangan tertentu.

"Persatuan-persatuan Sukan di negara ini khususnya dan organisasi-organisasi bukan kerajaan (NGO) dan juga pihak-pihak swasta amnya, hendaklah juga memainkan peranan yang lebih proaktif dalam mengembangkan sukan di negara ini, iaitu dengan membuat perancangan-perancangan yang strategik, ke arah kecemerlangan sukan yang dapat meningkatkan sosioekonomi negara," jelasnya.

Sukan lasak kali pertama dianjurkan bersama Majlis AIDS Negara Brunei Darussalam dan Zeta Ilios EMS disertai oleh lebih 60 orang peserta tempatan yang menyertai acara 'skate boarding' dan 'inline'.

Menurut penganjur, kejohanan tiga hari itu bertujuan untuk mengembangkan sukan lasak ke peringkat yang lebih tinggi selain



SETIAUSAHA Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal merasmikan Sukan Ekstrem Kebangsaan 2003 di Gelanggang Skating Stadium Negara Hassanah Bolkiah, Seremban. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

mengalakkan peserta dan remaja untuk mengamalkan cara hidup yang sihat dan menjauhi diri dari gejala-gejala negatif.

Sejurus selepas perasmian, para peserta telah memperlihatkan persembahan

kecekapan mereka dalam mengendalikan papan dan kasut roda menyusuri beberapa bahagian gelanggang secara lompatan dari pelbagai arah.

Sukan lasak yang semakin popular di kalangan

para remaja sudah berkembang di negara ini beberapa tahun yang lalu dan beberapa orang peserta negara ini pernah menyertai kejohanan-kejohanan peringkat antarabangsa di Kuala Lumpur, Hong Kong dan Taiwan.



HEBAT ... Beginilah aksi seorang peserta yang menyertai Kejohanan Skating yang pertama di negara ini. - Gambar oleh Pg. Rafee PDPHM.

Temburong juara takraw Skim JBS

Oleh Hj. Ahat HI

PASUKAN Skim Sepak Takraw Remaja Daerah Temburong muncul juara Kejohanan Sepak Takraw Antara Skim-skim Jabatan Belia dan Sukan Bawah 20 Tahun selepas menumpaskan Skim Sepak Takraw Remaja Daerah Belait dalam perlawanan akhir di Dewan Kompleks Sukan Mengliat, Gadong.

Skim Daerah Temburong yang membariskan Hapizan, Fazal dan Norazlan bermain dengan cemerlang untuk menumpaskan regu Daerah Belait yang terdiri Roslani, Hanapi dan Abd. Razak straight set 21-16 dan 21-18.

Pada perlawanan set pertama regu Temburong mendahului sehingga 8-0 sebelum dikejar menjadi 10-8 kemudian bersaing hingga 18-13. Di kedudukan itu pula tekong Belait memanfaatkan sepak malanya dengan menambah tiga mata menjadi 18-16. Melihat kedudukan itu, regu Temburong berjaya mengiribangi ancaman sepak mula regu Belait dan

selanjutnya memperolehi mata demi mata untuk menamatkan perlawanan set pertama 21-16.

Selepas ketinggalan pada set pertama Belait cuba bangkit di awal permainan set kedua dengan mendahului 5-0, selepas itu Temburong pula mengejar melalui pemain apit kanan Hapizan, dengan rejaman kencang untuk menyamakan kedudukan 5-5.

Selanjutnya kedudukan permainan kembali pada penguasaan Temburong yang bermain lebih bersemangat dengan memperolehi mata demi mata dari sepakan pemain tekong Fazal untuk mendahului 12-7.

Meskipun ketinggalan, Belait berjaya mengejarnya hingga kedudukan mata 12-11 dan selepas itu pula Temburong mendahului 18-12. Sekali lagi pada kedudukan itu Belait berjaya mengejar kedudukan 18-18. Persaingan sengit bagaimanapun berjaya disudahi oleh Temburong dengan kedudukan mutakhir 21-18.

Terdahulu sebelum itu Daerah Brunei-Muara 'A' muncul juara bagi Skim



TIMBALAN Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Mohammad menyampaikan pingat kepada seorang peserta yang memenangi Skim Sepak Takraw JBS. - Gambar oleh Mohd. Zul-izni HO.

Bawah Umur 15 Tahun selepas menumpaskan Brunei Muara 'C' melalui pertarungan rubber set 21-19, 21-23 dan 15-6.

Regu Brunei Muara 'A' yang terdiri dari Kamalul Arifin, Khairul Latif dan Al-Hadi Arifin pada set pertama mendapat tentangan sengit sebelum memenangi perlawanan.

Selepas tewas tipis di set pertama regu Brunei Muara 'C' terus bersemangat memberikan tentangan sengit dengan kedudukan mata kedua-dua pasukan sering berkejaran sehingga ke kiraan 'dzuse'.

Pada kiraan 'dzuse' inilah regu Brunei-Muara 'C' yang terdiri Md. Kadir, Mas dan Abd. Moiz meng-

SKUAD NEGARA SINGKIR PERAK TKN

KEMENANGAN 3-0 ke atas Perak TKN di Stadium Ipoh, Perak, berjaya mengukuhkan lagi kedudukan Skuad Negara untuk terus bangkit memantap tangga seterusnya, dalam persaingan Liga Perdana Dua Malaysia.

Ketiga-tiga jaringan yang dilakukan oleh Mark William Tomas, Afendi Yati Tuah dan Zulremi Haji Zaini di separuh masa kedua itu memperlihatkan kecemerlangan skuad bimbingan Zainuddin Haji Kassim untuk terus bangkit memperbaiki kedudukan yang lebih baik lagi.

Pemain import Mark William Tomas merupakan pencetus terhadap kemenangan itu apabila sepakan penalti yang diberikan oleh pengadil perlawanan berjaya disudahinya dengan berkesan.

Pada minit-minit permainan hendak ditamatkan, Afendi Yati Tuah pula mengambil giliran bagi jaringan kedua selepas bola hantaran Mohd. Brian Iman berjaya dirembat masuk menewaskan penjaga gol Perak TKN, Azlan Mohd. Salleh.

Kemudian dalam masa kecederaan pula pemain gantian Zulremi Haji Zaini menambahkan penderitaan Perak TKN dengan jaringan gol ketiga hasil umpanan Mohd. Brian Iman dan beliau yang hanya berseorangan

Oleh Hj. Ahat HI

dekat pintu gol menolak bola masuk menewaskan Azlan Mohd. Salleh.

Terdahulu sebelum itu, pada permainan separuh masa pertama kedua-dua pasukan gagal menjaringkan sebarang gol, meskipun Skuad Negara menguasai sebahagian besar permainan dengan melancarkan banyak percubaan.

Barisan penyerang Mohd. Brian Iman, Ak. Md. Shahrom, Afendi Yati Tuah, Rosmin serta Abang Norsilmy gagal memanfaatkan beberapa kesem-

patan terhidang dekat pintu gol tuan rumah.

Namun begitu, pada permainan separuh masa kedua jurulatih Zainuddin Haji Kassim bijak merangka strategi yang kemudiannya membuahkan hasil kemenangan 3-0 ke atas Perak TKN.

Sebelum bertemu Perak TKN, Skuad Negara juga berjaya menumpaskan Selangor MPPJ 4-3 di Stadium Negara Hassanah Bolkiah. Empat jaringan itu masing-masing dilakukan oleh Haji Mohd. Subhi Abdullah, Irwan Mohammad, Mohd. Brian Iman dan satu jaringan sendiri oleh Yuszaiman Zahari.



TERSEKAT... Pemain Selangor MPPJ dihalang oleh Ak. Mohd. Shahrom semasa pertemuan di Stadium Negara Hassanah Bolkiah yang berkesudahan Brunei Darussalam menang 4 - 3. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Berazam kukuhkan perpaduan ASEAN

Dari muka I

Kerjasama politik dan keselamatan merupakan elemen penting dalam ASEAN. Para Menteri Luar dalam Kenyataan Bersama telah menyebutkan beberapa bidang yang menyangkut kedua-dua elemen tersebut yang diberi keutamaan. Antaranya ialah kerjasama politik, memerangi keganasan, menangani jenayah rentas sempadan, keamanan di Aceh (Indonesia), keselamatan di Laut China Selatan, Forum Serantau ASEAN dan Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama di Asia Tenggara dan di luar rantau berkenaan.

Di bidang kerjasama fungsional pula ditekankan di sini

meliputi bidang-bidang kesihatan, alam sekitar, penyalahgunaan dadah, sains dan teknologi, buruh, undang-undang, penerangan dan kebudayaan dan lain-lain lagi.

Menurut kenyataan itu juga ASEAN mempunyai hubungan luar dengan negara-negara jirannya di Asia dan rantau yang lain dalam suasana yang membanggakan. Ini terbukti dengan jalinan yang sudah dijana dalam ASEAN + 3, ARF, Rakan Dialog ASEAN dan lain-lain.

Kenyataan berkenaan juga mengambil kira isu-isu antara-bangsa dan serantau, antaranya ialah pergolakan di Semenanjung Korea, Perang Iraq, kemelut di Timur Tengah, ketegangan hubungan antara India dan Pakistan (Asia Selatan), Dialog

Kerjasama Asia, Bon Pasar Asian dan hubungan pelbagai hala.

Juga dinyatakan ialah perlantikan TYT Ong Keng Yong sebagai Setiausaha Agung ASEAN mulai 2002 - 2007 oleh pemimpin-pemimpin ASEAN.

Manakala Indonesia telah dipilih sebagai Pengerusi Jawatankuasa Tetap ASEAN Ke-37 dan Republik Demokratik Rakyat Lao sebagai Naib Pengerusinya.

Sidang Kemuncak ASEAN Ke-9 dan mesyuarat-mesyuarat yang berhubung dengannya juga turut ditentukan yang akan diadakan di Bali, Indonesia pada bulan Oktober 2003. Sementara AMM, ARF dan PMC juga akan diadakan di Indonesia pada tahun 2004.



YANG Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Pemangku Menteri Hal Ehwal Luar Negeri merakamkan gambar kenangan bersama Menteri-menteri Hal Ehwal Luar ASEAN dan Menteri-menteri Forum Serantau ASEAN (ARF) sejurus mengahiri ARF Ke-10. - Gambar oleh Hamadi HM.

Pengusaha perlu mengeksploitasikan

ASPEK KEPAKARAN, TEKNOLOGI, KAPITAL DAN PASARAN

Oleh Samle HJ

GADONG, 16 Jun. - Para pengusaha di negara ini perlu mengeksploitasikan aspek aspek kepakaran, teknologi, kapital serta pembukaan pasaran yang lebih luas yang dibawa bersama oleh arus proses globalisasi dan pasaran domestik yang terhad dan bagi menjamin perkembangan industri yang berdaya tahan dan saing dalam jangka panjang.

Sehubungan dengan itu, Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam juga telah mengambil langkah secara berperingkat-pering-

kat seralasan dengan tenaga yang ada ke arah menggiatkan dan mengembangkannya industri-industri di negara ini.

"Di antara langkah yang telah diusahakan ialah memperkenalkan Perintah Galakan Pelaburan 2001 dan memperuntukkan Skim Kemudahan Kejawangan," jelas Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman di Majlis Penyampaian Sijil Perintis, Sijil Perakuan Piawai Produk Tempatan dan Anugerah 'Good Design Award'.

Menurut Yang Berhormat sebanyak 13 jenis insentif pelaburan yang berbentuk pengecualian cukai telah dikhususkan untuk pelbagai peringkat pertumbuhan dan perkembangan perusahaan bagi sektor industri dan sektor perkhidmatan yang dikenali pasti.

Sementara itu, kerajaan juga telah memperuntukkan Skim Kemudahan Kewangan berjumlah \$107 juta dalam RKN Ke-8 untuk membantu modalan perusahaan industri kecil dan sederhana bagi projek-projek yang berdaya maju.

Yang Berhormat juga melahirkan rasa gembira dengan peningkatan industri tempatan terutama dalam sektor pembuatan bahan-bahan binaan dan sektor pemakanan sejak

beberapa tahun kebelakangan sekali gus memperluaskan perkembangan yang menggalakkan.

"Produk keluaran tempatan ini telah dapat bertapak dan sebahagian besarnya berjaya menguasai pasaran domestik dan senario itu menunjukkan satu petunjuk yang baik kepada industri-industri berkenaan yang mempunyai asas kukuh untuk melangkah lebih maju ke hadapan khususnya peluang-peluang eksport," ujar Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Melihat perkembangan dalam sektor industri pemakanan yang berpotensi untuk dimajukan kepada pasaran eksport, Yang Berhormat menjelaskan kerajaan telah mengambil langkah yang wajar dalam memudahkan lagi industri tersebut dengan melantik satu badan institusi dan piawai yang diiktiraf antarabangsa bagi menjalankan pengauditan piawai kepada lima buah syarikat yang terbit dalam industri pemakanan.

Sementara itu, sebagai langkah jangka panjang, kementerian berkenaan juga melantik pakar perunding untuk melaksanakan kajian keupayaan dari segi dasar, rangka perundangan, kemudahan dan infrastruktur dengan penubuhan satu Institusi Akreditasi dan Piawai Kebangsaan.

Dalam masa yang sama, Kementerian Perindustrian dan Sumber-

Sumber Utama juga sedang dalam peringkat perundingan untuk melaksanakan program Hazard Analysis Critical Control Point (HACCP) yang menjadi aspek penting dalam memastikan industri pemakanan negara mempunyai keupayaan dari aspek pengeluaran yang selamat dari segi kesihatan.

Menyentuh mengenai anugerah 'Good Design Award', Yang Berhormat menjelaskan pencapaian yang diperolehi oleh syarikat tempatan itu perlu dijadikan pembuka jalan bagi syarikat lain mengingkatkan hasil produk yang mempunyai nilai dan kualiti yang tinggi.

"Keupayaan ke arah mewujudkan pasaran dengan mencipta ruang pasaran secara individualistik dan kemampuan ke arah mentransformasikan perusahaan dari bentuk tradisi kepada jenis penghasilan produk-produk yang lebih kreatif akan dapat membuahkan kejayaan dalam menghadapi persaingan perdagangan yang serba kompetitif," tambah Yang Berhormat.

Sehubungan dengan itu, Yang Berhormat menyeru kerjasama yang erat di antara pihak kerajaan dan pihak swasta sangat diperlukan dalam sama-sama berganding bahu dan menanai bagi melaksanakan tanggungjawab masing-masing demi mengembangkannya dan memantapkan ekonomi negara.



PENERIMA anugerah 'Good Design Award', wakil Muhammad Mustaqim Enterprise, Dayang Hajah Norhayati binti Haji Hassan menerima anugerah dari Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama. - Gambar oleh Pg. Rafae PDPHM.

Tangani secara bersepadu hal-ehwal belia

Dari muka I

seperti yang tercatat dalam dasar tersebut harus memupuk usaha dan tenaga secara bersepadu bagi melaksanakan rancangan dan kegiatan yang lebih produktif.

Yang Berhormat berkata dunia masa kini yang penuh dengan cabaran dari dalam dan luar telah mempengaruhi cara berfikir, bertindak dan bekerja akan membawa kemungkinan kesan yang kurang sihat dalam masyarakat terutama masalah pengangguran dan isu-isu sosial yang lain.

"Saya berharap dalam membicarakan hal belia kita tidak seharusnya lupa kepada pencapaian dan kewibawaan belia-belia kita dalam banyak hal," jelas Yang Berhormat.

Setiausaha Tetap Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Awang Haji Jemat bin Haji Ampal dalam ucapan alu-

aluannya antara lain menggariskan tujuan persidangan yang julung-julung kalinya diadakan antaranya untuk membergikan Dasar Belia Negara yang telah diluluskan oleh kabinet dengan mendapat kurnia perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam seperti yang dititahkan pada 15 Julai 2002, di samping bertujuan untuk memberi peluang untuk membahas, mengupas dan mengemukakan pandangan-pandangan yang bernas, di samping membantu memecahkan persoalan-persoalan belia dalam membina imej serta membangun keupayaan belia di negara ini.

Persidangan empat hari dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Belia Brunei dan Majlis Wanita Brunei Darussalam itu membentangkan 10 kertas kerja serta diadakan sesi plenari perbincangan dan juga forum.



MENTERI Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Putera Maharaja Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar yang juga Pemangku Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan ketika merasmikan Persidangan Belia Kebangsaan anjuran Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan kerjasama Jabatan Belia dan Sukan, Majlis Belia Brunei dan Majlis Wanita Brunei Darussalam. - Gambar oleh Pg. Rafae PDPHM.

كلكن فرسكيتران يث برسياه دان صيحة KEKALKAN PERSEKITARAN YANG BERSIH DAN SIHAT

دتریتکن اوله جباتن قنراغن، جباتن فردان منتری دان دجیتق اوله جباتن فرجیتقن کراجان، نکارا برونی دارالسلام.

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Tanam, wujudkan sikap cintakan alam sekitar

ALAM sekitar yang bersih dan indah baik di sekitar rumah mahupun di tempat-tempat awam bukan sahaja menjadi kebanggaan kita bahkan juga akan menjadi daya penarik bagi pelancong-pelancong yang melawat Negara Brunei Darussalam. Sebaliknya alam sekitar yang tidak terjaga dan dikotori oleh pelbagai pencemaran akan menjejaskan nama baik dan imej negara. Akibatnya akan merugikan masyarakat dan negara.

Begitulah pentingnya alam sekitar dalam kehidupan seharian. Tersilap langkah akan membawa padah yang buruk dan memudaratkan. Untuk itu jangan kita anggap isu alam sekitar sesuatu yang 'nature' dan tidak membawa impak kepada pembangunan negara. Sebaliknya marilah kita tingkatkan pengawalan alam sekitar sebagai azimat yang amat berharga dalam mewujudkan persekitaran yang hijau dan nyaman.

Kita sudah maklum dan sering mendengar betapa semua tindak-tanduk harian kita meninggalkan kesan terhadap alam sekitar. Walaupun kesannya amat kecil, tetapi lambat-lama akan menjadi parah jika diteruskan tanpa had. Pembaziran penggunaan sumber seperti bahan api, pembaziran penggunaan kertas di pejabat, pembuangan sampah dan sisa-sisa industri merata-rata bukan sahaja menghabiskan sumber baru bahkan pada masa yang sama menambah masalah pencemaran.

Kesan-kesan negatif atas kehidupan kita yang timbul dari kegiatan-kegiatan

yang tidak terkawal dan tidak mengambil kira kesejahteraan alam sekitar sudah kita rasai akibat dan kesannya. Penimbunan tanah dan pemohtongan bukit-bukau yang tidak terurus menyebabkan sungai, parit dan longkang-longkang tersumbat yang mengakibatkan banjir kilat jika hujan turun berterusan.

Sejarah hitam yang melanda negara akibat fenomena jerebu 1997 dan 1998 dan banjir di seluruh negara akibat La Nina tahun 1999 patut kita jadikan iktibar. Akibat fenomena yang tidak disangka-sangka itu, kerajaan telah menanggung kerugian yang amat besar dalam menanganinya. Sungguhpun impaknya amat besar, namun orang-orang kita sudah lupa dan sengaja melupakan peristiwa pahit itu. Kegiatan-kegiatan menimbun-buk tanpa kebenaran pihak berwajib terus berleluasa yang akhirnya membawa kepada banjir kilat. Begitu juga membakar secara besar-besaran dan terbuka berterusan yang menjejaskan alam persekitaran.

Sebenarnya banyak perkara-perkara atau aktiviti-aktiviti yang kita lakukan setiap hari jika dilakukan secara berlebihan atau besar-besaran membawa kepada pencemaran atau kerosakan kepada alam sekitar. Antaranya termasuklah membuang sampah sarap di sana sini, menebang dan membakar hutan secara terbuka, memotong dan menimbun tanah tanpa mengira keperluan pengaliran air dan stabiliti lereng-lereng bukit yang selamat dan sempurna, membuang sisa-sisa industri seperti minyak,

OLEH FIRDAUS HJ

racun, bahan kimia dan toksik dan najis di sana sini, penggunaan bahan-bahan plastik, aluminium yang tidak mudah reput, penutupan anak-anak sungai dan pembuangan sampah dan sisa-sisa industri yang beracun ke dalam sungai dan di laut dan juga membakar bahan-bahan api atau 'fuel' yang berlebihan.

Oleh yang demikian pengawalan alam sekitar mustahak dijadikan tanggungjawab menyeluruh

terpelihara. Ini dengan secara langsung akan menjamin kualiti kesihatan rakyat dan penduduk negara seperti basrat yang terkandung dalam Dasar Kesihatan Kebangsaan.

Pihak peniaga dan pengusaha juga memainkan peranan yang penting dalam mewujudkan dan menjaga alam sekitar, kerana mereka perlu bersikap bertanggungjawab dan bukannya memikirkan soal-soal

SESUNGGUHNYA di pihak kerajaan, usaha-usaha untuk mewujudkan suasana persekitaran yang bersih lagi indah memang merupakan usaha yang berterusan dan menjadi agenda nasional yang penting. Ini adalah kerana keindahan dan kebersihan alam sekitar itu dapat menjamin kualiti kehidupan yang tinggi dan dapat dinikmati oleh seluruh lapisan anggota masyarakat warga Brunei.

dan berterusan dan bukannya bermusim. Semua kita berperanan penting baik secara individu dan berkumpulan. Kita perlu bertindak secara kolektif dan bersikap proaktif dalam mengawal persekitaran negara. Jangan sampai akibat kelalaian dan kecuai akan memudaratkan persekitaran yang hijau dan nyaman yang telah kita nikmati sekarang. Untuk itu kita perlu lebih ke hadapan melihat dan memastikan alam sekitar kita sentiasa

keuntungan semata-mata. Apa yang penting, agar mereka sentiasa menilai operasi dan kegiatan masing-masing dan memastikan kegiatan itu tidak menjejaskan mutu alam sekitar dengan melaksanakan langkah-langkah positif dan konstruktif. Selain itu semua perusahaan atau syarikat hendaklah sentiasa meneliti proses atau kegiatan yang boleh menjejaskan alam sekitar dan melaksanakan tindakan-tindakan yang bersesuaian untuk mengatasinya.



KERAJAAN menyediakan infrastruktur tempat pembuangan sampah di seluruh negara bagi kemudahan orang ramai untuk membuang sampah. Gunakanlah dengan sebaik-baiknya dan janganlah disalahgunakan.



JADILAH masyarakat yang bertanggungjawab ke arah mewujudkan persekitaran yang bersih dan nyaman. Janganlah membuang sampah sarap sesuka hati sehingga menjijikan mata memandang.

Tegasnya pembangunan yang kita laksanakan hendaklah seimbang tanpa menjejaskan mutu alam sekitar.

Sesungguhnya di pihak kerajaan, usaha-usaha untuk mewujudkan suasana persekitaran yang bersih lagi indah memang merupakan usaha yang berterusan dan menjadi agenda nasional yang penting. Ini adalah kerana keindahan dan kebersihan alam sekitar itu dapat menjamin kualiti kehidupan yang tinggi dan dapat dinikmati oleh seluruh lapisan anggota masyarakat warga Brunei. Namun demikian, tidaklah bermakna pula usaha-usaha pada mengekalkan keindahan alam sekitar dan menjaga kebersihan itu, hanya menjadi tugas dan tanggungjawab pihak-pihak tertentu sahaja dalam kerajaan.

Setiap kita bermula dari rumah, ibu bapa perlu menanamkan sikap cintakan alam sekitar kepada anak-anak, kerana mereka-

lah yang akan meneruskan proses membangun dan memajukan negara. Institusi pendidikan terutama para guru pula berperanan dalam mendidik murid-murid dan penuntut-penuntut menghargai alam sekitar. Institusi-institusi penghulu dan ketua-ketua kampung juga memainkan peranan yang penting dalam mengawasi dan memata-matai persekitaran yang bersih di kampung-kampung dan di kawasan-kawasan pedalaman.

Selain itu kerajaan, menerusi agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi sentiasa berperanan pada menggubal dasar dan strategi pengawalan alam sekitar, mempromosi dan menyelaras usaha dan kegiatan alam sekitar dan menguatkuasakan perundangan untuk menjamin kesejahteraan jangka panjang alam sekitar. Pihak kerajaan juga berperanan dalam menyediakan infrastruktur alam

sekitar seperti kawasan pelupusan sampah, loji penapis najis, tempat-tempat pembuangan sampah di seluruh negara dan sebagainya untuk dimanfaatkan oleh rakyat dan penduduk negara ini.

Dari sekarang, kita perlu berhati-hati dan meningkatkan kewaspadaan dalam pengawalan alam sekitar. Jangan kita anggap isu alam sekitar sesuatu yang remeh-temeh sehingga kita lupa dan alpa menangannya.

Bersikaplah lebih responsif dan proaktif dalam mewujudkan persekitaran yang indah dan menarik. Dengan cara itu, imej negara kita akan dipandang tinggi oleh masyarakat luar. Dalam waktu yang sama kita meneruskan 'sustainable' pembangunan dan kemajuan negara, sekali gus menjamin tahap dan kualiti kesihatan yang berterusan untuk rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

PENGENALAN

RENCANA ini ingin mengongsikan perbincangan mengenai *Syair Awang Semaun*, yang semakin menyerlah sebagai bahan kajian para pengkaji bidang, paling ketara untuk menjadikan bahan kajian tersendiri daripada pengkaji sejarah, sastera, filologi, antropologi dan linguistik.

Kepentingan *Syair Awang Semaun* telah dikatakan oleh sarjana luar, "... *la bukan sahaja berguna dari sudut sejarah, bahasa dan sastera, tetapi juga penting sebagai dokumen yang menggambarkan tamadun Brunei pada zaman lampau.*" (Hajah Siti Hawa 1989 : 34).

Sebagai satu lagi sumbangan dan respon untuk memantuni khazanah Brunei yang berharga, rencana ini cuba menilai *Syair Awang Semaun* dari sudut pendekatan tradisi lisan berfokus pada 'teks' *Syair Awang Semaun* bersesuaian dengan terdapatnya pembauran hasil tradisi lisan dalam pembentukan cerita dalam *Syair Awang Semaun*.

PENYIMPANAN NASKHAH SYAIR AWANG SEMAUN

Menurut kajian Allahyarham Haji Abdul Hamid bin Jaludin (1995/1996), terdapat sekurang-kurangnya sembilan buah naskhah *Syair Awang Semaun* dalam simpanan di beberapa buah institusi penting di Negara Brunei Darussalam, iaitu dua naskhah tersimpan di Arkib Negara (Jabatan Muzium-Muzium Brunei), enam naskhah tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka dan satu naskhah tersimpan di Pusat Sejarah.

Beliau percaya bahawa naskhah bernombor 56 merupakan naskhah yang lengkap tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Namun demikian, rencana ini tidak akan membincangkan persoalan ini tetapi lebih cenderung untuk memperihalkan kembali asumsi tarikh terciptanya, pengarang dan posisi genre *Syair Awang Semaun*.

TARIKH DAN PENGARANG

Mungkin hanya filologis yang 'layak' untuk memberikan asumsi mengenai ketepatan tarikh terkarangnya *Syair Awang Semaun* kerana bidang filologi ialah ilmu penyediaan suntingan naskhah lama (Sawu 1985 : 21), dipetik daripada Lutfi Abas 1999) dan filologis melakukan pemilihan salah satu versi naskhah lama yang dianggapnya paling dekat dengan naskhah pertama, perumian, penyuntingan, pemberian makna setiap kata lama di dalam naskhah itu. Naskhah itu boleh karya sastera lama atau bukan karya sastera (lama) (Lutfi Abas 1999).

Kajian filologi ini antaranya meliputi kilang kertas, jenis kertas, tahun, kertas dibuat, jenis watermark pada kertas,

jenis dakwat, tahun dakwat dibuat.

Walau bagaimanapun, hal ini tidak dapat dilakukan kerana sehingga kini, teks asal *Syair Awang Semaun* belum dijumpai oleh mana-mana pihak.

Tambahan pula, naskhah-naskhah yang tersimpan di institusi-institusi berkenaan tidak dinyatakan nama penulisnya dan tarikh penulisannya, cuma pada naskhah yang tersimpan di Pusat Sejarah menyebutkan *Syair Awang Semaun* dikarang pada 10 hari bulan Muharam, hari Selasa jam 9.00 malam (Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit 1997 : 2).

Keadaan demikian mewujudkan pelbagai andaian yang dibuat oleh para pengkaji mengenai tarikh terkarangnya *Syair Awang Semaun*.

Ada yang berpendapat *Syair Awang Semaun* terkarang semasa zaman kegemilangan Negeri Brunei kerana pada akhir abad ke-16 atau awal abad ke-17 itu terhasilnya juga *Hukum Kanun Brunei*.

"*Syair Awang Semaun* adalah salah satu syair lama Brunei yang mungkin terkarang sesudah K.M. XVII ..." (Muhd. Jamil Umar 1973 : 1).

Selain itu, terdapat juga yang memberi andaian bahawa *Syair Awang Semaun* terkarang pada abad ke-18 seperti menurut Profesor Teuku Iskandar bahawa ketika itu syair sudah popular sebagai genre kesusasteraan yang mengisahkan karya-karya yang tidak bersifat agama.

"... Kemudiannya dilanjutkan di Palembang pada abad ke-18. Di Palembanglah syair mempelajari zaman kegemilangannya. Syair bukan sahaja digunakan untuk mengarang tema-tema ugama dan peperangan, ia juga digunakan untuk

SYAIR AWANG SEMAUN : ANTARA NASKHAH, TEKS DAN GENRE

belles-lettres ... Dapatlah kita agak Syair Awang Semaun ini ditulis dalam zaman kegemilangan syair inilah, pada abad ke-18." (1994 : 4).

Satu andaian terkini yang dikemukakan oleh Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit dalam kertas kerjanya bertajuk 'Syair Awang Semaun Sebuah Karya Sastera Sejarah' yang berfokus kepada pengarang, tarikh, tujuan dan sumber yang digunakan dalam penulisan syair ini telah meletakkan *Syair Awang Semaun* terkarang pada awal abad ke-20, iaitu pada tahun 1920-an atau 1930-an.

Malahan andaian ini juga turut mengemukakan Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin sebagai pengarang syair tersebut.

Pendapat ini bersandarkan pada fakta sejarah

1997 : 16).

NASKHAH, PENYALIN DAN PENYALINAN

Jika *Syair Awang Semaun* ini dikategorikan sebagai karya Historiografi Tradisional Melayu atau Sastera Sejarah, di antara ciri-ciri umum yang digariskan oleh Profesor Teuku Iskandar (1992) adalah seperti berikut :

1. Asal usul raja-raja yang bersifat mitos;
2. Pembukaan negeri yang bersifat legenda;
3. Masuknya Islam;
4. Silsilah raja-raja hingga sampai ke zaman raja yang memerintah pada masa karya itu dikarang; dalam bahagian ini kadang kala dimasukkan legenda;
5. Riwayat mengenai raja yang memerintah; seorang yang menyalin

OLEH MBHJ

Yusop Haji Besar (1990/1991) untuk kajian latihan ilmiahnya ialah dari simpanan Pusat Sejarah yang diakhiri ceritanya dengan kedatangan Syarif Mufikah ke Brunei disambut oleh Awang Alak Betatar, yang menyuruh membina masjid serta membaiki hal-ehwal pentadbiran negara dengan jalan Allah.

Versi-versi ini bukan saja berbeza 'cerita' tetapi juga dalam jumlah panjang baitnya. Kesemua naskhah *Syair Awang Semaun* yang tersimpan di Negara Brunei dipersetujui 'tidak lengkap'.

"Saya percaya ada lagi sedikit bahagian cerita ini telah tertinggal dan koyak, yang tidak ditulis oleh penyalinnya." (Metassim Haji Jibah 1980 : 860).

Oleh itu dapatlah disimpulkan di antara sebab terdapatnya pelbagai versi adalah seperti berikut :

1. Belum dijumpai teks asal *Syair Awang Semaun* dalam apa jua bentuk;
2. Sikap penyalin yakni keautoritarian para penyalin menambah dan mengurangkan teks;
3. Rosak akibat kecuai-an penyimpan persendirian; dan
4. Rosak akibat proses alamiah yakni kualiti ketahanan kertas yang tidak dapat bertahan oleh cuaca, serangga dan sebagainya; begitu juga dengan jenis pena yang dipakai.

Faktor kedua pada bahagian di atas, berkemungkinan mengambil peranan penting dalam pembinaan *Syair Awang Semaun*. Keautoritarian mereka memudahkan untuk mengolah syair tersebut. Tambahan pula, tujuan pengarang *Syair Awang Semaun* adalah untuk hiburan dan pedoman.

"... Tetapi bertentangan dengan *Syair Awang Semaun*. Seperti dalam rangkap-rangkap di atas bahawa pengarang menulis syairnya timbul atas

usaha beliau untuk dijadikan penghibur bimbang gulana, ingatan dan pedoman." (Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit 1997 : 9-10).

Adalah menjadi tradisi Melayu dalam hal karang-mengarang bahawa pengarang-pengarang Melayu tidak mengutamakan pembubuhan nama mereka dalam hasil karya-karya mereka.

Inilah nilai budi yang tertanam pada mereka yang suka merendah diri dalam apa jua pun. Nilai sebegini memang amat sebatu dalam masyarakat Melayu.

Justeru, rata-rata hasil kesusasteraan tradisional Melayu khususnya sastera rakyat tidak dijumpai nama pengarang. Hal ini terbawa-bawa pada penghasilan karya dalam bentuk tulisan.

Ini bermakna *Syair Awang Semaun* tidak lari daripada tradisi konvensional ini. Apatah lagi terdapatnya unsur-unsur tradisi lisan dalam pengarang syair tersebut.

Oleh sebab kovensi inilah makanya *Syair Awang Semaun* tidak diketemukan nama pengarangnya termasuklah naskhah yang tersimpan di Pusat Sejarah yang hanya menyatakan syair itu ditulis oleh dagang. Ini tidak menjadi satu kehairanan dalam karya-karya lisan dan pembauran lisan/tulisan.

Dari hal ini adalah lebih berkemungkinan untuk dikatakan bahawa Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin merupakan salah seorang penyalin yang profilik dan bijaksana mengolah semula teks *Syair Awang Semaun* dengan pelbagai pengolahan sumber.

Terdapatnya nama-nama tempat dan negeri seperti Selangor, Pulau Pinang dan Pulau Labuan (Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit 1997 : 4) dalam *Syair Awang Semaun* boleh saja terjadi mengikut kehendak dan keperluan penyalin kemudian.

Memang tidak dinafikan pada sudut sejarahnya nama-nama tempat dan negeri ini wujud pada akhir abad ke-18 tetapi tidak dapat dijadikan sandaran secara total untuk menentukan tarikh terkarangnya *Syair Awang Semaun*.

Diperhatikan dari kronologinya, iaitu Kesultanan Selangor ditubuhkan pada 1742, Pulau Pinang menjadi sebuah pelabuhan pada tahun 1786 dan Pulau Labuan menjadi sebuah penempatan pada tahun 1847; memberi kemungkinan besar berlakunya proses salin-menyalin yang juga merentasi dua abad, iaitu ke-18 dan ke-19.

Begitu juga halnya dengan penggunaan diksi atau perbendaharaan kata dalam *Syair Awang Semaun* yang dipercayai perkataan seperti kata-kata baru 'kontrak-kontrak', 'cehat' (cat), 'kedai', 'wayang', 'joget' dan sebagainya (Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit 1997 : 4) tidak dapat dijadikan sandaran walaupun perkataan 'kontrak' dan 'penghulu' datang sehubungan dengan kehadiran pihak Inggeris di Brunei bermula semasa pemerintahan Sultan Muhammad Aliuddin menawarkan Pulau Labuan pada tahun 1775 (Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit 1997 : 4).

Oleh sebab cerita dalam *Syair Awang Semaun* ini bertitik tolak daripada tradisi lisan, sudah barang setentunya terpinggir daripada perhatian Hugh Low semasa beliau membuat penyelidikan di Brunei untuk mengetahui mengenai sejarah dan sistem pemerintahannya.

Dr. Haji Mohd. Yusop juga berpendapat bahawa terdapat nama tiga orang Sultan Brunei yang disebutkan dalam *Syair Awang Semaun*, iaitu Awang Alak Betatar, Sultan Bolikiah dan Sultan Jalilul Alam, akan tetapi tidak ada terdapat nama Sultan Jalilul



DOSA-DOSA MANUSIA PUNCA TERJADI BENCANA ALAM

lalaian, tidak hiraukan persediaan baginya."

Ketahuilah bahawa tanda-tanda Hari Kiamat itu amat banyak, antaranya ialah berlaku bencana alam yang amat mengerikan dan amat menakutkan kita seperti banjir besar, ribut taufan, gempa bumi dan sebagainya.

Sungguhpun ada pendapat bahawa kejadian bencana alam tersebut adalah sebagai satu fenomena alam, namun kita sebagai umat Islam wajib yakin bahawa fenomena tersebut adalah daripada kehendak Allah Subhanahu Wataala Yang Maha

bali kepada jalan Allah Subhanahu Wataala.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ar-Ruum ayat 41 yang tafsirnya:

"Telah timbul pelbagai kerosakan dan bala bencana di darat dan di laut dengan sebab apa yang telah dilakukan oleh tangan manusia: Timbulnya demikian kerana Allah hendak merasakan mereka sebahagian dari balasan perbuatan-perbuatan buruk yang mereka telah lakukan supaya mereka kembali insaf dan bertaubat."

Walaupun bermacam-macam bentuk bala dan azab telah diturunkan oleh Allah Subhanahu Wataala melalui kejadian-kejadian bencana alam, namun malangnya sebilangan kecil manusia masih lagi belum terjaga dan sedar dari kesilapan yang dilakukan, kemungkaran dan kemaksiatan semakin berleluasa seolah-olah hidup ini tidak akan berakhir dan Hari Kiamat tidak akan berlaku. Terdapat banyak hadis yang mengingatkan dengan dosa-dosa manusia yang menjadi punca terjadinya bencana alam di muka bumi ini, di antaranya ialah hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Imam Ibnu Majah yang bermaksud:

"Dari Abi Malik Al-Asyari dari Rasulullah

Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya akan terdapat segolongan manusia dari umatku yang meminum arak dan mereka menamakan-nya dengan nama-nama lain yang sifatnya tetap arak dan kepala mereka dipenuhi dengan alat-alat muzik (hiburan). Allah akan menimpakan tanah runtuh kepada mereka dan menjadikan sebahagian mereka rupa kera dan babi hutan."

Apa yang digambarkan oleh hadis tersebut adalah suatu kenyataan yang menjadi bukti iaitu apabila sebilangan umat Islam menjadi suka kepada minuman yang memabukkan dan gemar kepada hiburan-hiburan sama ada berbentuk pesta, konsert, nyanyian, muzik dan sebagainya. Dan sesungguhnya lanjutan dari perbuatan-perbuatan tersebut boleh berlarutan kepada yang lebih buruk iaitu apabila terjadinya pergaulan bebas yang boleh membawa kepada perbuatan zina, rogol, bergaduh hatta membunuh.

Sungguhpun bencana alam lebih merupakan bala kepada orang yang berbuat jahat dan kemungkaran tetapi ianya juga merupakan sebagai ujian serta peringatan kepada orang-orang yang beriman. Ini kerana manusia mudah alpa sekiranya tidak diuji dan diberi per-

ingatan. Maka dengan adanya azab, manusia akan insaf dan kembali kepada landasan ajaran agama Islam yang sebenar. Dan selaku umat Islam yang yakin dan percaya dengan adanya qadqad dan qadar sudah semestinya kita menerima kejadian bencana alam tersebut dengan sabar dan seterusnya dapat memantapkan lagi keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wataala.

Dari itu wahai kaum Muslimin, lengkapkanlah dan persiapkanlah diri kita dengan ibadat dan amalan yang telah dipertanggungjawabkan kepada kita oleh Allah Subhanahu Wataala. Semoga kita dapat menjalani kehidupan di dunia ini dengan penuh keimanan dan memperoleh kebahagiaan yang berkekalan di akhirat kelak.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Ankabut ayat 64 yang tafsirnya:

"Dan ingatlah bahawa kehidupan dunia ini meliputi segala kesenangan dan kemewahan jika dinilaikan dengan kehidupan akhirat tidak lain hanyalah ibarat hiburan dan permainan dan sesungguhnya Negeri Akhirat itu ialah kehidupan yang sebenar-benarnya. Kalau mereka mengetahui hakikat ini tentulah mereka tidak akan melupakan Hari Akhirat."

MARILAH kita tingkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan di akhirat.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Mu'min ayat 59 yang tafsirnya:

"Sesungguhnya Hari Kiamat itu tetap akan datang, tidak ada sebarang syak tentang kedatangannya akan tetapi kebanyakan manusia tidak beriman akan hakikat itu."

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala telah memberi peringatan kepada hamba-Nya tentang kedatangan Hari Kiamat yang waktunya kian hampir menemui kita. Hari Kiamat itu ialah hari kehancuran ke atas segala yang dijadikan oleh Allah Subhanahu Wataala. Di mana tatkala Malaikat Israfil meniup sangkakala lalu bumi pun akan bergoncang dengan dasyatnya dan akan terus hancur lebur sehingga tidak ada satu pun makhluk yang terselamat daripada kemusnahan tersebut.

Semua hamba Allah Subhanahu Wataala akan mati tidak kira yang di langit mahupun di bumi dan akan dihidupkan semula untuk dihimpunkan di Padang Mahsyar bagi ditimbang segala amal kebajikan dan keburukan yang telah dilakukan sepanjang hayat mereka di dunia ini. Bagi yang beriman dan bertakwa, yang segala amal ibadat dan kebajikan mereka diterima oleh Allah Subhanahu Wataala lalu di masukkan ke dalam Syur-

SUNGGUHPUN bencana alam lebih merupakan bala kepada orang yang berbuat jahat dan kemungkaran tetapi ianya juga merupakan sebagai ujian serta peringatan kepada orang-orang yang beriman. Ini kerana manusia mudah alpa sekiranya tidak diuji dan diberi peringatan maka dengan adanya azab, manusia akan insaf dan kembali kepada landasan ajaran agama Islam yang sebenar. Dan selaku umat Islam yang yakin dan percaya dengan adanya qadqad dan qadar sudah semestinya kita menerima kejadian bencana alam tersebut dengan sabar dan seterusnya dapat memantapkan lagi keimanan kita kepada Allah Subhanahu Wataala.

Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Anbiya' ayat 1 yang tafsirnya:

"Telah hampir datangnya kepada manusia hari perhitungan amalan, sedang mereka dalam ke-

Kuasa, khusus diturunkan kepada manusia sebagai iktibar dan pengajaran ke atas kesalahan-kesalahan yang telah dilakukan serta sebagai peringatan agar kita insaf dan kem-

وقت سمیع، امساک، شوروق دان ضحی

وقت ۲ سمیع، امساک، شوروق دان ضحی باکی دائره بروني دان مولاي دري هاري رايو، 25 ربيع الآخر، 1424 برسمان دغن 25 جون، 2003 هيفگ کهاري ثلاث، 1 جمادي الاول، 1424 برسمان دغن 1 جولي، 2003 احاله غفرت دباوه اين-

هجري	ظهر	عصر	مغرب	عشاء	امساک	صبح	سوروق	ضحی	مسيحي
ربيع الآخر									
25	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	جون 25
26	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	26
27	12.24	3.50	6.35	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	27
28	12.24	3.50	6.36	7.51	4.36	4.46	6.10	6.35	28
29	12.25	3.51	6.36	7.52	4.37	4.47	6.10	6.36	29
30	12.25	3.51	6.36	7.52	4.37	4.47	6.11	6.36	30
جمادي الاول									
1	12.25	3.51	6.36	7.52	4.37	4.47	6.11	6.36	جولي 1

وقت ۲ سمیع باکی دائره تونوغ دهمه ساتو مينيت دان دائره بلايت دهمه نيگ مينيت، سمیع فرض جمعة دسلورو نكارا بروني دارالسلام دمولاي دري فوکل 12.45 تفهاري.

MARAH : Kesan dan pengendaliannya

Bismillah, Walhamdulillah Wassalatu Wassalamu 'Ala Rasulillah, Wa'ala Aalihie Wasabbihie Waman Walah.

MARAH itu adalah satu perubahan sikap yang terhasil ketika mengelegakannya darah di dalam hati untuk menghasilkan kelegaan dalam dada. Demikian pendapat Al-Jurjani. Marah memberi erti juga, menghendaki kemudharatan kepada orang yang dimarahi. Maka lawan marah itu ialah redha.

HAKIKAT MARAH

Sesungguhnya Allah Subhanahu Wataala menciptakan sifat marah itu dari api dan menjadikannya sebagai salah satu tabiat bagi manusia. Apabila terhalang salah satu hajat atau maksud seseorang, nescaya menyala api kemarahannya yang menjadikan darah hatinya mendidih lalu mengalir kepada saraf dan mengelegak ke bahagian sebelah atas badannya sebagai mana mengelegakannya api dan sebagainya menggelegak air yang dipanaskan di dalam periuk. Lalu muka dan matanya menjadi merah, sementara di sebalik kulitnya membayangkan warna merah.

Sesungguhnya marah itu akan mengembang apabila seseorang memarahi orang di bawahnya dan merasa berkuasa terhadap orang itu. Jikalau marah itu timbul terhadap orang yang di atasnya dan dia berputus asa untuk membalas dendam, nescaya terjadilah kekecutan darah dari permukaan kulit sampai ke rongga hati dan dia menjadi gundah gulana.

Jikalau kemarahan itu terjadi terhadap orang yang sebanding atau setaraf dengannya, nescaya darah itu bertukar ganti di antara mengembang dan mengembang.

Adapun kekuatan marah itu tempatnya adalah di hati. Ertinya darah hati mengelegak untuk menuntut balas, dan kekuatan marah itu

digunakan untuk menolak apa yang menyakitkan hatinya sebelum marahnya terjadi dan untuk menyembuhkan dan menuntut balas sesudah marahnya terjadi. Menuntut balas adalah makanan kekuatan tersebut dan keinginan, kerana dengan menuntut balas akan terhalang kelegaan, dan dia tidak akan tenteram melainkan dengan menuntut balas atau membalas dendam.

Kemudian sesungguhnya manusia itu dalam kekuatan marah ini terbahagi pada tiga peringkat iaitu:

1. Tafrith (ketiadaan sifat marah).
2. Ifrath (sifat marah yang melampau).
3. I'tidal (pertengahan antara marah dan tidak marah).

Maksud tafrith ialah tidak adanya kekuatan marah itu pada seseorang atau kekuatan marah itu sangat lemah. Sifat seumpama ini adalah tercela iaitu orang itu dikatakan tidak mempunyai sifat cemburu pada diri. Imam Syafi'e berkata: "Orang yang diperbuat sesuatu ke atasnya supaya dia menjadi marah, lalu dia tidak marah, maka orang itu seperti keldai."

Allah Subhanahu Wataala telah menyifatkan para sahabat Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam dengan terkadang-kadang bersifat keras dan berperasaan cemburu atas diri, seperti firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Mereka itu bersikap keras terhadap orang-orang kafir." (Surah Al-Fath: 29).

Allah telah berfirman ke atas Nabi-Nya Sallallahu Alaihi Wasallam yang tafsirnya:

"Perangilah orang-orang kafir dan orang-

Bilangan 160 Bahagian Pertama

orang munafik itu, dan bersikap keras terhadap mereka." (Surah At-Tahrim: 9).

Yang dikatakan bersikap keras dan tegas itu adalah bersumber dari adanya tanda-tanda kekuatan cemburu dalam diri iaitu yang menyebabkan sifat marah.

Hasil sifat marah yang lemah ini ialah ketiadaan harga diri sama sekali untuk menentang sesuatu yang mengganggu kehormatan diri. Dia bersifat acuh tak acuh sahaja ketika peribadinya dihina-dinakan oleh orang-orang yang rendah budinya. Dia merasakan dirinya terlalu kecil dan rendah untuk mempertahankan peribadinya dari kecaman orang lain.

Adapun maksud ifrath itu pula ialah sifat marah yang berlebihan sehingga melampaui batas kebijaksanaan akal dan agama. Orang seperti ini buta dan tuli dalam menerima setiap pengajaran. Apabila dia diberi nasihat, nescaya tidak akan didengarnya, bahkan bertambah kemarahannya, dan apabila dia memperoleh cahaya dari sinar akalnya dan ia mahu kembali kepadanya, nescaya dia tidak sanggup menerimanya kerana sinar akalnya sudah padam dan terus lenyap dengan asap kemarahannya.

Di antara tanda-tanda marah pada zahirnya ialah berubah warna kulit, mengelegak kaki tangan, kelakuan tidak menurut ketertarikan dan ketentuan yang biasa, gerak-gerik tidak menentu arah, percakapan bercampur suara marah keluar dari rahangnya, mata merah padam dan lubang hidung kembang kuncup.

Adapun tanda-tanda kemarahan yang terdapat pada lidah ialah kelancaran

lidah ketika menyebutkan caci maki.

Sementara i'tidal itu pula adalah sifat marah yang sederhana. Maka siapa yang marahnya terlalu lemah, sewajarnya dia mengubah dirinya sehingga menjadi kuat marahnya iaitu sifat marah yang dipimpin oleh pertimbangan akal dan perintah agama, dan siapa yang marahnya terlalu berlebihan, maka sewajarnya dia mengubah dirinya supaya berkurang kemarahannya sehingga dia berada di tengah-tengah di antara marah yang sangat lemah dan marah yang berlebihan-lebihan, dan marah yang sederhana ini adalah jalan yang lurus.

TINGKATAN- TINGKATAN MARAH

Menurut Ibn Al-Qayyim, tingkatan marah itu ada tiga, iaitu:

- 1) Marah taraf permulaan iaitu sekadar marah sahaja. Orang yang marah di peringkat permulaan masih menyedari apa yang diucapkannya dan apa yang dilakukannya dan masih memikirkan akibat-akibat yang akan timbul.
- 2) Marah yang bersanget iaitu marah di peringkat ini sudah sama dengan orang memasuki syaitan atau orang gila. Fikiran dan pandangannya sudah gelap sehingga tidak sedar lagi apa yang diucapkannya, tidak menyedari apa yang dikerjakannya dan tidak menyedari akibat yang akan timbul.
- 3) Marah taraf pertengahan iaitu orang yang betul-betul marah, tetapi masih menyedari perbuatan dan percakapannya. Dengan perkataan lain marah yang mempunyai rasa malu dan rasa takut.

JENIS-JENIS MARAH

Marah mengikut sebab-sebab penggerakannya kadangkala dipuji dan kadangkala dicela.

Sifat marah yang terpuji ialah marah yang dituahkan kerana membela kebenaran dan agama, dan marah kerana menegak kemungkaran

dan perkara-perkara haram.

Sementara marah yang tercela itu pula ialah marah pada jalan yang salah, yang dinyalakan oleh kesombongan dan keangkupan.

KESAN-KESAN MARAH DALAM TINDAKAN ORANG MARAH

Kebanyakan ulama Fiqh berpendapat bahawa orang yang marah dipertanggungjawabkan segala perbuatannya semasa dia marah, dan diambil kira apa-apa saja perbuatan yang lahir daripadanya, seperti perbuatan yang menyebabkannya menjadi kafir, membunuh orang, mengambil harta orang lain tanpa hak, talak dan sebagainya. Mereka berujah dengan berdasarkan kepada beberapa dalil, di antaranya:

Hadis Khaulah binti Tha'labah, isteri kepada Aus bin Ash-Shamit ada menyebutkan: "Suaminya telah marah lalu dia menzi-harkannya, maka dia (Khaulah) pun pergi berjumpa Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam lalu memberitahu kepada Baginda perkara itu dan berkata:

"Dia tidak bermaksud untuk menthalakku."

Maka Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"Aku tidak tahu melainkan engkau sebenarnya telah menjadi haram ke atasnya."

Di dalam hadis ini Allah telah menjadikan thalaq sebagai zhihar, dan thalaq itu jatuh walaupun diucapkan dalam keadaan marah. Akan tetapi jika seseorang itu marah sehingga dia pitam maka tidak berlaku thalaq kerana hilang akalannya. Dalam keadaan ini dia menyerupai orang gila yang mana tidak jatuh thalaq yang lahir dari seorang gila.

Oleh yang demikian, sekiranya seorang manusia yang berada dalam keadaan marah merosakkan sesuatu yang berharga kepunyaan orang lain, maka harta tersebut berada di bawah jaminannya dan dia hendaklah membayar ganti rugi hasil daripada perbuatannya itu.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti

E-mail : mufti@brunet.bn

Fatwa@brunet.bn

Lain-lain contoh di antaranya:

- Sekiranya dia membunuh seseorang dengan sengaja, maka dia dikenakan qishash.

- Sekiranya dia melafazkan lafaz kekufuran, maka dia dihukum murtad sehingga dia bertaubat.

- Sekiranya dia bersumpah untuk melakukan sesuatu, maka sumpahnya mestilah dilaksanakan (sah sumpahnya).

- Sekiranya dia menthalak isterinya, maka jatuh thalaqnya itu.

MENAHAN DIRI DARIPADA MARAH

Seorang ulama fiqh, Nur bin Muhammad berkata: Seorang Muslim hendaklah bersifat lemah lembut dan sabar kerana ia adalah salah satu sifat orang-orang bertaqwa. Allah Subhanahu Wataala telah memuji orang-orang yang bersifat lemah lembut dengan firman-Nya yang tafsirnya:

"Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya)." (Surah Asy-Syuura: 43)

Ayat ini memberi maksud bahawa orang-orang yang sabar di atas kezalim-

an yang dilakukan ke atasnya dan dia memaafkan orang yang menzaliminya itu akan mendapat pahala dan ganjaran yang amat besar daripada Allah Subhanahu Wataala.

Allah Subhanahu Wataala juga telah memerintahkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam supaya bersifat sabar dan lemah lembut dan Allah mengkehendaki kepada Baginda bahawa nabi-nabi yang terdahulu sebelum Baginda adalah orang-orang yang memiliki sifat demikian. Allah Subhanahu Wataala berfirman yang tafsirnya:

"(Jika demikian akibat orang-orang kafir yang menentangmu wahai Muhammad), maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya Rasulullah (Ulul-Azmi) dari kalangan Rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu)." (Surah Al-Ahqaf: 35)

Dalam ayat ini Allah Subhanahu Wataala telah memerintahkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam supaya bersifat sabar di atas pembobongan orang-orang kafir dan di atas penyeksan mereka sebagaimana bersabarnya para nabi sebelum Baginda.

BERSAMBUNG

منوجو كرىضان الله Menuju Keredaan Allah

كلوان قوسه دعوه اسلاميه

ULIL Amri ialah sultan atau raja, pemerintah, para cerdik pandai, ketua-ketua angkatan bersenjata dan semua pemimpin atau penganjur yang mempunyai ciri atau sifatnya tersendiri sesuai dengan dirinya sebagai tempat orang ramai merujukkan kehendak-hendak dan kepentingan-kepentingan umum, maka jika mereka itu telah bersetuju di atas sesuatu perkara atau membuat sesuatu keputusan atau hukuman, pengikut-pengikut mereka hendaklah mentaati dan memberikan taat setia.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah An-Nisaa' ayat 59 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada 'Ulil Amri' (orang-orang yang berkuasa) dari kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (Al-Quran) dan (Sunnah) Rasul-Nya, jika kamu benar beriman kepada Allah dan Hari Akhirat. Yang demikian adalah lebih baik (bagi kamu) dan lebih elok pula kesudahannya."

Dalam pentadbiran sesebuah kerajaan, Ulil Amri (pemimpin atau ketua) hendaklah ditaati kerana kuasa

Mentaati Ulil Amri

memerintah adalah terletak di tangan Ulil Amri itu. Teguhnya pemerintahan negara banyak bergantung kepada sikap rakyat dan penduduk negara itu terhadap pemerintahnya. Sikap yang dimaksudkan ialah sejauh mana taat setia mereka kepada pemerintah dan kepada negara mereka serta sejauh mana pula pengertian dan penerimaan mereka terhadap kata-kata setia itu dalam mengamalkannya.

Daripada Anas bin Malik Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda yang bermaksud:

"Hendaklah kamu dengar dan hendaklah kamu taat walaupun orang yang dilantik menjadi ketua kamu itu seorang hamba habsyi yang rambutnya seakan-akan anggur yang kering."

Melalui hadis ini, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam memerintahkan kepada orang-orang Islam supaya mendengar kata-kata ketua, mengikut dan mematuhi perintah ketua serta mentaati ketua walaupun ketua itu seorang yang bukan keturunan atau golongan orang yang beretaraf dan berpangkat dan walaupun keadaannya hodoh dan tidak kakak, selagi ia bergelar ketua maka wajiblah taat kepadanya.

Taat setia tidaklah boleh melulu dan membabi buta, kecuali perintah atau arahan itu tidak bercanggah dengan ajaran Islam. Apabila ternyata perintah atau arahan itu bertentangan dengan ajaran Islam, maka pada ketika itu taat tidak dituntut lagi. Dalam sebuah hadis daripada Abdullah bin Umar, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

"Mendengar dan taat (kepada ketua) adalah menjadi kewajiban ke atas orang Islam (dalam apa jua perkara pun) sama ada yang disukainya dan yang tidak disukainya selagi ia tidak diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat, maka jika ia diperintahkan untuk membuat sesuatu maksiat maka tiadalah boleh mendengar dan taat."

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah memerintahkan kepada setiap orang Islam supaya mentaati perintah ketua mereka, sama ada perintah itu disukai atau sebaliknya, asalkan perintah itu menurut ajaran Islam atau selagi perintah itu berdasarkan ajaran-ajaran Islam. Di samping itu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam melarang pengikut-pengikutnya mentaati ketua yang menyuruh melakukan maksiat.

Dalam perkara yang pertama (perintah yang menurut ajaran Islam) ketaatan adalah menjadi perkara yang wajib, tetapi dalam keadaan yang kedua (perintah untuk melakukan maksiat), ketaatan tidaklah wajib, bahkan ia menjadi haram ke atas sesiapa yang merasakan dirinya boleh menentang perintah itu.

Agama Islam menyuruh kita sentiasa bersatu dan mengamalkan perpaduan itu,

Bagi memelihara persatuan dan perpaduan itu kita hendaklah taat kepada ketua kita dan jika perselisihan pendapat di antara pengikut-pengikut dengan ketua tetapi pendapat dan perintah itu tidak terkeluar dari ajaran-ajaran Islam, maka pendapat dan perintah ketua itu hendaklah dilaksanakan dan adalah menjadi dosa yang besar jika orang Islam tidak taat kepada ketuanya. Taat setia itu bukanlah mutlak bahkan ia hanya dibataskan dalam perkara-perkara kebijakan menurut ajaran-ajaran agama Islam. Jika sekiranya perintah ketua itu menyalahi ajaran-ajaran Islam, maka perintah itu tidaklah wajib ditaati, bahkan pengikut-pengikut disuruh untuk memberikan nasihat kepada ketuanya itu untuk meluruskan dan membetulkannya.

Taat kepada pemerintah adalah wajib bagi menegakkan agama dan memperoleh kesejahteraan serta memelihara diri dan negara dari bencana. Kita dan pemerintah masing-masing bertanggungjawab terhadap satu sama lain dan masing-masing terikat dengan hukum Allah. Kita perlu melibatkan diri dalam satu perikatan perpaduan dan menghidupkan perpecahan demi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat serta mendapat keredaan Allah Subhanahu Wataala.

Dari muka 2

Alam dalam senarai Sultan-sultan Brunei terkecuali Sultan Hashim Jalilul Aqamaddin (1885-1906) dalam dan Sultan Muhammad Jamalul Alam (1906-1924).

Oleh itu dipercayai Sultan Jalilul Alam yang dimaksudkan itu adalah Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Berbalik kepada ciri-ciri historiografi tradisional Melayu ternyata tradisi penyalin ialah memasukkan nama-nama sultan yang memerintah ketika itu sehingga penyalin yang terakhir.

Oleh yang demikian, penyalin secara sadar memasukkan nama sultan yang terakhir memerintah sekiranya Jalilul Alam itu merujuk kepada Sultan Muhammad Jamalul Alam.

Walaupun bagaimanapun, tidak mungkin 'penyalin', Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin terilap menuliskan nama Jamalul Alam kepada Jalilul Alam kerana terdapat tiga buah syair yang beliau karang mengenai Sultan Jamalul Alam.

Perlu juga diperhatikan bahawa mungkin terdapat nama-nama Sultan Brunei yang lain dalam *Syair Awang Semaun* kerana sejauh ini kita tidak mempunyai naskhah yang lengkap.

Jikapun Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin pengarang *Syair Awang Semaun* Alak dan dipercayai mempunyai persamaan dengan *Syair Awang Semaun* (Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit 1997 : 7), tidakkah ini amat terburu-buru berlakunya perubahan judul syair ini dilakukan dalam masa yang terdekat.

Pada misalnya, naskhah *Syair Awang Semaun* bernombor 58 yang tersimpan di Dewan Bahasa dan Pustaka dibeli daripada Awang Simran bin Bakar pada tahun 1968 (Mohd. Yusop bin Haji Besar 1990/1991 : 7).

Menurut cerita anak-anak Awang Bakar bin Salleh Mohammad¹, ayah mereka merupakan pemilik naskhah *Syair Awang Semaun* bernombor 58 dan disalinnya daripada naskhah abang kandungannya Awang Tudin bin Salleh Mohammad² pada sekitar tahun 1940-an.

Naskhah beliau ini amat popular dipinjam oleh orang kampung di Kampong Larong Sikuna dan Kampong Saba semasa majlis perkahwinan.

Informasi ini menggambarkan penyalinan

Syair Awang Semaun dalam waktu yang terdekat dengan perubahan judul dilakukan jika 'pengarangnya' masih hidup atau belum lama meninggal dunia!

TEKS BERUNSURKAN TRADISI LISAN

Rata-rata pengkaji *Syair Awang Semaun* bersependapat untuk menyatakan bahawa syair ini mengandungi unsur-unsur tradisi lisan. Cerita-cerita rakyat seperti mitos asal-usul dan legenda mewarnai teks *Syair Awang Semaun*.

Oleh yang demikian, adalah dipercayai teks *Syair Awang Semaun* bersumber daripada tradisi lisan. Ini dapat diperlihatkan pada cerita-cerita *Awang Semaun* daripada tradisi lisan puak pribumi Pulau Borneo seperti daripada Puak Melanau.

Pemilikan sesuatu hasilan tradisi lisan tidak menjadi persoalan di kalangan kolektif yang mendukung sesuatu tradisi itu. Sifat *anonymous* dan pemilihan bersama (kolektif) memberi peluang kepada seseorang 'pengarang/penyalin' menggunakan sumber ini dalam bentuk tulisan yang bersifat konkrit.

Proses pemindahan baik dari penitisan mulut ke mulut atau dari teks lisan kepada tulisan juga mengalami pelbagai perubahan, penambahan dan pengurangan untuk menyesuaikan kehendak sekeliling.

Oleh itu tidaklah mustahil teks *Syair Awang Semaun* itu mengandungi pembauran pelbagai unsur seperti tradisi lisan, kreatifiti penyalin dan untuk memenuhi kehendak pihak kedua.

Justeru, penggabungan fiksi dan fakta dapat menampilkan produk yang penuh dengan misteri!

Apa yang menarik perhatian rencana ini juga ialah mengenai terdapatnya unsur mitos dalam *Syair Awang Semaun*. Pada misalnya cerita asal-usul raja Brunei diceritakan berasal dari kayangan, iaitu Awang Alak Betatar yang menjadi raja Brunei pertama.

Menurut Teuku Iskandar (1995) sejak tersebar luasnya karangan Narudin ar Ramir berjudul *Siratul al-Mustaqim* (1638) yang mengecam orang yang membaca

SYAIR AWANG SEMAUN : ANTARA NASKHAH, TEKS DAN GENRE

karya-karya yang berunsur Hindu, seperti Hikayat Seri Rama dan Hikayat Inderaputra, mungkin sekali Datu Imam Ya'akub dalam mengarang *Silsilah Raja-raja Brunei*, pada tahun 1735 menghindari cerita asal-usul.

Andai kata Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin pengarang *Syair Awang Semaun* dan mengambil sumber utama *Silsilah Raja-raja Brunei*, apakah bersengaja beliau memasukkan cerita mitos begini sedangkan Datu Imam Yaakub sendiri tidak memasukkan unsur mitos dalam *Silsilah Raja-raja Brunei*?

Episod-episod yang terdapat dalam *Syair Awang Semaun* mencerminkan pelbagai cara hidup puak-puak tertentu di Brunei. Pada misalnya, episod mengenai perlawanan gasing di antara Awang Sinuai dan Dewa Mambang.

Permainan gasing merupakan satu permainan yang digemari oleh puak kedayan sehingga ke hari ini. Bagi puak Brunei yang tinggal di air, permainan gasing adalah tidak praktikal (Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit 1997 : 13).

Perlu juga disedari bahawa walaupun Kampong Ayer didirikan di Sungai Brunei tetapi berlakunya fenomena air pasang (dalam) dan surut (tohor). Sungai Brunei juga membentuk kawasan bakul.

Oleh sebab itu, permainan tradisi rakyat di Kampong Ayer tidak hanya berlegar dalam kawasan rumah dan pantaran. Perlawanan-perlawanan seperti gasing, bersabung ayam boleh saja dipraktikkan di kawasan bakul ini!

GENRE : ANTARA HISTORIOGRAFI DAN EPIK

'Pencarian' pengarang dan tarikh terkarang *Syair Awang Semaun* belum lagi ada tanda pencapaian kesepakatan dapat-dapatan di kalangan pengkaji pelbagai disiplin.

Ketidakepakatan ini

juga berlaku dalam menentukan posisi genre *Syair Awang Semaun*.

Berdasarkan kajian Allahyarham Haji Abdul Hamid bin Jaludin (1995/1996) mendapati pelbagai pendapat telah dikemukakan oleh pengkaji dalam menggolongkan *Syair Awang Semaun* ini.

Dalam kajian beliau, telah membahagikannya kepada lima golongan seperti berikut :

1. Pengkaji yang menggolongkan *Syair Awang Semaun* sebagai karya epik;
2. Pengkaji yang menggolongkan *Syair Awang Semaun* sebagai karya historiografi;
3. Pengkaji yang menggolongkan tokoh *Awang Semaun* sebagai pahlawan/hero Brunei;
4. Pengkaji yang menggolongkan *Syair Awang Semaun* sebagai penglipurlara; dan
5. Pengkaji yang menggolongkan *Syair Awang Semaun* sebagai hikayat.

Masing-masing mempunyai buhah tersendiri untuk menggolongkan *Syair Awang Semaun*.

Rencana ini tidak bertujuan untuk menambah lagi satu golongan tetapi cuba menarik perhatian untuk menguraikan kembali beberapa kekuatan hujah mengenai penggolongan genre *Syair Awang Semaun*.

Profesor Dato Hajah Siti Hawa binti Haji Salleh (1992) meletakkan syair ini sebagai karya historiografi kerana bagi beliau *Syair Awang Semaun* bukan sahaja berguna dari sudut sejarah tetapi juga penting sebagai satu dokumen yang menggambarkan tamadun Brunei pada zaman lampau.

Selain beliau, ada beberapa pengkaji lain juga turut menggolongkan *Syair Awang Semaun* sebagai karya historiografi, di antaranya Teuku Iskandar (1991), Dr. Harun Mat Piah (1995), Sanib Said (1987) dan Matassim Haji Jibah (1980) (dipetik daripada Haji Abdul Hamid bin

Jaluddin 1995/1996 : 9).

Apabila dilihat kembali beberapa buah karya historiografi seperti *Sejarah Melayu* dan *Silsilah Raja-raja Brunei* ternyata terhasilnya karya-karya ini atas perintah Istana. Misalnya, *Silsilah Raja-raja Brunei* yang dikarang oleh Datu Imam Yaakub pada tahun 1735 merupakan titah daripada Sultan Muhyiddin dan (Begawan) Sultan Kamaluddin untuk menulis silsilah keturunan raja-raja Brunei (Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit 1997 : 90).

Berbeza dengan *Syair Awang Semaun* yang dikarang hasil daripada pengarang menulis syairnya timbul atas usaha beliau sendiri untuk dijadikan penghibur bimbang gulana, ingatan dan pedoman (Dr. Haji Mohd. Yusop bin Haji Awang Damit 1997 : 9-10).

Ini bermakna penggolongan yang meletakkan *Syair Awang Semaun* lebih mendekati kepada genre epik seperti yang disuarakan oleh pengkaji tempatan, Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid (1994 : 173-186).

Kemudian, Allahyarham Haji Abdul Hamid bin Jaludin telah membuat penyelidikan untuk tesis sarjana beliau bertajuk '*Syair Awang Semaun* Sebagai Epik Bangsa Melayu'.

Secara ringkas apabila diikuti perkembangan cerita dalam *Syair Awang Semaun* memang paling banyak diceritakan mengenai kepahlawanan, kegagahan, keheroan watak *Awang Semaun* sehinggakan tajuk syair ini mengambil sempena nama *Awang Semaun*.

Ini bersesuaian dengan penjelasan Profesor Madya Dr. Haji Hashim bin Haji Abdul Hamid dalam membincangkan *Syair Awang Semaun* sebagai sebuah epik bangsa Brunei dengan menurunkan garis kasar ciri-ciri umum sebuah epik yang juga terdapat dalam syair ini seperti berikut :

1. Wira adalah tokoh yang mengemukakan, termasyhur dari segi sejarah dan menjadi legenda;
2. Latar ceritanya meluas;
3. Wira memiliki sifat-sifat ketuabiasaan, gagah perkasa;
4. Terdapat kuasa-kuasa luar biasa seperti dewa-dewa;
5. Penulis atau pengarangnya menggunakan gaya bahasa yang ter-

sendiri; dan

6. Penulis atau pengarang memaparkan perlakuan wira dengan sikap yang objektif.

KESIMPULAN

Jikapun Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin berkemungkinan pengarang *Syair Awang Semaun* pada tahun 1930-an tetapi beberapa perkara yang harus juga dinilai dan teliti dapat-dapatan sebelum ini :

1. Mengapakah *Syair Awang Semaun* terdapat atau mengekalkan unsur-unsur mitos sedangkan Pehin Siraja Khatib Abdul Razak bin Hasanuddin merupakan seorang tokoh agama, apakah Kitab Siratul Mustaqim karangan Narudin ar Ramir tidak tersenarai dalam kitab bacaan dan rujukan beliau?
2. Apakah beliau tidak mengambil jalan bercontoh *Silsilah Raja-raja Brunei* karangan Datu Imam Yaakub yang tidak memasukkan unsur mitos dalam jurai keturunan raja-raja Brunei, terkarang awal sebelum beliau mengarang *Syair Awang Semaun*?

Anehnya dalam pembinaan *Syair Awang Semaun* sumber utama adalah *Silsilah Raja-raja Brunei* tetapi apakah motif 'pengarang' Pehin Siraja Khatib memasukkan unsur mitos dalam asal-usul raja Brunei sedangkan beliau adalah seorang kadi?

Inilah keistimewaan *Syair Awang Semaun* yang mempunyai nilai tinggi dalam khazanah budaya Brunei penuh dengan misteri, sesuai dengan slogan Tahun Melawat Brunei 2001 iaitu 'A Kingdom of Unexpected Treasures.'

RUJUKAN

- Abdullah bin Haji Idris @ Mat Deris, (1991/1992) *Syair Awang Semaun Merupakan Sebuah Historiografi Melayu Brunei Dalam Bentuk Puisi*, Latihan Ilmiah, Brunei : UBD.
- Abdul Hamid bin Jaludin, Haji., (1995/1996) *Syair Awang Semaun Sebagai Epik Bangsa Melayu*, Draf Tesis Sarjana Sastera, Universiti Malaya.
- Hashim bin Haji Abdul Hamid, Dr. Haji (Sekarang Profesor Madya), (1994) '*Syair Awang Semaun Sebagai Epik Bangsa Brunei*' dlm *Riak Sastera*.

Kuala Lumpur : Hikmah Enterprise.

Lotfi Abas, (1999) 'Ilmu Filologi Tidak Pernah Dianggap Sebagai Cabang Ilmu Sastera dan Ilmu Sastera (Penjelasan untuk makalah Siti Hawa Saleh 'Ilmu Filologi : Alat Kajian Sastera Tradisional' dlm *Dewan Sastera*, K.L.

Metassim Haji Jibah, (1989) '*Syair Awang Semaun : Suatu Penilaian Sebagai Sumber Sastera Rakyat dan Sejarah*', Bahana, Brunei : DBP.

Mohd. Yusop bin Haji Besar, (1990/1991), *Syair Awang Semaun Sebuah Karya Sastera Sejarah dlm Seminar Antarabangsa Pengajian Kesusasteraan Melayu : Penilaian Kembali Anjuran Jabatan Kesusasteraan Melayu Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam*, 13-15 Rejab 1418 bersamaan 13-15 November 1997.

Muhd. Jamil Umar, Pehin Orang Kaya Amar Diraja Dato Seri Utama., (1973) *Chatatan Sejarah Perwira-perwira dan Pembesar-pembesar Brunei*, Jil. II, Brunei : Dewan Bahasa dan Pustaka.

Siti Hawa Haji Salleh, Prof. Madya., (1989) Karya-karya Historiografi Melayu Tradisional Dalam Bentuk Puisi : 'Sorotan Khas Kepada *Syair Awang Semaun*' dlm Seminar Sejarah Brunei anjuran Jabatan Pusat Sejarah, Brunei.

..... (1990) '*Syair Awang Semaun : Sebuah Sejarah Dari Brunei Darussalam*' dlm *Dewan Sastera*, KL : DBP.

Teuku Iskandar, Prof. Dr., (1992) 'Kedudukan Historiografi Tradisional Brunei Di Antara Historiografi Borneo' dlm *Sumbangsih UBD*, Brunei : UBD.

..... (1994) '*Syair Awang Semaun dan Hikayat Hang Tuah Sebagai Karya Untuk Mempertinggi Imej dan Martabat Suatu Bangsa*' dlm *Pertemuan*.

Sasterawan Nusantara Ke-VIII anjuran ASTERAWANI dan Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei, pada 8-12 Jun 1994.

..... (1995) *Kesusasteraan Klasik Melayu Sepanjang Abad*, Shah Alam : Malindo Printers.

PROFESOR Dato Hajah Siti Hawa binti Haji Salleh (1992) meletakkan syair ini sebagai karya historiografi kerana bagi beliau *Syair Awang Semaun* bukan sahaja berguna dari sudut sejarah tetapi juga penting sebagai satu dokumen yang menggambarkan tamadun Brunei pada zaman lampau.

¹ Haji Bakar bin Salleh Mohammad, lahir pada tahun 1908 dan meninggal dunia di Mekah pada tahun 1983.

² Naskhah beliau hilang dan dipercayai juga pada awalnya milik isterinya, Dayang Zainab.

MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Hargailah harta benda awam

SEGALA kemudahan awam yang diberikan oleh kerajaan mempunyai matlamat dan faedah-faedah yang tertentu. Antara tujuan dan matlamat kerajaan memberikan kemudahan ialah untuk memudahkan orang awam jika dilanda kesusahan atau jika masyarakat mengalami kesulitan di tempat-tempat awam seperti tandas awam, telefon awam dan sebagainya. Jika negara kita ketiadaan tempat-tempat kemudahan awam sudah tentunya kita akan mengalami kesusahan sekali gus masyarakat kita akan menuduh kerajaan tidak peka akan rakyatnya. Perlunya kita menjaga kemudahan awam yang disediakan merupakan tanggungjawab kita bersama. Jika kita tidak menjaga kemudahan awam yang telah disediakan oleh kerajaan sudah tentunya masyarakat kita tidak tahu menilai sesuatu seperti kata pepatah 'seperti kera diberi bunga'.

Kemudahan-kemudahan awam adalah hak rakyat bersama ada sebilangan rakyat yang tidak bertanggungjawab untuk menjaga alat-alat kemudahan yang disediakan. Segelintir masyarakat yang tidak bertanggungjawab melakukan perkara-perkara yang tidak baik seperti menconteng pondok telefon awam de-

ngan perkataan yang kurang sopan, mencabut kepala paip di tandas-tandas awam dan banyak lagi perkara-perkara yang tidak bermoral telah dilakukan oleh segelintir rakyat yang tidak bertanggungjawab. Kemudahan yang diberikan di negara kita mencukupi dan menepati cita rasa rakyat dan hampir semua alat-alat kemudahan tidak dikenakan bayaran malahan semua khidmat kemudahan adalah percuma.

Mungkin perlu rakyat kita diberikan kesedaran akan kepentingan menjaga kemudahan-kemudahan awam melalui kempen ke arah kesedaran seperti bengkel, seminar atau mungkin mengadakan kursus-kursus yang khusus mengenai penjagaan hak-hak awam supaya tidak dirosakkan dan dijaga dengan baik. Pelajar juga penting diterapkan kepentingan-kepentingan bagaimana penjagaan hak-hak orang awam kita perlu juga mengadakan lawatan praktikal melihat alat-alat tersebut dan menerangkan fungsi peranan kenapa dan mengapa kerajaan menyediakannya.

Kenapa dan mengapa kita perlu menjaga kemudahan awam yang disediakan? Perlunya kita menjaga kemudahan awam yang disediakan agar kita mengetahui betapa pen-

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Bersama Meraikan Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia'. Tarikh tutup 26 Jun 2003.
2. 'Mendukung Kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia'. Tarikh tutup 3 Julai 2003.
3. 'Bersama Rakyat Eratkan Perpaduan'. Tarikh tutup 10 Julai 2003.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,
Minda Pembaca,
Unit Pelita Brunei,
Jabatan Penerangan,
Lapangan Terbang Lama, Berakas,
Bandar Seri Begawan, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.
<http://www.brunet.bn/news/pelita/pelita1.htm>
email: pelita@brunet.bn

tingnya kemudahan yang disediakan, supaya alat kemudahan mencantikkan, memperbisaikan kawasan sekeliling sekali gus alat ke-

mudahan yang disediakan tersebut dapat dijadikan daya tarikan para pelancong yang datang dan juga mereka turut menggunakan alat-

alat kemudahan tersebut untuk kemudahan mereka sepanjang mereka berada di negara kita.

Jika kemudahan tidak disediakan oleh kerajaan sudah tentunya rakyat kita juga akan merasa susah bahkan pelancong-pelancong yang datang juga turut susah kerana ada kemudahan yang diberikan tetapi tidak dijaga dengan betul malah dirosakkan. Siapa yang patut disalahkan? Pengguna? Perosak? atau kerajaan? Sudah tentunya pengguna dan perosak kerana

hanya mereka saja yang menggunakan, kerajaan menyediakan dan memberikan kemudahan seperti apa yang dipinta oleh rakyat sendiri.

Sebagai kesimpulan kita memang perlu menjaga kemudahan awam yang disediakan kerana jika kita tidak menjaganya dengan baik sudah tentunya kita sendiri yang mendapat susah selain juga pelancong yang datang juga mendapat susah. Jika kita menjaga kemudahan awam yang disediakan dengan baik rakyat kita sendiri

juga mendapat faedah dan manfaatnya malahan para pelancong yang datang di negara kita. Maka kunci untuk menjaga kemudahan awam dengan baik ialah kesedaran bersama, di samping penjagaan yang rapi dan baik juga penting untuk dijadikan sebagai landasan dalam menjaga hak bersama kemudahan yang diberikan dan disediakan oleh kerajaan.

Muhammad Zafreen bin Mohd, Said,
No. 18 B, Kampong Sungai Kebun, BK 2325.
No. k/p: 00-294714

Pendidikan moral perlu dipertingkatkan

NEGARA kita seperti negara-negara lain yang maju, pelbagai kemudahan awam telah disediakan oleh kerajaan dengan baik namun ada sebilangan daripada masyarakat atau pihak yang tidak menjaganya dengan baik. Fenomena tersebut bukanlah satu keinsiden bahkan kedudukan kemajuan sebuah negara sebenarnya bergantung kepada budaya dan etika warganya. Keprihatinan terhadap moral dan ahlak di dalam sistem pendidikan masyarakat kita harus diterjemahkan kepada pemikiran dan budaya baik di kalangan rakyat dan dicerminkan oleh kesedaran sivik terhadap kemudahan awam.

Kemudahan awam merangkumi semua benda yang disediakan oleh kerajaan khas untuk kegunaan orang awam. Perlu diingat, kemudahan awam bukan milik kita walaupun kita boleh menggunakannya. Kita perlu menghargai keprihatinan kerajaan dalam menyediakan kemudahan-kemudahan awam untuk memudahkan orang ramai ketika berada di tempat-tempat awam.

Apa yang sering kita saksikan kemudahan-kemudahan awam kini sudah banyak yang rosak, tidak berfungsi, cacat dan menjadi benda yang tiada nilai. Perkara ini berlaku hanya kerana perbuatan seorang insan yang bernama manusia yang tidak bertanggungjawab dan tidak berperikemanusiaan yang akhirnya secara tidak langsung menyusahkan orang lain malah bangsa juga turut tercemar hanya kerana perbuatan segelintir manusia. Terdapat sebilangan mereka yang membuang tekanan dengan merosakkan kemudahan

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Kita Perlu Menjaga Kemudahan Awam Yang Disediakan'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

awam, bersikap tidak bertanggungjawab dengan menconteng dan memecahkan harta benda awam.

Perkara ini hanya akan merosakkan maruah bangsa kita, lebih parah lagi apabila para pelancong mendapati kemudahan awam disediakan telah dirosakkan, bukanlah ini akan mencemarkan nama negara kita? Kerosakan ini tidak lain tidak bukan adalah perbuatan mereka yang tidak bermoral. Oleh itu apa yang perlu ditekankan ialah pendidikan moral perlu ditingkatkan dan diperluaskan. Pendidikan moral adalah sangat penting kerana dengan ketinggian moral dalam diri akan menghindarkan seseorang itu daripada melakukan perkara-perkara yang tidak baik.

Sudah banyak iklan-iklan melalui media masa membimbing masyarakat daripada merosakkan harta benda awam, malah hingga dinyatakan hukuman-hukuman berat yang akan dikenakan kepada mereka yang terlibat. Namun, kerosakan kemudahan awam masih terus berlaku bukan kerana mereka tidak takut dengan hukuman yang telah dinyatakan, tetapi siapakah yang akan menghukum mereka jika perbuatan mereka tidak di-

saksikan oleh orang lain?

Di sinilah pendidikan moral memainkan peranan penting. Kecemerlangan sebuah institusi pendidikan bukan kerana ada kemudahan yang canggih dan mahal tetapi kerana segala kemudahan yang ada itu dijaga dan digunakan dengan baik. Begitu juga dengan manusia, kemuliaan seseorang manusia bukan kerana status dirinya tetapi kerana sifat batiniahnya yang mulia. Daripada moral yang tinggi inilah seseorang itu akan menjadi baik kerana moral akan menjadi benteng seseorang daripada melakukan perkara yang tidak diingini.

Oleh itu, selain bergantung kepada amaran, denda dan hukuman, pendidikan moral juga perlu ditingkatkan untuk sama-sama menjaga kemudahan awam yang telah disediakan. Bersama-sama menjaga kemudahan awam demi kepentingan dan kebaikan bersama.

Haji Abdul Aziz Al-Hakeem bin Haji Gani,
No. 25, Simpang 637-94-13, Lot 9, Jalan Pasir Berakas, STKRJ Lambak Kiri, BB 1114,
No. k/p: 00-303675

Jangan jadi pemugut

SEMEMANGNYA Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengambil perhatian yang berat dan sentiasa peka dalam menyediakan kemudahan-kemudahan awam di seluruh negara. Keprihatinan kerajaan adalah semata-mata bagi memenuhi keperluan sosial masyarakat dan orang ramai terutama sekali bagi kesenangan dan kesejahteraan jua. Maka tidak hairanlah kerajaan sentiasa memperuntukkan kewangan yang besar setiap tahun bagi menyediakan kemudahan-kemudahan asas berkenaan.

Tetapi apa yang mendukacitakan di sana sini kita dapati kemudahan-kemudahan tersebut sengaja dirosakkan oleh mereka yang tidak bertanggungjawab. Tanda-tanda jalan raya dicabut, dipatahkan dan conteng-conteng. Tandas-tandas awam dan pondok telefon dirosak dan dipecahkan. Pagar-pagar bangunan sekolah diputus dan dirosakkan. Tempat-tempat permainan kanak-kanak juga menjadi mangsa dengan dirosakkan persekitaran sekelilingnya. Fenomena inilah yang sering kita dapati dan lihat sekarang. Kemudahan-kemudahan sedemikianlah kerap kali menjadi 'mangsa' dan target golongan berkenaan. Mereka ini lebih dikenali sebagai 'pemugut' yang tidak ingin melihat sesuatu yang baik dan indah dipandang mata. Golongan yang disifatkan anti keindahan ini lebih rela dan suka melihat kemusnahan daripada menjaga dan memantuninya.

Akibat daripada sifat sedemikian telah menyusahkan masyarakat dan orang ramai yang mengharap dan sentiasa menggunakan kemudahan itu. Lebih mendukacitakan lagi kerajaan terpaksa mengeluarkan perbelanjaan bagi memperbaiki kerosakan yang diakibatkan oleh manusia yang tidak bermoral dan bertanggungjawab. Sedangkan wang yang digunakan membaiki pulih kerosakan itu boleh digunakan bagi membina kemudahan asas yang lain.

Oleh yang demikian kita selaku pengguna dan masyarakat perlulah bersama-sama menjaga dengan sebaik-baiknya kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Kita perlu mengamalkan sikap 'sense of belonging', kerana dengan adanya sikap sedemikian kita akan lebih bertanggungjawab menghargai kemudahan-kemudahan itu. Selain itu setiap anggota masyarakat juga perlu peka dan tidak camah mata dalam membisakan dan mengindahkan lagi kemudahan awam yang diakibatkan oleh pencemaran alam sekitar seperti kotoran sampah sarap dan sebagainya.

Kita juga perlu ingat bahawa kemudahan awam yang disediakan itu juga digunakan oleh pelancong-pelancong yang datang melawat dan berkunjung ke negara ini. Adalah amat memalukan dan menjejaskan imej negara, jika sekiranya kemudahan-kemudahan seperti pondok telefon dirosakkan. Maka untuk itu semua warga Brunei bertanggungjawab dalam mewujudkan nama baik Brunei di kalangan masyarakat luar. Perlu diingat mereka yang sabit kesalahan merosakkan

harta benda awam boleh dikenakan hukuman dan sebatan.

Bagi membendung sikap ini, ibu bapa perlulah memberikan tunjuk ajar kepada anak-anak dalam sama-sama menjaga kemudahan yang disediakan. Pendidikan sivik juga perlu diterapkan di kalangan pelajar dengan memberikan didikan awal ke arah menghargai kemudahan asas. Bagi membanteras sikap pemugut ini semua masyarakat memainkan peranan dan bertanggungjawab. Ibu bapa, guru, ketua-ketua kampung, penghulu-penghulu dan pemimpin masyarakat, persatuan-persatuan belia memainkan peranan yang utama dalam sama-sama menjaga kemudahan awam yang disediakan. Kita jangan hanya terus berharap kepada kerajaan untuk mengawal dan menjaganya, kerana kerajaan sudah berbuat apa saja dalam mewujudkan dan memberikan kemudahan untuk orang ramai.

Pantuni dan jagalah baik-baik kemudahan-kemudahan yang disediakan sama ada di bandar, kampung dan pedalaman. Dan yang utama dan penting diingat ialah menghargai terhadap segala inci kemudahan-kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Bersikap rasional dan tahu menjaga harta benda awam perlu menjadi pegangan hidup kita. Janganlah jadi pemugut dan menjadi 'makhluk perosak' tetapi jadilah masyarakat yang bertanggungjawab dan bertatasusila.

Muhammad Noor Firdaus bin Haji Jaafar,
Unit 16, Rumah Kembar Dua, STKRJ, Kampong Rimba, Gadong.
No. k/p: 00-303101

REMAJA

Pendirian kita bagaimana mahu dibentuk! ...

KEHIDUPAN yang kita lalui masa kini di era kemajuan yang meledak dengan berbagai penemuan dan teknologi, adalah terlalu keras untuk ditempati. Sedang kita menikmati keseronokan, kesejahteraan, kemewahan dan keindahan hidup ada lagi orang lain masih bergelut untuk membina kehidupan yang sejahtera dan makmur. Di ketika yang lain ada juga yang masih kelaparan tidak cukup untuk makan pagi dan petang. Pendeknya keadaan yang ada pada kita adalah terlalu jauh dibandingkan dengan kesusahan dan penderitaan yang dilalui oleh orang lain. Kendatipun demikian ini tidak bermakna kita boleh bergoyang kaki dan leka dengan apa yang ada pada kita. Kita perlu bersyukur dan sentiasa menanamkan sifat qana'ah supaya segalanya akan kekal dapat dinikmati.

Justeru kita perlu kepada pendirian hidup yang ideal dan terarah. Maknanya kita perlu kepada pendirian yang kukuh tidak rapuh dan tidak mudah untuk dipengaruhi. Cuba bayangkan kalau kita tidak mampu memiliki ciri sedemikian, bagaimanakah orang lain akan melihat kepada kita. Ada orang mengeluh merasakan kehidupan ini terasa begitu sukar dan menyakitkan baginya. Ia tidak tahu bagaimana menghadapinya dan hampir menyerah kalah dalam kehidupan.

Kemampuan untuk menghadapi ujian dan cabaran mendatang terlalu letih untuk ditentang.

OLEH H. A. MANAP

Masalah terus datang melanda, meskipun baru selesai satu masalah datang lagi masalah yang baru. Keadaan ini terlalu menekan kehidupan. Akan tetapi apakah kerananya kita perlu menyalah, sedang apa pun yang kita hadapi kehidupan mesti teruskan. Hujan lebat pastikan berhenti, lautan bergelora pasti akan kembali tenang, malam pasti akan ada siang, begitulah seterusnya. Persoalannya ialah pendirian kita ke mana mahu dihalakan. Cuba kita renungkan dan teliti bersama-sama keadaan ini.

Lobak, telur dan kopi jika kita masukkan ke dalam periuk yang berlainan dan dimasak sehingga mendidih akan menghasilkan suatu hakikat yang berbeza dari asalnya. Apakah yang terjadi untuk kita jadikan iktibar dan pengajaran darinya. Cubalah setelah mendidih ketiganya kita siphikan dan simpanlah telur di dalam mangkuk, lobak di mangkuk yang lain dan kopi dituangkan di mangkuk yang lain, apakah yang akan dapat kita lihat. Hasilnya lobak yang masak jika dirasa akan menghasilkan rasa yang enak dan sedap dimakan, telur yang sudah direbus pula akan bertukar menjadi isi yang keras berbanding sebelumnya merupakan cairan sahaja, kopi pula jika dibubuh dengan aromanya yang khas menghasilkan rasa yang sedap. Ketiga-tiganya meng-

hasilkan senario yang berbeza berbanding sebelumnya yang juga kurang mendatangkan manfaat jika mahu digunakan.

Timbul persoalan apakah ertinya semua ini? Sebenarnya ketiga-tiganya telah melalui satu proses yang agak sulit iaitu direbus dalam suhu kepanasan yang agak tinggi. Meskipun ketiga-tiganya melalui proses sedemikian hasilnya juga memperlihatkan reaksi yang berbeza. Lobak sebelum direbus, keras dan sukar dipatahkan. Tetapi setelah direbus, lobak menjadi lembut dan lunak. Telur sebelumnya mudah pecah. Cangkang tipisnya melindungi isinya yang berupa cairan. Tetapi setelah direbus, isinya menjadi keras. Serbuk kopi mengalami perubahan yang unik. Setelah berada di dalam rebusan air, serbuk kopi berubah air tersebut.

Jika kita mahu menghubungkannya dengan pendirian dan sikap kita, di manakah kita di antara yang tiga ini. Pengajaran yang boleh kita ambil ialah air panas yang mendidih itu adalah umpama kesukaran dan cabaran yang melanda. Ia juga merupakan dugaan yang bakal kita lalui. Jika kesukaran dan kesulitan yang mendatang kita, bagaimanakah untuk kita menghadapinya? Apakah kita akan seperti resmi lobak, telur ataupun kopi? Bagaimana dengan kita? Persoalan ini amat berharga untuk kita santuni. Apakah kita adalah lobak yang kelihatannya keras, tapi dengan adanya penderitaan dan kesulitan, kita menyerah, menjadi lembut dan kehilangan

kekuatan.

Atau ... Apakah kita akan mengikut resmi telur, yang awalnya memiliki hati lembut, dengan jiwa yang dinamis? Namun setelah adanya penderitaan misalnya kematian, patah hati atau kegagalan kita menjadi keras dan kaku. Meskipun hakikat dari luarnya kelihatan sama, kita menjadi pahit dan keras dengan jiwa dan hati yang kaku? Ataukah kita mengikut resmi serbuk kopi? Serbuk kopi merubah air panas, sesuatu yang menimbulkan kesakitan, untuk mencapai rasanya yang lazat pada suhu 100 darjah celsius. Ketika air mencapai suhu terpanas, kopi terasa semakin nikmat. Jika kita seperti serbuk kopi, ketika keadaan menjadi semakin buruk, kita akan menjadi semakin baik dan membuat keadaan di sekitar kita juga menjadi semakin baik.

Ketiga-tiganya memberi pengajaran yang berbeza akan tetapi membawa makna yang besar untuk menentukan bagaimana pendirian kita perlu dibentuk. Renungkanlah bahawa semuanya yang kita lalui tidak akan selamanya dapat kita kecap. Kerana itu kita perlu bijak dalam menentukan arah mana tujuan terbaik untuk menjamin kehidupan yang baik dan sempurna untuk dunia dan akhirat nanti. Usia muda hanya datang sekali dan tua adalah usia terakhir untuk dilalui. Mereka yang bijak menguruskan kehidupan di waktu muda belia akan senang di hari tuanya, sebaliknya yang lalai akan terhantuk di waktu tuanya.

INAYAH

LARANGAN ALLAH SEGALA YANG HARAM

DARI Abu Abdullah An Nukman bin Basyir Radiallahuunha katanya : Aku dengar Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "Sesungguhnya yang halal itu nyata (terang) dan yang haram itu pun nyata (terang) dan di antara keduanya ada perkara-perkara yang kesamaran, yang tidak diketahui oleh kebanyakan manusia. Maka barangsiapa memelihara (dirinya) dari segala yang kesamaran, sesungguhnya ia memelihara bagi agamanya dan kehormatannya. Dan barang siapa jatuh ke dalam perkara kesamaran jatuhlah ia ke dalam yang haram seperti seorang pengembala yang mengembala di sekeliling kawasan larangan, hampir sangat (ternakutnya) makam di dalamnya. Ketahuilah bahawa bagi setiap raja ada kawasan larangan! Larangan Allah ialah segala yang haram. Ketahuilah! Di dalam badan ada seketul daging; apabila ia rusak, baiklah badan seluruhnya dan apabila ia rosak, rosaklah sekiatannya. Ketahuilah! Itulah yang dikatakan hati."

(Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam riwayat Al-Imam Al-Bukhari dan Muslim).

Dengan Kerjasama Jawatankuasa Kecil Media Menangani Isu Sosial

Laksanakan perawatatan asas dengan teratur, sempurna

Oleh Siti Aishah HS

BERAKAS, 16 Jun. - Perkhidmatan yang diberikan tidak akan bermakna dengan mengabaikan perawatatan asas, bahkan sering ditimbulkan oleh orang ramai dan menjadi tanda tanya mengenai dengan tugas dan tanggungjawab jururawat yang sebenar dalam konteks Tekad Pemedulian Orang Ramai.

Pemangku Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan, Pengiran Hajah Azizah binti Pengiran Haji Tajuddin menyatakan demikian di Majlis Pembukaan Rasmi Kursus Orientasi dan Induksi bagi jururawat-jururawat lepas-

ditekankan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kesihatan semasa Majlis Malam Jururawat pada 7 Jun 2003 yang lalu.

Untuk menjadi seorang jururawat yang berwibawa, cekap, berkesan dan selamat, para jururawat hendaklah sentiasa berusaha meningkatkan pawaian perawatatan dan perkembangan profesional yang berterusan dengan mengadaptasikan nilai budaya kejururawatan dalam aspek berkomunikasi, merancang dan memberi perawatatan kepada pesakit, mengenal pasti keperluan pesakit, memberi khidmat kepada pesakit dan keluarga mereka serta meningkatkan dan

mengemaskinikan ilmu dan kemahiran klinikal.

Antara matlamat orientasi berkenaan diadakan ialah membekal maklumat dan panduan-panduan tertentu dalam usaha memudahkan jururawat-jururawat baru mengenali akan ekspektasi performa dan prioriti semasa menerajui tanggungjawab perkhidmatan sebagai kakitangan kerajaan.

Seramai lima jururawat lelaki dan 26 jururawat perempuan mengikuti kursus selama lapan hari itu yang diadakan di Kementerian Kesihatan dan di Unit Pendidikan Lanjutan Kejururawatan Rumah Sakit Raja Isteri Pengiran

Anak Saleha (RIPAS).

Kursus Orientasi dan Induksi bagi jururawat yang baru berkhidmat bagi tahun 2003 adalah anjuran bersama Jabatan Dasar dan Perancangan, Kementerian Kesihatan dan Unit Pendidikan Lanjutan Kejururawatan, Perkhidmatan Kejururawatan, Kementerian Kesihatan.

Hadir sama di majlis itu, Pengerusi Majlis, Haji Malai Abdullah bin Haji Malai Othman; pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan, penceramah-penceramah undangan, pegawai-pegawai kanan kejururawatan dan para peserta kursus.



PEMANGKU Pengarah Perkhidmatan Kejururawatan, Pengiran Hajah Azizah semasa berucap di Majlis Pembukaan Rasmi Kursus Orientasi dan Induksi bagi jururawat-jururawat lepasan Maktab Jururawat Pengiran Anak Puteri Rashidah Sa'adatul Bolqiah yang baru berkhidmat bagi tahun 2003. - Gambar oleh Harun HR.



SEBAHAGIAN para peserta kursus dan pegawai yang hadir di Majlis Pembukaan Rasmi Kursus Orientasi dan Induksi. - Gambar oleh Harun HR.



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya menyempurnakan penyampaian hadiah kepada seorang pemenang Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan 1424 Hijrah. - Gambar oleh Pengiran Rafee PDPHM.

Peserta veteran ke peringkat akhir Pertandingan Al-Quran

PULAIE, 12 Jun. - Mejar (B) Haji Abdul Rahman bin Haji Mohd. Salleh dan Dayang Hajah Maidah binti Haji Abdul Rahman, masing-masing muncul juara bahagian qari dan qariah Pertandingan Membaca Al-Quran Bahagian Dewasa Peringkat Separuh Akhir Kebangsaan 1424 Hijrah.

Naib juara bahagian qari ialah Awang Haji Mohd. Daud bin Haji Abdul Kadir, bahagian

**Oleh
Bolhassan HAB**

qariah Dayang Hajah Siti Wardah binti Mejar (B) Haji Abdul Rahman, manakala Awang Mohammad Noor bin Haji Ibrahim dan Dayang Hajah Norhamimah binti Haji Hamidon telah mendapat tempat ketiga.

Timbalan Menteri Hal

Ehwal Ugama, Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya hadir selaku tetamu kehormat, seterusnya menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Pertandingan yang berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah bertemakan 'Bangsa Berilmu Negara Maju Berteraskan Wahyu' telah disertai oleh 28 peserta bagi memilih wakil

bahagian qari dan qariah ke peringkat akhir kebangsaan dan seterusnya bagi penyertaan negara ke peringkat antarabangsa.

Seramai 21 peserta telah berjaya melayakkan diri Pertandingan Separuh Akhir Membaca Ayat-ayat Suci Al-Quran yang diadakan dua hari berturut-turut dikendalikan oleh Kementerian Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

BERAKAS, 9 Jun. - Bagi membudayakan masyarakat bermaklumat dengan penyaluran maklumat yang cukup, tepat dan relevan melalui komunikasi berkesan yang bersemangatkan falsafah negara, Jabatan Penerangan memainkan peranan sedemikian dengan mengadakan ceramah kenegaraan bagi memberigakan fungsi berkenaan.

Schubungan itu, Pengarah Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut berkata, ceramah sedemikian diadakan adalah untuk menerapkan nilai-nilai berbangsa dan bernegara kepada kumpulan-kumpulan masyarakat di negara ini sama ada kumpulan penuntut, pendidik atau organisasi bukan kerajaan bagi meneruskan peranan dan tanggungjawab positif mereka mengikut tujuan-tujuan yang digariskan oleh sesebuah kumpulan berkenaan.

Beliau menyatakan demikian semasa Siri Ceramah Kenegaraan bagi ahli-ahli Badan Kebajikan Wanita (BAKANITA) Perumahan Lambak Kanan anjuran Jabatan Penerangan di Bilik Persidangan Pehin Orang Kaya Shahbandar di jabatan berkenaan di sini.

Beliau seterusnya berharap agar kumpulan itu memainkan peranan dan memperbaiki cara berfikir ke arah yang positif melalui asuhan terhadap anak-anak mereka demi bangsa dan negara mengikut lunas-lunas falsafah negara Melayu Islam Beraja.

Ceramah pertama bertajuk 'Peranan dan Fungsi Jabatan Penerangan' dan 'Struktur Pemerintahan dan Sistem Pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Shamsiah binti Abdul Latif yang menerangkan mengenai strategi kerja Jabatan Penerangan melalui media cetak, komunikasi bersemuka, info-telekomunikasi dan penglibatan antarabangsa.

Manakala ceramah 'Struktur dan Sistem Pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam' meliputi fungsi kerajaan, Perlembagaan, kuasa memerintah dan huraian mengenai Islam dan Melayu

dalam pemerintahan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

Sesi ceramah kedua pula berkisar mengenai 'Pencegahan Rasuah' yang disampaikan oleh Penyiasat Khas Kanan, Biro Mencegah Rasuah, Dayang Linda binti Abdullah.

Semasa temu bual dengan wakil PELITA BRUNEI, seorang ahli BAKANITA, Dayang Arpah binti Haji Ahim menyatakan program sedemikian adalah bermanfaat dan dapat membuka minda mereka, di samping dapat menambah ilmu pengetahuan yang sedia ada.

Manakala Dayang Mastura binti Mohd. Salleh, 52 tahun, berharap agar pro-



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut.

gram itu diadakan lagi di masa akan datang dengan menambah jangka masa yang ada demi meningkatkan lagi penge-

tahuan mereka mengenai hala tuju Jabatan Penerangan dan peranan Biro Mencegah Rasuah serta jabatan-jabatan lainnya dengan mengundang lebih ramai lagi ahli-ahli BAKANITA yang tidak berkesempatan mengikuti sesi ceramah berkenaan pada kali ini.

Tujuan Jabatan Penerangan mengadakan siri ceramah tersebut antara lain untuk mendedahkan maklumat kepada semua lapisan masyarakat dalam apa jua bentuk, agar masyarakat tidak lupa dalam sama-sama memikirkan, merancang kemajuan dan berusaha keras menjaga keamanan negara serta meningkatkan rasa pemedulian terhadap mereka yang kurang bernasib baik.

Para peserta kemudian

beramah mesra bersama Pengarah Penerangan, pegawai-pegawai Jabatan Penerangan dan Biro Men-

cegah Rasuah, di samping menyaksikan Pameran Jubli Emas Jabatan Penerangan.

TUJUAN Jabatan Penerangan mengadakan siri ceramah tersebut, antara lain untuk mendedahkan maklumat kepada semua lapisan masyarakat dalam apa jua bentuk, agar masyarakat tidak lupa dalam sama-sama memikirkan, merancang kemajuan dan berusaha keras menjaga keamanan negara serta meningkatkan rasa pemedulian terhadap mereka yang kurang bernasib baik.



PENGARAH Penerangan, Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut bersama para pegawai Jabatan Penerangan dan Biro Mencegah Rasuah serta ahli-ahli BAKANITA bergambar ramai sejour berakhr Siri Ceramah Kenegaraan di Jabatan Penerangan.



PEGAWAI Penerangan, Dayang Hajah Shamsiah binti Abdul Latif ketika menyampaikan ceramah 'Peranan dan Fungsi Jabatan Penerangan' dan 'Struktur Pemerintahan dan Sistem Pentadbiran Kerajaan Negara Brunei Darussalam'.



PENYIASAT Khas Kanan, Biro Mencegah Rasuah, Dayang Linda binti Abdullah semasa menyampaikan ceramah mengenai 'Pencegahan Rasuah'.

Berikan perkhidmatan terbaik dan cemerlang

BERAKAS, 24 Mei. - Kementerian Hal Ehwal Ugama sebagai ejen penggerak jentera pentadbiran di bidang keagamaan, setiap pegawai dan kakitangannya hendaklah sentiasa meningkatkan daya usaha dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang mengikut kebolehan dan kemampuan masing-masing.

Perkara itu dinyatakan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula di Majlis Perpisahan bagi beliau yang akan memulakan cuti sebelum bersara pada 25 Mei 2003 yang berlangsung di Kementerian berkenaan di sini.

Walau bagaimanapun katanya, kita hendaklah secara berterusan sentiasa menilai dan mengkaji se-

Oleh
Aliddin HM

mula prestasi dan kualiti perkhidmatan di peringkat individu, kumpulan, unit, bahagian jabatan dan kementerian, di mana ia jua yang dapat diperbaiki, diperbaharui, dimodenkan, ditingkatkan, akan dapat segera diambil tindakan untuk mencapai hasil produktiviti dan kualiti yang lebih baik bagi menuju ke arah pentadbiran yang cemerlang semata-mata bagi kepentingan mempertingkatkan kesejahteraan umat Islam dan mempertahankan agama Islam yang maha suci.

Pengiran Dato Paduka menambah, sebagai garis panduan dalam melaksanakan tugas-tugas dan tanggungjawab bagi pegawai-pegawai dan kakitangan di

kementerian berkenaan beliau ingin mengongsikan pengalamannya dan di antara garis panduan itu ialah pedoman dari Al-Quran dan hadis, pedoman dari titah dan hasrat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam mewujudkan sebuah sistem pentadbiran yang cekap, berkesan, bersih lagi amanah, undang-undang, peraturan-peraturan dan prosedur-prosedur kerja, nasihat dan teguran dan arahan pucuk pimpinan Kementerian Hal Ehwal Ugama dan kursus-kursus dan latihan teori dan amali.

Majlis itu diadakan semata-mata bertujuan bagi mengenang khidmat dan jasa Pengiran Dato Paduka Haji Yusof bin Pengiran Kula semasa berkhidmat dengan Kementerian Hal

Ehwal Ugama.

Acara kemuncak bagi majlis itu ialah penyampaian cenderamata kenangan Kementerian Hal Ehwal Ugama kepada Pengiran Dato Paduka Haji Yusof yang disempurnakan oleh Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain dan Timbalannya, Yang Dimulakan Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya.

Majlis dihadiri dan diraikan bersama oleh Menteri Hal Ehwal Ugama dan Timbalannya, Pengarah-pengarah, Penolong-penolong Pengarah, pegawai-pegawai kanan serta pegawai dan kakitangan Kementerian Hal Ehwal Ugama.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Md. Zain ketika menyempurnakan penyampaian cenderamata kepada Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Ugama, Pengiran Dato Paduka Haji Yusof yang akan memulakan cuti sebelum bersara pada 25 Mei 2003. - Gambar oleh Hamadi HM.



PENGARAH Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail dan Juruukur Agung, Pengiran Haji Metussin dan Awang Nawas Ukoi, Setiausaha Brunei Institute of Geomatics hadir di Majlis Menandatangani MOU bagi Kuiz 'Kenali Tanah Airku'. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Kuiz 'Kenali Tanah Airku' dimeterai

BANDAR SERI BEGAWAN, 10 Jun. - Satu Perjanjian Persefahaman (MOU) Kuiz 'Kenali Tanah Airku' selama tiga tahun di antara Jabatan Radio dan Televisyen Brunei dan Jabatan Ukur serta didukung oleh Institut Geomatics Brunei telah dimeterai baru-baru ini.

Majlis Menandatangani MOU di antara Jabatan Radio Televisyen Brunei yang ditandatangani oleh Pengarah Radio dan Televisyen Brunei, Pengiran Dato Paduka Haji Ismail dan Jabatan Ukur yang ditandatangani oleh Juruukur Agung, Pengiran Haji Metussin serta Awang Nawas Ukoi, Setiausaha Brunei Institute of Geomatics (BIG) berlangsung di Studio 'A' RTB.

Kuiz 'Kenali Tanah Airku' pada mulanya dianjurkan sempena Ekspo Joho Emas Jabatan Ukur 2002 yang bertemakan 'Perintis Jalan' atau dalam bahasa Inggeris 'Leading The Way' direka bentuk untuk memberi tekanan kepada pengetahuan

Oleh
Awangku Jefferi PD

ilmu alam fizikal negara, di samping menampilkan peralatan-peralatan ukur dan teknologi-teknologi yang berkaitan.

Kuiz ini juga dihosratkan untuk merintis bantuan kepada generasi muda kita khususnya yang masih di bangku sekolah serta untuk menarik minat dan meluaskan minda para penuntut agar mereka lebih cekaik ke arah mengenali negara sendiri.

Kuiz 'Kenali Tanah Airku' 2003 yang dianjurkan bersama oleh Jabatan Ukur, Kementerian Pembangunan dan Radio Televisyen Brunei serta didukung oleh BIG yang memberikan sumbangan bagi keseluruhan rancangan berjumlah \$20,000.00 akan dijalankan sebanyak tujuh rancangan yang mana ianya akan disiarkan melalui Televisyen Brunei pada setiap

hari Jumaat jam 2.30 petang bermula pada 4 Julai 2003, sementara peringkat akhir diadakan pada 14 Jun 2003 bertempat di Dewan Digadong. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Berakas.

Pertandingan tersebut terbuka kepada sekolah-sekolah menengah kerajaan dan misi di seluruh negara iaitu bagi penuntut-penuntut tingkatan 4 dan 5. Setiap pasukan/sekolah hanya dibenarkan menghantar satu pasukan sahaja untuk menyertai kuiz tersebut, sementara bahasa pengantar soalan kuiz ialah dalam bahasa Melayu, soalan-soalan pula adalah berbentuk ilmu Alam dan Sejarah khusus mengenai Negara Brunei Darussalam.

Perjanjian ini ditandatangani bagi tempoh selama tiga tahun (2003, 2004 dan 2005). Untuk tahun 2004 dan 2005 Kuiz 'Kenali Tanah Airku' akan menambah bilangan rancangan ini dengan merakam peringkat saringan.

JPM pusat penyelaras bagi semua agensi kerajaan

Oleh Samle HJ

GADONG, 7 Jun. - Sebagai agensi utama dalam kerajaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mempunyai misi untuk memberi bimbingan dan kepimpinan yang tegas serta berwibawa dalam jentera kerajaan selaras dengan matlamat dan aspirasi negara seperti yang sering ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

JPM juga menjadi pusat penyelaras bagi semua kementerian dan agensi kerajaan sebagaimana ia bersangkut-paut dengan dasar-dasar kerajaan dan pelaksanaan dasar-dasar tersebut.

Perkara itu dijelaskan

oleh Pegawai Pentadbir Tingkat 1, JPM, Awang Mohd. Bahrian bin Dato Paduka Haji Hamzah kepada peserta Kursus Graduan Yang Baru Berkhidmat di Institut Perkhidmatan Awam.

Menurutnya, JPM juga adalah agensi sebagai pusat dalam pengurusan dan pentadbiran kerajaan dan dalam perkhidmatan awam, selain berfungsi bagi menentukan dasar-dasar perkhidmatan awam, tatacara pentadbiran dan garis-garis panduan serta juga pengeloaan peraturan-peraturan berkenaan.

JPM juga secara langsung bertanggungjawab

dalam fungsi-fungsi bagi memelihara undang-undang dan keamanan, keselamatan dalam negeri, persidangan-persidangan. Majlis Mesyuarat Kabinet dan Mesyuarat Diraja, majlis-majlis berucap dan adat istiadat negara, audit kerajaan, pengurusan dan mengawalselia industri hidrokarbon.

Tanggungjawab JPM juga meliputi penguatkuasaan undang-undang, mencegah rasuah dan penyalahgunaan dadah, mengawalselia industri penyiaran, penerangan dan media massa selain menyediakan perkhidmatan pentadbiran dan perkhidmatan bantuan untuk Pejabat Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Pejabat Pe-

nasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia di Jabatan Perdana Menteri.

Dalam tahun 1984, JPM mempunyai 10 buah jabatan di bawah pengurusanannya dan kini terdapat sebanyak 21 buah jabatan di bawahnya.

Seramai 18 graduan yang baru berkhidmat menyertai kursus selama lima minggu yang dikendalikan oleh IPA yang antara lain bagi memberi pendedahan mengenai tugas dan tanggungjawab di kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Sepanjang kursus, para peserta berbincang secara berinteraksi dan dibawa menyaksikan fungsi dan peranan jabatan-jabatan kerajaan.



PEGAWAI Pentadbir Tingkat 1, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Bahrian ketika mengendalikan Kursus Graduan Yang Baru Berkhidmat di Institut Perkhidmatan Awam. - Gambar oleh Haji Masmaleh HMA.

Maktab DPMMB juara Pertandingan Bahas

BANDAR SERI BEGAWAN, 14 Jun. - 'Ledakan Teknologi Moden Lebih Banyak Mendatangkan Masalah Daripada Menyelesaikan Masalah' merupakan tajuk bahas yang telah diadakan baru-baru ini. Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah sebagai pihak pencadang telah muncul sebagai juara dalam Peraduan Bahasa Bahasa Melayu Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Ke-31 Peringkat Negara.

Pertandingan Bahas Bahasa Melayu yang dianjurkan bersama oleh Kementerian Pendidikan dan Radio Televisyen Brunei (RTB) dan diketuai oleh Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, disertai oleh 24 buah sekolah-sekolah menengah dan maktab-maktab.

Dalam peraduan akhir

Oleh
Awangku Jefferi PD

yang berlangsung di Dewan Raya RTB, Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah

muncul juara setelah menewaskan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin selaku pihak penyanggah.

Awang Hamid bin Aji dari Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah terpilih sebagai pembahas

terbaik dalam peraduan tersebut.

Hadiah-hadiah telah disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohammad.



GEMBIRA DAN BANGGA ... Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah menjadi juara Peraduan Bahasa Bahasa Melayu Sekolah-sekolah Menengah dan Maktab-maktab Ke-31 Peringkat Negara, sementara Awang Hamid bin Aji (dua dari kanan) muncul sebagai Pembahas Terbaik pada tahun ini.



MAKTAB Sultan Omar Ali Saifuddin selaku pihak penyanggah menerima hadiah dari tetamu kehormat, Setiausaha Tetap Kementerian Pendidikan, Sheikh Haji Adnan bin Sheikh Mohammad.

Amalkan minat suka membaca

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 12 Jun. - Kanak-kanak sekolah baik di peringkat rendah atau menengah diseru supaya sentiasa mengamalkan minat suka membaca sama ada melalui bahan-bahan bacaan bercetak atau melalui media elektronik seperti internet.

"Dengan mengamalkan membaca, pelajar-pelajar akan dapat menambah ilmu pengetahuan, meningkatkan daya imaginasi, di samping sebagai modal untuk menghadapi peperiksaan," kata Datin Hajah Asmah.

Penolong Pengarah Sekolah-Sekolah Bukan Kerajaan membuat seruan itu ketika berucap di Peraduan Mari Bercerita 2003 Sekolah-sekolah Bukan Kerajaan Brunei-Muara (Peringkat Sariangan).

Majlis tersebut diadakan pada tadi di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) di mana DBP juga selaku penganjur peraduan itu, sementara Sekolah Nusa Laila Puteri mengendalikan peraduan pada tahun ini.

"Murid-murid juga digalakkan supaya akan meluaskan masa mengunjungi perpustakaan untuk membaca selain membuat rujukan dan mengikuti aktiviti-aktiviti yang berfaedah seperti Mari Bercerita, Peraduan Mengarang dan Melukis khasnya ketika cuti penggal sekolah," katanya.

Beliau menambah, dengan itu nanti murid-murid akan dapat menghindarkan diri dari kegiatan-kegiatan sosial yang tidak diinginkan.

Pada masa ini jelasnya, orang ramai tidak digalakkan melancong ke luar negeri atau ke negara-negara tertentu kerana untuk mengelakkan dari jangkitan wabak Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS), jadinya gunakanlah peluang keemasan itu untuk berkunjung ke perpustakaan.

Seramai 10 orang murid dari 10 buah sekolah rendah bukan kerajaan Brunei-Muara menyertai peraduan itu.

Peraduan serupa juga diadakan bagi sekolah-sekolah rendah kerajaan yang objektifnya bagi memupuk minat suka membaca di kalangan kanak-kanak supaya dapat meningkatkan daya imaginasi mereka, di samping bertujuan bagi melatih kanak-kanak supaya berani berucap di khalayak ramai.

PERTANDINGAN BERCUCUL PINTU-PINTU GERBANG

BANDAR SERI BEGAWAN.- Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Kerja Raya seperti di tahun-tahun yang sudah akan mengadakan Pertandingan Bercucul Rumah-rumah Kampong Ayer/Darat dan Bangunan Swasta serta Pintu-pintu Gerbang bagi Daerah Brunei dan Muara.

Pertandingan itu diadakan sempena Sambutan Perayaan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-57 bagi tahun 2003.

Orang ramai yang berminat untuk menyertai acara ini supaya akan dapat mengambil borang di tempat-tempat berikut:

a. PERTANDINGAN BERCUCUL BAGI RUMAH-RUMAH KAMPONG AYER/DARAT DAN BANGUNAN SWASTA

1. Bahagian Pentadbiran Tingkat 3, Ibu Pejabat Perkhidmatan Elektrik, Bangunan Jabatan Perkhidmatan Elektrik & Jabatan Kemajuan Perumahan, Lapangan Terbang Lama, Berakas.

2. Bahagian Lejar, Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Berakas.

3. Cawangan Elektrik, Sengkurong atau

4. Cawangan Elektrik, Muara.

b. PERTANDINGAN PINTU-PINTU GERBANG

Setiausaha Peraduan Pintu Gerbang, Jabatan Perkhidmatan Bangunan, Bahagian Pengurusan Bangunan, Jabatan Kerja Raya, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas.

Tarikh penerimaan akhir borang-borang ini ialah pada hari Sabtu 12 Julai 2003 jam 3.30 petang. Sebarang pertanyaan mengenai pertandingan ini bolehlah berhubung terus:

Setiausaha Pertandingan Bercucul Bagi Rumah-rumah Kampong Ayer, Darat dan Bangunan Swasta, Bahagian Pentadbiran, Jabatan Perkhidmatan Elektrik. No. telefon: 2382090 sambungan 499 dan 407.

Setiausaha Peraduan Pintu Gerbang, Jabatan Kerja Raya. No. telefon: 2382920 sambungan 179 dan 260.



PENOLONG Pengarah Sekolah-Sekolah Bukan Kerajaan, Datin Hajah Asmah (dua dari kanan) hadir selaku tetamu kehormat di Majlis Peraduan Mari Bercerita 2003 Sekolah-sekolah Bukan Kerajaan Brunei-Muara (Peringkat Sariangan). Majlis berlangsung di Balai Sarmayuda, Dewan Bahasa dan Pustaka. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.



PERADUAN Mari Bercerita 2003 mendedahkan para pelajar kepada sikap suka membaca bagi menambah ilmu pengetahuan. Gambar kiri, seorang pelajar yang menyertai Peraduan Mari Bercerita 2003, sementara gambar kanan, para pelajar yang sama-sama hadir di majlis tersebut. - Gambar oleh Mohd. Zul-izzi HD.

Membentuk Kehidupan

Masa Depan



Persekitaran Yang Sihat
Untuk Kanak-Kanak

Hari Kesihatan Sedunia
7 April 2003



Kementerian Kesihatan
Negara Brunei Darussalam

Persekitaran Yang Sihat Untuk Kanak-kanak



- † Amalkan penggunaan tali pinggang keselamatan dan tempat duduk yang khas untuk anak-anak awda semasa memandu.
- † Jangan isikan bekas botol minuman dengan racun atau ubat-ubatan.
- † Pastikan ubat-ubatan dan racun yang digunakan disimpan ditempat yang selamat dari anak-anak awda.
- † Jangan biarkan anak-anak awda bersendirian di kawasan perairan seperti kolam, sungai dan pantai tanpa pengawasan.
- † Pastikan kolam renang dipagar atau diawasi dan anak-anak awda diajar berenang.
- † Jauhkan beg-beg plastik, peralatan yang tajam dan benda-benda kecil daripada anak-anak awda.
- † Elakkan anak-anak awda daripada bermain dengan wayar atau soket letrik yang terdedah.
- † Elakkan anak-anak awda daripada bermain di dapur, dekat tambak atau dengan api.
- † Pastikan anak-anak awda tidak terdedah kepada pencemaran udara dalam bangunan atau rumah, terutamanya asap rokok.

HUJAN yang tadinya turun dengan lebat beransur reda. Kini hujan hanya seperti manik-manik kecil yang berjatuhan di atas lantai. Di kesempatan itu bila ketiadaan Usu Yahyalah, Rahmat akan berani bermain air hujan dan melompat riang di lopak yang dipenuhi air hujan.

"Hui! Anak sial! Ini kerja kamu ya... kotorkan seluar, baju... lepas tu Usu Linda kamu jadikan orang gaji basuhkan pakaian kamu. Anak tak sedarkan diri!"

Rahmat dikejutkan oleh suara parau Usunya. Dilihatnya Usunya sudah mencapai ranting sebesar jari kelingking. Rahmat sudah arif tentang itu.

Tanpa membuang masa, Rahmat terus langkah seribu. Sememangnya ia sering tewas mempertahankan diri. Apakah daya, ia seorang budak. Ia cuma mempertahankan diri melalui hati dan perasaan. Rahmat akan berusaha mencari tempat bersembunyi.

"Rahmat, Usu kira sampai tiga," begitulah ugutan yang sering Yahya buat untuk menakutkan anak saudaranya.

Belum pun Yahya sempat menghitung, Rahmat pun keluar dari persembunyiannya. Jika tidak, mungkin ia menerima hukuman yang lebih berat dari itu.

Yahya sedikit tersenyum melihat anak saudaranya patuh akan perintahnya. Begitu kerdil Rahmat di atasnya. Dengan itu ia boleh menghukum Rahmat sesuka hati. Untuk melepaskan segala kemarahannya.

Rahmat sudah berhadapan dengan ayah saudaranya. Dengan perlahan Rahmat mengangkat tangan kiri dengan penuh debaran. Entah berapa kalikah telapak tangannya dirotan hanya kerana bermain hujan dan mengotorkan seluar dan bajunya.

Itu sudah rutin dalam hidup seharian Rahmat. Sedangkan kelmarin ia telah menghulurkan tangan kanan untuk dihukum. Itupun bukan kerananya juga anak bongsu ayah saudaranya jatuh dari kerusi kerana kenakalan sendiri. Dahinya benjol. Yahya geram dan marah betul dengan Rahmat kerana biarkan adik jatuh. Kononnya Rahmat balas dendam.

"Adik jatuh, Rahmat juga kau salahkan, Yahya. Macam mana Rahmat nak jaga anak kamu, sedangkan kamu tidak benarkan Rahmat sentuh anak kamu. Konon Rahmat pembawa sial..."

Mak Taibah marah betul dengan tindakan Yahya menghukum Rahmat.

"Walaupun saya tak benarkan, mak, Rahmat harus berfikir untuk keselamatan adik," Yahya sanggup bertekak dengan ibunya demi kepentingan perasaannya.

"Kalau kamu tahu itu untuk keselamatan, mengapa kamu tidak berfikir untuk keselamatan Rahmat, Yahya?" Mak Taibah meninggikan sedikit suaranya.

Yahya menumbuk tangannya ke dinding rumah menahan marah. Dia tidak berpuas hati lantaran hukumannya terhadap Rahmat telah ditentang habis-habisan oleh ibunya.

Lima kali sebat, itu belum mencukupi bagi Yahya. Walau sedegil mana pun, Yahya akhirnya mengalah.

"1... 2... 3... 4... 5... 6... 7... 8... 9... 10... sebe..." sebelum rotan yang kesebelas jatuh di telapak tangan kiri Rahmat, rotan itu dipegang kuat dari arah belakang.

Sebaik Yahya menoleh, ibunya sudah bersedia berhadapan dengan Yahya yang dianggapnya keterlaluan.

"Jangan halang saya menghukum Rahmat, mak. Dia akan memijak kepala kita jika kita biarkan kenakalannya," cetus Yahya sambil memandang penuh dendam pada Rahmat.

"Cukuplah tu, Yahya. Jangan dera dia. Kalau kamu tak puas, emak sanggup jadi ganti," Mak Taibah sudah menghulur tangan kirinya.

Tiba-tiba rotan yang hujungnya sudah berkecai itu terlepas. Lalu jatuh ke atas lantai yang beralaskan tikar getah berwarna hijau muda.

Yahya berlalu begitu sahaja tanpa rasa bersalah.

Di bahagian dapur, isteri Yahya menggigit bibir menahan geram berpanjangan. Kerana ibu mertuanyalah yang asyik mengacau hukuman itu. Sudahlah dia cukup asyik dengan kegarangan suaminya tadi. Akhirnya suaminya tewas juga di tangan ibunya. Linda bagai berdendam pada Rahmat.

"Maafkan nenek, Mat. Nenek tak sempat mempertahankan kamu."

Mak Taibah menangis sedih dan merasa kesal. Apa lagi melihat telapak tangan Rahmat menggeletar menahan sakit teramat.

Tiba-tiba di pipi tuanya menerima sentuhan dari cucunya. Tangan kanannya digerak-gerakkan yang mengatakan bahawa neneknya tidak bersalah dalam hal itu. Yang salah adalah dirinya sendiri.

Mak Taibah memeluk erat tubuh cucunya penuh rasa hiba.

"Mat, pergi mandi. Untuk malam ni, Mat tak usah bimbang. Sebelum nenek balik tadi, Makkik Zaiton ada bungkuskan nasi lemak kegemaran Mat."



RAHMAT

OLEH ENNY ENG S.

Mak Taibah seperti memujuk cucunya yang nampak sedih. Dalam kesedihan, Rahmat mengukir senyum menampilkan lesung pipinya.

Setelah tuala dicapai, Rahmat beredar ke bilik mandi. Dengan air mata yang masih bergenang, Mak Taibah melemparkan pandangannya ke arah cucunya yang melangkah perlahan.

"Sebelum anak sial ni terus membawa sialnya, eloklah kita buang saja, mak!"

Yahya sudah membuat keputusan muktamad. Bayi yang baru lahir itu ditatap penuh rasa benci.

"Linda pun setuju apa yang Abang Yahya putuskan, mak. Sebelum terlambat, eloklah mengambil langkah berjaga. Nanti tidaklah menyesal!" Lantang sungguh suara Linda menyuarakan sokongannya.

"Kamu sedarkah apa yang kamu cakap dan fikirkan, Yahya? Linda? Kamu ingat anak ini patung yang tak ada nyawa? Atau ibaratkan dia seperti sampah, yang hendak

dibuang sesukanya. Tetapi dia bukan sampah atau anak patung. Dia ada nyawa. Satu-satunya waris Alisah dan Tassim. Kita diamanatkan untuk melindunginya, bukan untuk membunuhnya!"

Mak Taibah bertegang urat dengan Yahya dan isterinya demi melindungi cucunya yang baru lahir itu.

"Anak ini pembawa sial, mak..." Yahya masih berdegil.

"Siapa kata dia sial, Yahya? Itu rekaan kamu sahaja!" Mak Taibah meninggikan suaranya demi mempertahankan hak cucunya untuk hidup.

Sesungguhnya ia tidak berdosa. Sememangnya juga itu kewajipannya selaku seorang nenek.

"Tak sial kata emak... Kak Alisah meninggal ketika melahirkannya. Lepas tu suami Kak Alisah meninggal dalam kemalangan. Ini semua sial anak ini!" Yahya mati-mati menuduh bahawa Rahmatlah puncanya.

"Itu bukan sial anak ini, Yahya. Tuhan lebih sayangkan Alisah dan Tassim."

Mengalir air mata Mak Taibah ketika cuba memperbetulkan pemikiran Yahya dan Linda. Tetapi mereka tetap menuduh.

"Emak tak paksa kamu membela anak ni macam anak sendiri. Aku neneknya. Selagi emak masih hidup, emak takkan biarkan hidupnya merempat."

Akhirnya keputusan itu yang terputus di bibir Mak Taibah.

Sekeras mana pun bantahan Yahya dan Linda, mereka terpaksa akur dengan pendirian Mak Taibah. Sehingga ke hari itu Linda menaruh dendam terhadap Rahmat. Linda akan mengapi-apikan kemarahan suaminya terhadap Rahmat. Pun begitu, Mak Taibah tetap berusaha melindungi cucunya itu.

Daripada hari ke hari, bulan ke bulan, muncul pula tahun ke tahun sehingga sekarang Rahmat membesar dalam kasih dan sayang neneknya.

Selain neneknya tiada siapa lagi.

Sehingga Yahya mendapat anak tiga pun, Yahya tidak membenarkan anaknya bermain dengan Rahmat.

"Yahya... Linda... Kamu orang tua. Sebagai orang tua, janganlah seperti budak-budak. Tak elok kamu ajar anak-anak kamu membenci dan mengejek Rahmat. Kasihan dia," Mak Taibah merayu.

CERPEN

DI BAHAGIAN dapur, isteri Yahya menggigit bibir menahan geram berpanjangan. Kerana ibu mertuanyalah yang asyik mengacau hukuman itu. Sudahlah dia cukup asyik dengan kegarangan suaminya tadi. Akhirnya suaminya tewas juga di tangan ibunya. Linda bagai berdendam pada Rahmat.

Lihat muka 13

PUISI

SEORANG PEREMPUAN...

Seorang perempuan...
dimak-badat tengkurap
dilambung ombak
tangan terkapai
bagai mencari arah
kenangan membentang sabar
tetapi masih jua pamarah.

Seorang perempuan
terduduk
meresahkan gulahnya
bagai menikir
kilauan mentari pagi
apakah hingga senja nanti
dirinya masih di sini.

Hajah Rofiah Bakar

BICARA MALAM

Malam ini malamku
nyatanya malam ini
milik kelmari malam
keranaku tak sanggup untuk
mengungkapkan
betapa kuterpegang
pada semasa bicaraku
kelmarin malam.

Aku ingin kau tahu
telah kuzatipkan
sisa-sisa bicara
kelmarin malam
pada malam ini
sekalipun ternyata
kau tak tau aku
kerana itu bagiku tidak perlu.

Malam ini kucari keyakinan
bahawa malam ini
tetap malam ini
nyatanya
malam ini adalah malam kelmari
malam jua
bicara dan hati
masih samar
tanga mengenali.

Dan kelmari malam
membuatku
kian tak mengerti
kenapa malanku tak jua berubah
mudah-mudahan
malam ini hanya
fasanorgana kelmari malam.

Lantas akan kudapati
berjuta-juta bintang
berkilauan di awan
yang tak terjangkau oleh tangan.

Ayu Mastika

IBU

Betapa besar pengorbananmu
betapa besar jasmu
sehingga engkau menjadi insan
yang amat kuzakini.

Ibu engkau adalah inspirasi
tanpa pengorbananmu
sehingga kini ku tak mampu
mengecapai kejayaan ini.

Ibu...
aku serantau berisik kerana tercipta
insan sepertimu, yang terkorban
aga naja untuk anakmu ini
tak mampu anakmu untuk membalas
segalanya.

Ibu
terima kasih atas segalanya
akan kubalas jasmu ini
dengan segala kejayaan yang kukecapai itu.

Nurkash

JANGAN KAU SANGKA

Janga kau sangka
hidup ini main-main
boleh dicuba-cuba.

Sekali kau terantuk
selamanya kau keresahan
merana dalam kenangan.

Rahim M.S.

MUTIAKUKU

Di antara hitamnya aspal ini
bergolek sebutir kerikil
di antara hembusan angin dingin
terdampar sepi
singgah di hati kecilku.

Di antara riak air telaga itu
terkisahkan sebuah cerita utang
serpihan cerita dari ceritamu
dari sepanjang musim bunga padi
berdaun lalang
ada sesuatu yang kini tertinggal
dalam bisik dalam kelam
mutiara suci terkubur di pasir
mutiara putih jatuh ke laut
kini tenggelam
yang ada hanya serpihan cerita lama
terpaku terpehat
di dada yang tua.

Ceritaku dari ceritamu
menjadi sebuah kenangan silam
hingga ke saat ini
ingin kuhayati
kuciptakan ribuan puisi
di sana kusurahkan kata hati
biar mutiara terkubur di pasir
biar mutiara tenggelam di lautan dalam
mutiara suci tetap di hati
walaupun jauh kan kadekati
sekali pun hanya dalam khayalan sepi.

Erra28

KEHIDUPAN SEPERTI OMBAK

Ombak resah
beralan-alan memanduk
kemudian tinggi semula
aku leka dibuat anan
ombak bergelora
ombak besar datang memukul
batu besar di hujung pantai
ombak itu pecah berderai
tetapi batu pejal itu tetap gagah
berkumpullah buih-buih putih
selepas badai melanda
putih yang tercemar.

Kehidupan tidak abah seperti ombak
bergelora sepanjang masa
hidup manusia tidak pernah
terlepas daripada masalah
seperti ombak yang menghempas
di batu itu akan pecah berderai
yang tinggal hanyalah ombak
yang telah bernukar menjadi
buih-buih kecil
buih-buih semangat untuk
menghargai kehidupan
yang maha dalam.

Dizahan2

Dari muka 12

Seingatnya, hanya dia seorang sahaja yang mengambal berat akan perasaan Rahmat.

"Nak kasih sayangkan anak sial tu... jatuh panggang dari api, mak."

Yahya tetap dengan pendiriannya.

"Buat apa bagi muka dengan budak pembawa sial yang bunuh emak bapanya, mak. Kalau tak sial Rahmat, sudah lama Abang Yahya naik pangkat," Linda semakin berani membuka mulut celuparnya.

"Yahya tak naik pangkat pun itu sial Rahmat, Linda? Seingat emak, Yahya bukanlah seorang pekerja yang jujur dan amanah. Kerja sehari-hari, Yahya sering curi tulang. Pergi kerja selalu lambat. Pulangnya pula lebih awal. Adakah pekerja seperti Yahya harus dinaikkan pangkat?"

Mak Taibah berlalu setelah menghurai pekong di dada. Hatinya betul-betul terhisir bila mana Rahmat sering dipersalahkan dalam semua hal.

"Encik Yahya, anak buah Encik Yahya tu harus diberi ilmu pengetahuan. Dengan itu tidaklah ia terasa disisihkan. Dengan itu juga ia boleh berjaya dalam hidup dan demi masa depannya," ujar Cikgu Ramli semasa berpeluang berbual dengan Yahya ketika Hari Ibu Bapa diadakan di sekolah kampung itu.

"Budak sial tu tak boleh buat apa-apa, cikgu. Dia hanya tahu menyusahkan. Hanya tahu makan, tidur dan bermain. Cakap ah eh, ah eh..."

Yahya mula buka kemarahan tak tentu pasal. Sedikit pun tak rasa malu dengan Cikgu Ramli.

Lepas itu Yahya tak senang duduk. Terus pulang ke rumah dengan perasaan marah. Yahya benci betul bila ada orang yang cuba mengambil berat mengenai anak saudaranya itu.

Cikgu Ramli cukup kecewa dengan sikap Yahya. Yahya seorang yang tidak bertanggungjawab. Akhirnya Cikgu Ramli berjumpa dengan Mak Taibah.

Disampaikan rasa keprihatinannya terhadap nasib Rahmat. Mak Taibah menangis terharu bila cucunya mendapat perhatian dari Cikgu Ramli.

Dengan rela hati Mak Taibah melepaskan Rahmat berhijrah ke bandar. Rahmat telah menjadi keluarga angkat Cikgu Ramli.

Selang beberapa minggu, Mak Taibah dibawa oleh Cikgu Ramli ke bandar kerana Rahmat merindui neneknya.

Di bandar, Rahmat mula belajar bahasa isyarat. Begitu juga dengan Mak Taibah. Meskipun agak sukar di permulaannya, Mak Taibah berusaha sebaik mungkin. Ini untuk kemesraan antara dia dan cucunya.

Setelah Rahmat dan Mak Taibah tahu menggunakan bahasa isyarat, cara berkomunikasi pun lebih sempurna.



"ENCIK Yahya, anak buah Encik Yahya tu harus diberi ilmu pengetahuan. Dengan itu tidaklah ia terasa disisihkan. Dengan itu juga ia boleh berjaya dalam hidup dan demi masa depannya," ujar Cikgu Ramli semasa berpeluang berbual dengan Yahya ketika Hari Ibu Bapa diadakan di sekolah kampung itu.

dan difahami.

Mak Taibah cukup berterima kasih di atas kebaikan keluarga Cikgu Ramli. Kalau tidak mereka, mungkin Rahmat sentiasa dalam kegelapan.

Dari hari itulah kehidupan Rahmat lebih bermakna.

Setelah cuti persekolahan bermula, Mak Taibah dan Rahmat pun pulang ke kampung.

Kedatangan Rahmat masih disambut hambar oleh Yahya dan Linda.

Mak Taibah geleng-geleng kepala tanda kesal dengan sikap Yahya dan isterinya.

Puas sudah Mak Taibah menerangkan secara terperinci mengenai kepentingan bahasa isyarat. Tetapi Yahya dan Linda bagai sudah tuli telinga.

Tengah hari itu Linda membawa anak-anak ke rumah jiran. Kerana rasa bencinya kepada Rahmat. Asyik mengumpat perihal Rahmat, anak bongsunya berusia tiga tahun itu mula bermain di tebing sungai. Kebetulan pula air sungai deras kerana hujan semalaman.

Tiba-tiba anak sulungnya menjerti mengatakan adik jatuh dalam sungai. Barulah Linda dan jiran-jiran riuh dan panik, sedangkan adik dibawa oleh arus deras.

Kebetulan Rahmat lalu di situ. Tanpa banyak fikir akan keselamatan diri Rahmat berlari pantas dan terus terjun ke dalam sungai.

Sekuat tenaga ia cuba mendapatkan adik. Rahmat berjaya mendapatkan adik. Lalu mereka dibawa arus.

Dalam kesempatan itu juga Rahmat berpaut pada dahan pokok yang tumbang semalam. Dengan pantas jiran-jiran memberi bantuan.

Setelah sampai ke tebing, Rahmat diserang oleh Linda. Pipi Rahmat ditempeleng beberapa kali.

Sekali lagi Linda menghayun tangannya. Sebelum tangan itu jatuh ke pipi Rahmat, tangannya dipegang kuat oleh seseorang. Linda menoleh geram.

"Abang..."

Linda terlopong mulut dengan perubahan suaminya itu.

"Kerana sial Rahmatlah, adik jatuh ke dalam sungai," Linda menghasut lagi. Ia cuba mengapi-apikan perasaan suaminya.

"Jangan tuduh Rahmat begitu, Linda. Rahmat bukan budak sial. Dia budak bertuah! Kerana tuahnyalah, anak kita terselamat," keras suara Yahya ketika melahirkan kata-kata itu.

Semua jiran-jiran mengangguk-anggukkan kepala. Bersetuju dengan pengakuan Yahya.

Linda tertunduk malu di atas kelalaiannya sendiri.



سنتياس برسام بيسكيت
Sentiasa Bersama Biskita

سوسونن رنچاغن تيليبيشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

R A B U 25 JUN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI -	4.12	SUSUNAN RANCANGAN	6.35	AZAN MAGHRIB	8.50	DRAMA - AMANAH -	
			Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR :	6.45	SIRAH NABAWIYAH		'Bahu Memikul'	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SIARAN TAMAT	<i>The Adventure Of Marco</i>			9.25	MERENTAS KENANGAN	
		KEBANGSAAN			<i>Gina' - Siri Baru</i>	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG		JUARA - Siaran Langsung	7.00	LIPUTAN SEMASA	10.30	COSBY SHOW - SR. 2	
25 JUN	6.12	RAMPAI PAGI -		5.00	BERITA	7.20	LENSA PELAJAR		'On The Rocks'	
		Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	7.51	AZAN ISYAK	11.00	THE INVESTIGATOR	
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	CAFE DIGITAL	8.00	BERITA NASIONAL	11.50	DOA DAN SIARAN TAMAT

K H A M I S 26 JUN	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.35	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	
			Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR:	6.45	FIQHUL MIRATS	8.50	AN-NUUR - Siaran	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SIARAN TAMAT	THE MAGICIAN/ FRACASSE	MALAM		10.00	Langsung	
		KEBANGSAAN			ON THE BALL			10.30	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	PETANG	5.00	RESTORING LIFE AND	7.00	SURAH-SURAH PILIHAN	11.00	DRAMA - 'Melarik Kasih'	
26 JUN	6.12	RAMPAI PAGI -		5.30	LIMBS - Siri Baru	7.25	WARTA ISLAM		WAYANG PILIHAN -	
		Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN		7.51	AZAN ISYAK	12.00	'Shutterspeed'	
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN	5.45	BERITA			DOA DAN SIARAN TAMAT	

J U M A A T 27 JUN	PAGI	11.15	SENI WARISAN - Siri Baru		BRUNEI - 'B' LEAGUE	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL	
			BERITA	2.30	DINAMIK	6.00	SYIAR MASJID	9.00	TABIR	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.40	JEJAK RASUL SR. 7 -	3.00	PANGGUNG BOLLY-	6.35	AZAN MAGHRIB	9.30	BUSH BEAT
		KEBANGSAAN		Ulangan		WOOD - 'Tun Se Achinna	6.45	BICARA IMAN	10.00	NEWS AT 10
	6.02	MUTIARA FIRMAN	12.15	BRUM		Baun Hai'			10.40	KHUTBAH JUMAAT
27 JUN	6.12	RAMPAI PAGI -	12.30	SEMBAHYANG FARDU		MALAM		10.50	LIGA KEBANGSAAN	
		Siaran Langsung		JUMAAT- Siaran Langsung	3.50	AZAN ASAR			BRUNEI 2003 - 'B'	
	9.00	BERITA	PETANG		3.52	TAYANGAN GAMBAR	7.00	LIPUTAN SEMASA	11.20	LEAGUE
	9.15	RAMPAI PAGI -				- Sambungan	7.20	FEMINA		TELEDRAWA -
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.30	VISI SUCI	5.15	TOMORROW'S WORLD	7.51	AZAN ISYAK	12.50	'Berpantang Maut'
28 JUN	10.15	SESAME STREET	2.00	LIGA KEBANGSAAN					DOA DAN SIARAN TAMAT	

S A B T U 28 JUN	PAGI	10.10	ANIMATION HOUR:	12.29	DOKUMENTARI -	3.25	SMALLVILLE	MALAM		
			CLAMITY JANE/ STREET SHARKS		Sambungan	3.50	AZAN ASAR	7.00	DUNIA ASIA	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU		PETANG		4.15	BEYOND 2000	7.25	THE UNREAL	
		KEBANGSAAN	11.00	BIOLOGIC		4.45	ANIMATION : ENGMA	7.51	AZAN ISYAK	
	6.02	MUTIARA FIRMAN	11.30	BERITA	1.00	PANGGUNG PETANG	5.45	BERITA	8.00	BERITA NASIONAL
28 JUN	6.12	RAMPAI PAGI -	11.40	DRAMA - 'Antara Dua Hati'		SABTU - 'Getting To Know	5.55	SAFARI SCHOOL	10.00	HIBURAN HUJUNG
		Siaran Langsung		- Ulangan	2.30	You'	6.36	AZAN MAGHRIB	10.30	MINGGU
	9.00	BERITA	12.15	DOKUMENTARI :		TINJAUAN - Ulangan	6.45	PEDOMAN AQIDAH	12.00	NEWS AT 10
	9.15	RAMPAI PAGI -		'Suku Kaum Lahanan'	3.00	WEIRED TV			10.30	TAYANGAN GAMBAR -
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	12.24	AZAN ZUHUR					11.00	'Murder In A College Town'
A H A D 29 JUN	PAGI	10.10	SESAME STREET	1.45	CGU ASIAN BOWLING -		'Kebajikan Kanak-Kanak'	MALAM	DOA DAN SIARAN TAMAT	
			PADA SUATU HARI SR. II	2.40	'Singapore - Men'	5.00	JUARA -	7.00	BRUNEI SIUK	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	11.30	BERITA		ROSEWELL - 'Samuel		7.52	AZAN ISYAK	
		KEBANGSAAN	11.40	SUNDAY MATINEE -	3.25	Rising'	5.35	TOYOTA WORLD OF	8.00	BERITA NASIONAL
	6.02	MUTIARA FIRMAN		'Albert'	3.51	MASAK APA?		WILDLIFE	8.50	TIRAI KELUARGA -
29 JUN	6.12	RAMPAI PAGI -	12.25	AZAN ZUHUR	4.00	ANIMATION - 'The Wacky	6.15	THAT'S MY BABY	10.00	'Pakis'
		Siaran Langsung			4.30	World Of Tex Avery'	6.36	AZAN MAGHRIB	10.30	NEWS AT 10
	9.00	BERITA	PETANG			KAUNSELING		AT TIBBUL ISLAM	11.00	TIRAI KELUARGA
	9.15	RAMPAI PAGI -				MASYARAKAT -	6.45		11.50	- Sambungan
	10.00	SUSUNAN RANCANGAN	1.20	SPORT PAGE						GUINNESS RECORDS :
I S N I N 30 JUN	PAGI		Sambungan	4.15	ANIMATION HOUR : CAR-	6.45	BIMBINGAN KELUARGA	8.50	PRIME TIME	
			SIARAN TAMAT		TOUCHE PRINCE OF THE				DOA DAN SIARAN TAMAT	
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SIARAN TAMAT		STREET/BOB MORANE	MALAM			
		KEBANGSAAN		PETANG	5.15	SUKAN GLOBAL	7.00	LIPUTAN SEMASA	9.25	INFOSIHAT - Siri Baru
	6.02	MUTIARA FIRMAN	4.00	LAGU KEBANGSAAN	5.45	BERITA	7.25	GELAGAT MENUMPAH	10.00	NEWS AT 10
30 JUN	6.12	RAMPAI PAGI - Siaran	4.02	MUTIARA FIRMAN	6.00	ENDANGERED	7.52	AZAN ISYAK	10.30	GREAT QUAKES - 'Kobe,
		Langsung	4.12	SUSUNAN	6.36	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL	11.20	Japan'
	9.00	BERITA		RANCANGAN					11.50	LAUGH YOURSELF SILLY
	9.15	RAMPAI PAGI -								DOA DAN SIARAN
										TAMAT

S E L A S A 1 JUL	PAGI	9.15	RAMPAI PAGI -	4.10	SUSUNAN RANCANGAN	6.36	AZAN MAGHRIB	8.00	BERITA NASIONAL		
			Sambungan	4.15	ANIMATION : 'UNDER	6.45	AL-ISLAM	8.50	TINJAUAN		
	6.00	PEMBUKAAN/LAGU	10.00	SIARAN TAMAT	NEPTUNE'S FLAG'			9.20	E2K - DUNIA KOPERASI		
		KEBANGSAAN		PETANG	5.00	NATURAL HISTORY -	MALAM		10.00	NEWS AT 10	
	6.02	MUTIARA FIRMAN			<i>In Search Of The Moa'</i>	7.00	DRAMA - 'Meniti Benang	10.30	ER - 'Sand And Water'		
1 JUL	6.12	RAMPAI PAGI -		5.45	BERITA		Sutera' - Ulangan	11.30	MDA - 'When it Rains, It		
		Siaran Langsung	4.00	LAGU KEBANGSAAN	6.05	DRAMA - 'Nekad' -	7.30	DOKUMENTARI		Pours'	
	9.00	BERITA	4.02	MUTIARA FIRMAN		Ulangan	7.52	AZAN ISYAK	12.20	DOA DAN SIARAN TAMAT	

Pasukan Polis peka trend jenayah



PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Muara, Superintendan Pengiran Kamaluddin bin PSR Pengiran Haji Jaya meminta AJK Pengawasan Kejiranan Kampung di kawasan itu supaya sama-sama membantu membanteras kegiatan yang menyalaui undang-undang.

GADONG 13 Jun. - Pasukan Polis Diraja Brunei yang berperanan sebagai agensi penguat kuasa undang-undang sangat peka kepada perkembangan trend jenayah yang dilakukan oleh pihak tertentu.

Jenayah pecah kereta, pecah rumah dan curi, penyeludupan barang-barang tegahan, kegiatan antisosial merupakan antara beberapa jenayah yang kerap dilaporkan.

"Jenayah yang sophisticated seperti jenayah perdagangan, skim cepat kaya serta pemalsuan dokumen perjalanan juga dilaporkan, bagaimanapun dapat ditangani segera oleh pihak polis," jelas Timbalan Pengarah Siasatan Jenayah I, Superintendan Kanan Abdul Rahim bin Haji Mohd. Noor di Majlis

Perjumpaan Pegawai Kanan Polis Bersama Ahli-ahli Jawatankuasa (AJK) Pengawasan Kejiranan Kampung seluruh negara, di Ibu Pejabat Pasukan Polis Diraja Brunei, petang tadi.

Katanya, usaha pembanteras jenayah secara total memang satu tugas yang berat dan mencabar tetapi kerjasama AJK Pengawasan Kejiranan Kampung boleh membantu dengan memberi maklumat dan melaporkan kegiatan jenayah kepada polis yang berdekatan.

Beliau juga mengingatkan AJK Pengawasan Kejiranan Kampung bukanlah seorang pegawai polis yang mempunyai bidang kuasa, bagaimanapun sebagai seorang 'civilian' mereka juga diberi kuasa untuk menangkap sesiapa

Oleh
Samle Haji Jait
Gambar-gambar
oleh Pengiran
Rafee PDPHM

yang telah didapati melakukan kesalahan-kesalahan jenayah.

"Kuasa ini memang telah termaktub di dalam peraturan Kanun Jenayah. Cuma apa yang penting ialah tangkapan itu hendaklah berpututan tanpa sebarang kekerasan dan akan menyerahkan kepada balai polis yang berdekatan," jelasnya yang juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Tertinggi Pengawasan Kejiranan Kampung Seluruh Negara.

Pegawai Pemerintah Polis Brunei, Penguasa Polis Kanan Hasnan bin Harris menjelaskan pihaknya telah menerima laporan sebanyak 272 kes jenayah dan 313 kes trafik sejak bulan Januari sehingga Mei tahun ini.

Dari jumlah kes jenayah, kes curi dilaporkan sebanyak 132 kes, 102 kes curi dalam bangunan, curi kereta sebanyak 38 buah, sementara tujuh kes lagi dipindah penyiasatan.

Beliau melahirkan rasa gembira dengan kerjasama yang dihulurkan oleh AJK Pengawasan Kejiranan Kampung di kawasan Kampung Ayer yang sama-sama membantu membanteras jenayah di kawasan itu sehingga merekodkan laporan yang rendah berbanding dari kawasan lain.

Balai Polis Daerah Brunei yang dianggotai



TIMBALAN Pengarah Siasatan Jenayah I, Superintendan Kanan Abdul Rahim bin Haji Mohd. Noor ketika menyampaikan penerangan yang melibatkan kerjasama AJK Pengawasan Kejiranan Kampung.



PEGAWAI Pemerintah Daerah Polis Berakas, Superintendan Haji Mohd. Don menjelaskan 98 kes curi dan pecah rumah dari bulan Januari sehingga April tahun ini telah dilaporkan.



SEBANYAK 272 kes jenayah dan 313 kes trafik sejak bulan Januari sehingga Mei tahun ini direkodkan, jelas Pegawai Pemerintah Polis Brunei, Penguasa Polis Kanan Hasnan bin Harris.



SEBAHAGIAN AJK Pengawasan Kejiranan Kampung yang hadir mendengar taklimat terkini yang bersangkutan dengan keselamatan di kawasan masing-masing.

seramai 301 orang anggota gigih memantau kegiatan lebih 86 ribu penduduk menerusi 11 mukim di Daerah Brunei dan Muara.

Sementara itu, Balai Polis Daerah Muara yang diketuai oleh Superintendan Pengiran Kamaluddin bin PSR Pengiran Haji Jaya meminta AJK Pengawasan Kejiranan Kampung di kawasan itu supaya memasihkan anak buah kampung masing-masing agar tidak membuat kegiatan yang menyalahi undang-undang.

Beliau menjelaskan pihaknya telah mendapati kegiatan jenayah yang dilakukan di situ kebanyakannya oleh mereka yang tidak mempunyai pekerjaan dan mereka yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Dari bulan Januari hingga Mei, Balai Polis Daerah Muara telah mencatatkan sebanyak 93 kes jenayah yang di antaranya ialah kes pukul dan peragadahan.

Sekalipun sejumlah 29 kes kemalangan lalu lintas hanya dilaporkan setakat ini, Superintendan Pengiran Kamaluddin terus mengingatkan agar anak buah kampung di kawasan itu akan sentiasa mengambil langkah berwaspada dari perkara-perkara yang tidak diinginkan lebih-lebih lagi kegiatan yang menyalahi peraturan jalan raya.

Balai Polis Daerah Berakas pula giat memantau kegiatan jenayah di kawasan berkenaan yang didiami oleh lebih 64 ribu orang penduduk.

Menurut Pegawai Pe-

merintah Balai Polis Berakas, Superintendan Haji Mohd. Don, sejak Januari sehingga bulan April tahun ini, sebanyak 98 kes curi dan pecah rumah telah dilaporkan, sementara kes pembantu rumah lari dari majikan juga dilaporkan.

Bagaimanapun dari jumlah kes itu sebanyak 90 tangkapan telah berjaya dibuat yang majoritinya melibatkan golongan remaja di bawah 22 tahun.

Sesi perjumpaan itu memberi peluang kepada semua AJK Pengawasan Kejiranan Kampung untuk bermuzakarah dan mendengar taklimat keselamatan serta bertukar pandangan bersama Pegawai-pegawai Kanan Polis di semua cawangan di Daerah Brunei dan Muara.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

1. Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wai-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolikiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri telah berangkat menghadiri Mesyuarat Tidak Rasmi Menteri-menteri Luar ASEAN di Malaysia Mac lepas. Di manakah berlangsungnya mesyuarat tersebut?

- a) Kota Kinabalu, Sabah
- b) Kuching, Sarawak
- c) Pulau Pinang

2. PADA Konvokesyen Ke-9 Maktab Jururawat PAPRSB tahun ini berapa orang penuntut yang menerima Diploma Kejururawatan Penjagaan Kritikal?

- a) 8 orang
- b) 9 orang
- c) 10 orang

3. Apakah tema walkaton sektor swasta yang lalu?

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

ALAI PINTAR

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dari murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya dihadkan untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang menjawab dengan tepat.
2. PELITA BRUNEI menyediakan hadiah-hadiah menarik seperti alat tulis atau buku-buku.

TARIKH TUTUP

1. Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

Jawapan Alai Pintar keluaran 4 Jun 2003.

1. A. 2. B. 3. 'Memperkasa Insan Dengan Pendidikan Untuk Memaksmumkan Kemampuan'.

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 587

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 587,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Larna, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

PEMENANG ALAI PINTAR KELUARAN 4 JUN 2003

NURRAPIDAH BINTI HAJI MARSAL,
NO. 758 D KAMPONG SERDANG,
JALAN KOTA BATU, BQ 2117.
UMUR: 14 TAHUN
SEKOLAH TINGGI PEREMPUAN RAJA
ISTERI

Tingkatkan prestasi pembelajaran

Oleh
Abdullah Asgar

BERAKAS, 13 Jun. - Pelajar-pelajar khasnya anak-anak anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) diseru agar sentiasa berusaha meningkatkan prestasi pembelajaran serta taat kepada ibu bapa dan agama yang juga merupakan kunci utama kepada kejayaan berterusan.

Mereka juga diingatkan supaya menghindarkan diri dari gejala antisosial yang tidak sihat yang hanya merugikan diri sendiri, keluarga dan masa depan di sebalik harapan ibu bapa agar mereka berjaya.

Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff membuat seruan itu ketika berucap di Majlis Meraikan Anak-anak Istimewa dan Anak-anak Cemerlang Peperiksaan Awam Tahun 2002.

Katanya, janganlah kejayaan yang diperolehi hari ini akan tinggal setakat di sini saja, biarlah ia menjadi sebagai satu langkah pendorong untuk mencapai suatu kejayaan yang lebih cemerlang hingga mencapai cita-cita masing-masing.

"Saya penuh yakin dan

percaya, jika pelajar-pelajar semua menghayati kemandirian serta menghormati ibu bapa atau penjaga dan guru-guru, insya Allah kejayaan itu akan membawa awang-awang dan dayang-dayang ke suatu kejayaan yang lebih jauh di masa akan datang dan akan mendapat berkah daripada apa yang diusahakan itu," jelasnya.

Beliau berseru kepada

pelajar-pelajar semua supaya akan dapat memperingkatkan prestasi yang cemerlang itu demi kejayaan yang lebih menyeronokkan di masa akan datang.

Seramai 21 orang anak-anak anggota ABDB yang cemerlang dalam pelbagai peperiksaan awam menerima anugerah dari Pemerintah ABDB dan isteri, sementara lebih 20 orang pula anak-anak istimewa

anggota ABDB menerima sumbangan dari tetamu kehormat dan isteri.

Anugerah dan sumbangan juga sebahagiannya disumbangkan oleh Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei dan buat julung kalinya majlis semumpama itu diadakan yang akan dijadikan sebagai acara tahunan menjelang sambutan Ulang Tahun Penubuhan ABDB.



PEMERINTAH Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Haji Awang Halbi bin Haji Md. Yusoff menyampaikan anugerah kepada seorang anak anggota ABDB yang cemerlang dalam peperiksaan awam. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Menangani masalah pembuangan sampah di Kampong Ayer

Oleh
Haji Ahmad HS

BERAKAS, 17 Jun. - Penghulu-penghulu dan ketua-ketua kampung selaku pemimpin akar umbi berperanan memberikan nasihat dan penerangan kepada anak buah kampung cara pembuangan sampah sarap yang terbaik di Kampong Ayer.

Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun menyatakan perkara itu di Majlis Pelancaran Bengkel Mengenai Sampah Sarap

Di Kampong Ayer sempena Hari Alam Sekitar Sedunia anjuran Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi di Kementerian Pembangunan di sini.

Semasa kedatangan British katanya, pertumbuhan penduduk di Kampong Ayer adalah berkembang dan sekitar akhir tahun 80-an, penduduk di Kampong Ayer berjumlah kira-kira 50,000 orang.

"Sekarang ini apabila beberapa kebakaran ber-

laku di Kampong Lurong Sekuna, Kampong Ujong Kelinik dan Kampong Sungai Kedayan jumlah tersebut telah berkurangan dan diikuti dengan proses pemindahan dalam Rancangan Perpindahan Negara," jelasnya.

Menurut Dato Paduka, akibat terjadinya pencemaran alam oleh sampah sarap yang dibuang sesuka hati di Kampong Ayer, kebanyakan hidup-hidupan laut yang pada dulunya senang dilihat tetapi kini hidupan tersebut jarang kelihatan lagi.

Dalam hubungan itu tegasnya, perlu adalah keprihatinan dan kesedaran terhadap pencemaran alam tersebut, dari segi kebersihan sampah sarap di kalangan penduduk di Kampong Ayer.

Pemangku Pengarah Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Haji Zakaria dalam ucapan alu-aluannya menjelaskan mengenai tujuan bengkel iaitu memberi peluang kepada pihak Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi dan penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan pihak sekolah di Kampong Ayer untuk bertukar-tukar pengetahuan, pengalaman dan pandangan mengenai isu pembuangan dan pengutipan sisa di Kampong Ayer.

Menurut beliau, melalui perbincangan dan pertukaran pandangan kita akan dapat sama-sama mengenal pasti cara-cara dan kaedah yang berkeungkinan mempunyai potensi untuk didalam pelaksanaannya oleh pihak yang berkenaan.

Katanya, kita menyedari bahawa adalah sukar untuk mencari penyelesaian yang tepat dan dapat diterima oleh semua peser-



PEGAWAI Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Harun berucap melancarkan Bengkel Mengenai Sampah Sarap Di Kampong Ayer, sempena Hari Alam Sekitar Sedunia anjuran Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan. - Gambar oleh Abdullah HAD.

ta dalam waktu yang singkat.

Walau bagaimanapun jelasnya, sekurang-kurangnya pihak jabatan dapat mendengar pandangan dan buah fikiran dari penghulu-penghulu, ketua-ketua kampung dan pihak sekolah yang boleh dijadikan sumber untuk membuat apa jua tindakan lanjut mengenainya.

"Apa pun yang akan diungkapkan oleh jabatan untuk menangani masalah dan isu yang dihadapi oleh orang ramai memerlukan sokongan dan penyertaan orang ramai," katanya.

Sepanjang bengkel para peserta mendengar penerangan mengenai barang-barang yang boleh dikitar semula disampaikan oleh Pegawai Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Haji Sufi Hasni bin Haji Sarbini, penerangan mengenai Projek-projek Pengitaran Semula oleh

pihak Syarikat Gas Cecair Asli Brunei (BLNG) yang disampaikan oleh Dayang Hajah Diana dan penerangan mengenai projek di kampung oleh pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Di samping beberapa sesi perbincangan turut disentuh antaranya isu-isu yang dihadapi oleh penduduk Kampong Ayer berhubung kait dengan penerangan yang telah disampaikan, selain mengenal pasti perkara-perkara yang dicadangkan bagi menangani isu-isu yang dihadapi oleh penduduk Kampong Ayer, di samping sesi bagi mempersetujui tindakan yang berkemungkinan boleh dilaksanakan hasil daripada perbincangan tersebut.

Sambutan Hari Alam Sekitar Sedunia 2003 bertepatan 'Air - Dua Ribu Orang Amat Memerlukan Air'.



PEGAWAI Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Awang Haji Sufi Hasni bin Haji Sarbini menjelaskan mengenai prinsip 3M untuk barang-barang yang boleh dikitar semula. - Gambar oleh Abdullah HAD.



DEMONSTRASI kitar semula dari bahan-bahan kertas oleh pihak Universiti Brunei Darussalam (UBD). - Gambar oleh Abdullah HAD.



DAYANG Hajah Diana dari BLNG menyampaikan taklimat mengenai kitar semula yang dijalankan oleh BLNG semasa Bengkel Mengenai Sampah Sarap Di Kampong Ayer. - Gambar oleh Abdullah HAD.



**JABATAN
PENGANGKUTAN DARAT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

Bilangan Tawaran : JPD/2/2003

**TAWARAN BAGI KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DALAM/ LUAR
BANGUNAN PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN BERKOMPUTER
JALAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon tempatan untuk membersihkan dalam/luar Bangunan Pusat Pemeriksaan Kenderaan Berkomputer Jalan Gadong, Negara Brunei Darussalam.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran dengan sampul surat yang bertutup rapat dan hendaklah ditulis/ditandaskan : JPD/2/2003 - TAWARAN KERJA-KERJA PEMBERSIHAN DALAM/ LUAR BANGUNAN PUSAT PEMERIKSAAN KENDERAAN BERKOMPUTER JALAN GADONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM tanpa menunjukkan identiti pemohon kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat pada hari **Isnin 21 Julai 2003** jam 2.00 petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.
3. Wang Bayaran Tawaran (Tender Fee) hendaklah dibayar dan diserahkan kepada Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Darat, Tingkat 4, Jalan Benib/Gadong, Negara Brunei Darussalam sebanyak \$300.00 (tunai) dan seterusnya bolehlah memperoleh syarikat-syarikat tawaran dan penerangan lanjut mengenainya. Bayaran tawaran ini tidak akan dikembalikan kepada semua pemohon-pemohon yang tidak berjaya.
4. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN MUZIUM-MUZIUM
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN
BELIA DAN SUKAN**

Bilangan Tawaran: EMPAT/JMB/2003

**TAWARAN MEMBELI RAK UNTUK MENYIMPAN KOTAK-KOTAK
ARKIB**

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang diserahkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan.
2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 7 Julai 2003**. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tender fee sejumlah \$150.00 adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan. Pembayaran bolehlah dibuat di Bahagian Hasi Mahsul, Jabatan Muzeum-Muzeum, Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Residency.
4. Salinan resit hendaklah disertakan bersama dokumen tawaran.
5. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Pentadbiran, Ibu Pejabat Jabatan Muzeum-Muzeum, Tingkat 7, Bangunan Pusat Latihan Kesenian dan Pertukangan Tangan Brunei, Jalan Residency, Bandar Seri Begawan BS 8110.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang paling rendah dan lain-lain.
7. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dan dimasukkan ke dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk tawaran yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pembekal. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat ditunjukkan rujukan dan tarikh tawaran seperti berikut: Bilangan Tawaran : EMPAT/JMB/2003. Tarikh tutup hari **Isnin 7 Julai 2003** jam 2.00 petang. - MEMBELI RAK UNTUK MENYIMPAN KOTAK-KOTAK ARKIB.
8. Masa menerima bayaran tawaran dan pemberian dokumen tawaran hari **Isnin** hingga **Khamis 8.00 pagi** hingga **11.00 pagi**. Sabtu 8.00 pagi hingga 10.00 pagi.



**JABATAN
KESELAMATAN DALAM NEGERI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran : KDNUGS/52-07/2003

TAWARAN "REINSTALLATION AND SUPPLY OF SPECIAL EQUIPMENT"

Syarat-Syarat Tawaran:

1. TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
2. Dokumen Tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Keselamatan Dalam Negeri, Tingkat 2, Turnasek Plaza, Seri Complex, Jalan Tutong Bandar Seri Begawan.
3. Dokumen Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa kepada: Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Tingkat 16, Kompleks Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
4. Tarikh tutup Tawaran ialah hari **Isnin 30 Jun 2003** jam 2.00 petang. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.
5. Dokumen Tawaran hendaklah disilkan dengan lengkap dan disertakan dengan salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan.
6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran-tawaran yang terendah atau lain-lain tawaran.



**JABATAN PERANCANGAN
DAN KEMAJUAN EKONOMI
JABATAN PERDANA MENTERI**

Bilangan Tawaran : JPKE/ADM/SE/1

TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SEBUAH (1) KENDERAAN

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN adalah dipelawa bagi membekalkan sebuah (1) buah kenderaan bagi kegunaan Jabatan Perancangan dan Kemajuan Ekonomi.
2. Dokumen tawaran boleh diperolehi di Jabatan Pentadbiran dan Teknologi Info-Komunikasi, Aras, 5 (East Wing) Blok 2 A, Jalan Ong Sum Ping.
3. Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Negara, Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Isnin 7 Julai 2003**.



**JABATAN
KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA
KEMENTERIAN KEWANGAN**

BILANGAN TAWARAN: KASTAM/5/2003

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa bagi "THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF CCTV SECURITY SYSTEM TOGETHER WITH RELATED HARDWARE AND SOFTWARE FOR THE ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM".
2. Dokumen-dokumen terperinci tawaran bolehlah diperolehi dari Bahagian Perkhidmatan Pelanggan, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam setelah menjelaskan Yuran Dokumen Tawaran berjumlah \$200.00 (tidak dikembalikan), pada setiap hari **Isnin** hingga hari **Khamis** dari jam 8.00 pagi hingga 11.00 pagi sahaja.
3. Tarikh akhir mendapatkan dokumen tawaran adalah pada hari **Isnin, 14 Julai 2003**.
4. Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup rapat dan diserahkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Jalan Kebangsaan, Simpang 259, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut:

"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF CCTV SECURITY SYSTEM TOGETHER WITH RELATED HARDWARE AND SOFTWARE FOR THE ROYAL CUSTOMS AND EXCISE DEPARTMENT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" tanpa menunjukkan nama syarikat pembekal dan mestilah dihantar tidak lewat dari jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 21 Julai 2003**.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau menolak sebarang tawaran yang dikirakan tidak munasabah.



UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM

Bilangan Tawaran : UBD/E/08/2003 dan UBD/E/09/2003

BILANGAN TAWARAN	KETERANGAN	BAYARAN TAWARAN
UBD/E/08/2003	SUPPLY, DELIVER AND INSTALL "PERSONAL COMPUTER SYSTEM"	Bayaran Dokumen & Pentadbiran \$50.00 (Tidak dikembalikan)
UBD/E/09/2003	THE TURFING OF DEWAN CANCELOH, UNIVERSITI BRUNEI DARUSSALAM.	Bayaran Dokumen & Pentadbiran \$50.00 (Tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Pejabat Bendahari, Universiti Brunei Darussalam, Negara Brunei Darussalam tidak lewat jam 2.00 petang pada hari **Isnin, 7 Julai 2003**.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang ditetapkan tidak akan diterima dan dilayan.
3. Tiap-tiap tawaran hendaklah dinyatakan tempoh pembekalannya.
4. Segala kehendak dalam borang ini mestilah ditulis dengan betul dan terang jika tidak permohonan tawaran ini akan ditolak.
5. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk atau bilangan tawaran seperti mana yang diiklankan serta tarikh tutup tawaran ini, tanpa menunjukkan identiti pembekal/pemohon dan ditunjukkan kepada Pengerusi Tawaran Tabung UBD, Universiti Brunei Darussalam, Jalan Tungku Link, Gadong BE 1410, Negara Brunei Darussalam.
6. Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut boleh diperolehi dari Universiti Brunei Darussalam.
7. Bayaran Dokumen dan Pentadbiran (tidak dikembalikan) dan hendaklah dibayar dengan wang tunai. Waktu menerima cagar tawaran adalah seperti berikut : **Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.00 pagi, 1.30 petang - 2.30 petang, Sabtu : 8.00 pagi - 10.00 pagi.**
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.
9. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama.
10. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.
11. Lain-lain Perkhidmatan boleh didapati dari <http://www.ubd.edu.bn>



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

**TAWARAN LESEN-LESEN INDUSTRI
PENANGKAPAN IKAN DI KAWASAN-KAWASAN LAUT
DALAM ZON EKONOMI EKSklusif [EEZ] 2 DAN 3 DI
PERAIRAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

JABATAN Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memaklumkan bahawa masih terdapat beberapa kekosongan lesen-lesen perusahaan bagi industri penangkapan ikan dengan menggunakan Pukat Lingkong zon 2 dan 3 di kawasan-kawasan zon ekonomi eksklusif [EEZ] perairan Negara Brunei Darussalam.

Sehubungan dengan ini, Jabatan Perikanan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama memepelawa syarikat-syarikat yang berminat untuk memohon lesen-lesen perusahaan Pukat Lingkong berkenaan.

Untuk keterangan lanjut dan bagi mendapatkan borang-borang permohonan, pemohon-pemohon bolehlah menghubungi Seksyen Perkembangan Industri Tangkapan Perikanan, Muara di talian 2770066, 2772782 dan 2772781 pada masa-masa waktu bekerja. Satu sesi seminar mengenai perkara di atas akan diadakan pada 5 Julai 2003 jam 2.00 petang, bertempat di Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-sumber Utama, Negara Brunei Darussalam. Tarikh tutup menerima permohonan ialah pada hari **Sabtu, 26 Julai 2003** jam 4.30 petang.



**JABATAN BURUH
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**JAWATAN KOSONG SEBAGAI
PEGAUW PERANGKAA BERGAJI HARI**

- 1) **PENOLONG PEGAUW PERANGKAA BERGAJI HARI DI JABATAN BURUH, KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI.**
GAJI : \$ 90.45 SEHARI

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:-

- Mestilah terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- Mempunyai pengetahuan tentang kerajinan agama Islam, Adat Istiadat Negara, adat resam dan kebudayaan orang-orang Melayu Brunei dan perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- i) Mempunyai kelulusan Diploma Tertinggi (HND) dalam bidang yang bersesuaian atau kelulusan yang diiktiraf sebanding dengannya dalam jurusan Perangkaan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah diberi keutamaan. ATAU
- ii) Sedang dan telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pegawai Perangkaan Rendah atau jawatan-jawatan yang bersesuaian dalam tanggagaji C1-2-3 E4 selama tidak kurang dari lima (5) tahun.
- Pemohon yang terdiri daripada pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai Laporan Penilaian Prestasi di tahap SANGAT BAIK sekurang-kurangnya bagi tempoh 3 tahun kebelakangan dan mendapat sokongan yang kuat dari Ketua jabatan.
- Hendaklah boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris dengan baik.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:-

- Membantu Penolong Pesuruhjaya Buruh dalam mengumpul, menyediakan, merumuskan dan menganalisa perangkaan yang disediakan.
- Membantu Penolong Pesuruhjaya Buruh mengawasi Bahagian Kajian dan Perancangan.
- Membantu Penolong Pesuruhjaya Buruh dalam membuat kajian dan perancangan pembetulan dan pembangunan jabatan dalam hal ehwal perburuhan dan seumpamanya.
- Membantu Penolong Pesuruhjaya Buruh menyediakan laporan-laporan bulanan, tahunan jabatan dan dibukukan mengikut tempoh yang telah ditetapkan.
- Menyemak jadual-jadual yang disediakan oleh Kerani Penilaian, Kerani Perangkaan dan Pekerja Tingkat III.
- Menyediakan jadual /perangkaan yang diarahkan oleh Pegawai Atas atau dari jabatan-jabatan lain yang berkaitan dengan data maklumat Jabatan Buruh dan jadual-jadual lain yang dikendalikan oleh Bahagian berkenaan.
- Mengumpulkan data-data maklumat dan menyediakan perangkaan yang dikehendaki oleh Pegawai Atas atau Ketua-Ketua Bahagian.
- Menghadiri mesyuarat yang diadakan di dalam Jabatan mahupun sebagai wakil jabatan di luar.
- Menyediakan data-data dan bahan-bahan maklumat bagi penyediaan kertas kerja.
- Membantu Bahagian Pusat Pekerjaan dalam penyediaan kursus-kursus latihan bagi pencari-pencari kerja tempatan.
- Sebagai Ketua Kumpulan Kerja Cemerlang (KKC) Bahagian dan bertanggungjawab memastikan KKC di bawah jaguannya berjalan dengan baik dan lancar.
- Sebagai Pegawai Perhubungan Awam Jabatan Buruh.
- Bersedia untuk bertugas di luar waktu bekerja (hari-hari kelepasan awam dan cuti awam) jika diperlukan.
- Bersedia untuk bertugas di mana-mana cawangan di negara ini jika diperlukan.
- Lain-lain tugas dan tanggungjawab yang diarahkan oleh Pegawai Atas dari masa ke semasa.

Semua pemohon hendaklah mengisikan Borang SPA/1 yang boleh didapati daripada Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan siji-siji persekolahan kepada alamat berikut:- Jabatan Buruh, Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan Tempatan, Tingkat 4, Bangunan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan/Buruh, Jalan Menteri Besar, BB 3910, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Tutup Permohonan: Hari Khamis, 10 Julai 2003 jam 4.00 petang.



**JABATAN PERIKANAN
KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA**

Bilangan Tawaran: JPI/16/2003

TAWARAN BAGI DESIGN, SUPPLY AND INSTALLATION OF A COMPLETE/FULL WATER REGULATING SYSTEM FOR 2 UNITS OF 6 M. x 10 M. x 1.2 M. CONCRETE SHRIMP BROODSTOCK TANKS

Syarat-Syarat Tawaran:

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat yang benar (bona-fide) bagi mereka bentuk, membekal dan memasang "water recirculating system". Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup rapi (sealed) dengan menyatukan TAWARAN BAGI DESIGN, SUPPLY AND INSTALLATION OF A COMPLETE/FULL WATER REGULATING SYSTEM FOR 2 UNITS OF 6 M. x 10 M. x 1.2 M. CONCRETE SHRIMP BROODSTOCK TANKS (JPI/16/2003) di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan identiti perender dan dihantar kepada alamat berikut: Pengerusi, Lembaga Tawaran Negara, Kementerian Kewangan, Tingkat 16, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dan dimasukkan ke dalam Peti Lembaga Tawaran Negara yang beralamat seperti berikut: Kaunter Penyambut Tetamu, Tingkat 1, Bangunan Kementerian Kewangan, Simpang 259, Jalan Kebangsaan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam tidak lewat daripada hari Isnin, 28 Julai 2003 jam 2.00 petang.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan jam yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
- Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan lanjut boleh didapati dari Jabatan Perikanan, Tingkat 3, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam.
- Cagaran Tawaran \$100.00 (bagi setiap tawaran di atas) adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap tawaran yang benar (bona-fide) yang tidak berjaya.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN LEMBAGA BANDARAN
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

JAWATAN KOSONG

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di dalam Perkhidmatan-Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

1) PEGAUW MELESEN

TANGGAGAJI : C1-2 EB 3 \$ 1,280 - \$ 2,270 SEBULAN

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai kelulusan Sijil Tertinggi Kebangsaan (HNC) dalam bidang Business Studies atau dalam bidang yang bersesuaian.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Mempunyai kelulusan BDTVEC Diploma Kebangsaan (ND) dalam bidang yang bersesuaian serta telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sekurang-kurangnya 5 tahun. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tanggagaji D1 sekurang-kurangnya 7 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB

- Selaku Penolong/ Pembantu kepada Setiausaha Melesen dan selaku Ketua Unit.
- Meneliti dan membuat sokongan permohonan-permohonan untuk mendapatkan lesen perniagaan (pertama kali) dan permohonan untuk membarui lesen (tahunan).
- Bertanggungjawab di dalam memantau perjalanan perniagaan di tempat-tempat/ premis perniagaan yang dilesenkan khususnya di dalam menguatkuasakan peraturan-peraturan di segi keselamatan, kesihatan dan kebersihan.
- Bertanggungjawab di dalam mengambil tindakan ke atas kegiatan perniagaan yang dijalankan tanpa lesen perniagaan yang sah.
- Mengetuai tugas operasi khas.
- Memberi taklimat/ ceramah mengenai tatacara permohonan untuk mendapatkan lesen perniagaan.

2) PEGAUW KANAN LETAK KERETA

TANGGAGAJI : D.3EB 4-5 \$ 900 - \$ 1,625 SEBULAN

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN:

- Mempunyai kelulusan BDTVEC Sijil Kebangsaan (NC) dalam bidang yang bersesuaian.
Calon-calon yang mempunyai kelulusan yang bersesuaian yang lebih tinggi adalah merupakan satu kelebihan. ATAU
- Telah berkhidmat dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sebagai Pengawas Letak Kereta D1-2 EB3 atau jawatan yang sebanding dengannya sekurang-kurangnya 3 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

- Bertanggungjawab kepada Penguasa Letak Kereta dan memastikan Pengawas-Pengawas Letak Kereta dan Atendan Letak Kereta.
- Menjadi Ketua Kepada Pengawas Letak Kereta dan Atendan Letak Kereta.
- Memastikan tugas-tugas Atendan Letak Kereta di jalan mengikut Peraturan Lalu Lintas (Lembaga Bandaran, Bandar Seri Begawan) - (Tempat Letak Kereta 1972 pindaan 1979 dan 1983).



**JABATAN PERANCANG
BANDAR DAN DESA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

JAWATAN KOSONG SEBAGAI MERINYU PERANCANG

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada pemohon-pemohon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong yang berikut di dalam perkhidmatan Kerajaan Negara Brunei Darussalam.

MERINYU PERANCANG (BILANGAN KOD: 096 70 116)

DI JABATAN PERANCANG BANDAR DAN DESA
TANGGAGAJI : D1-2-3 EB4-5 \$ 530 - \$ 1,625 SEBULAN

SYARAT-SYARAT KELAYAKAN

